



MALAYSIA

Hari Khamis
25hb Januari, 1973

PENYATA RASMI OFFICIAL REPORT

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
5767]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1973:

Jawatankuasa—

Jadual—

Kepala-kepala B. 29 hingga B. 34 [Ruangan 5798]

Kepala-kepala B. 35 hingga B. 37 [Ruangan 5841]

Kepala B. 61 [Ruangan 5874]

Kepala-kepala B. 38 hingga B. 40 [Ruangan 5890]

Kepala B. 41 [Ruangan 5897]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 5797]

Kepala-kepala P. 29 hingga P. 31 dan P. 34 [Ruangan 5798]

Kepala-kepala P. 35 hingga P. 37 [Ruangan 5841]

Kepala P. 61 [Ruangan 5874]

Kepala P. 41 [Ruangan 5897]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KEDUA

Hari Khamis, 25hb Januari, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan (Timbalan) Yang di Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timur).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N.
(Segamat Selatan).

- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN VALENTINE COTTER alias JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

Yang Berhormat TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGlima ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).

Yang Berhormat PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

- ” TUAN R.C.M. RAYAN *alias* R.C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- ” TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).
- ” DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- ” TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- ” TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- ” DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- ” TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- ” TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- ” WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- ” TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- ” PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kinamis).
- ” TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- ” DATUK TAJUDIN BIN ALI, D.P.M.P., P.J.K. (Larut Utara).
- ” DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- ” TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- ” TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- ” TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- ” TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- ” TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- ” TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- ” TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- ” TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- ” TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.**
- ” Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
 - ” Menteri Perpaduan Negara, TUN V.T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
 - ” Menteri Tak Berpotfolio, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
 - ” Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
 - ” Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M., P.N.B.S. (Kuala Kangsar).
 - ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhomat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- ” Menteri Pelajaran, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., P.I.S., M.B.E. (Johor Bharu Timor).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kemajuan Tanah, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- ” DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- ” DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA’KUB, P.N.B.S., (Payang).
- ” PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- ” TUAN HAJI AHMAD BIN SA’ID, J.P. (Seberang Utara).
- ” TUAN AJAD BIN O.T. OYONG (Labuk Sugut).
- ” TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- ” DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- ” DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- ” TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- ” TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- ” TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- ” TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- ” DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- ” TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).
- ” TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- ” RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- ” DATUK SRI S.P. SEENIVASAGAM, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- ” TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- ” DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- ” TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- ” TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik).

DOA

1971 1972

(Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

PIAGAM WANITA

1. Tuan Ng Hoe Hun (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri adakah Kementerian beliau bercadang untuk meminda peruntukan bagi mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat pesalah-pesalah undang-undang di bawah Piagam Wanita; dan adakah beliau sedar bahawa sebilangan besar wanita-wanita telah diculik dan dipaksa kelembah pelacuran.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj): Tuan Yang di Pertua.

(a) Terlebih dahulu saya meminta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat itu Piagam Wanita yang manakah yang dimaksudkan oleh beliau. Setahu saya Malaysia tiada mempunyai Piagam Wanita, begitu juga Bangsa-bangsa Bersatu tiada memperbuat Piagam Wanita. Jadi soal meminda peruntukan di bawah apa yang dikatakan Piagam Wanita itu, tidaklah timbul.

(b) Berkenaan dengan kenyataan Ahli Yang Berhormat mengenai penculikan wanita yang dipaksa kelembah pelacuran, pihak Polis tiada menerima sebarang laporan berkenaan perkara tersebut. Walau bagaimanapun, jenayah berkaitan dengan pelacuran sentiasa diawasi. Perangkaan yang menunjukkan tindakan Polis terhadap perkara yang berkenaan adalah seperti yang diperuntukkan di bawah ini—

1971 1972

(i) Jumlah wanita-wanita asing yang dihantar balik ke negeri asal	8	6
(ii) Jumlah wanita-wanita yang diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ...	75	64
(iii) Jumlah wanita-wanita yang didakwa di bawah seksyen 15 (1) Enakmen perlindungan Wanita-wanita dan Gadis-gadis Bab 39 ...	14	16

(iv) Jumlah wanita-wanita yang didakwa di bawah seksyen 15 (1) Enakmen perlindungan Wanita-wanita dan Gadis-gadis Bab 156 ... 8 6

(c) Rang Undang-undang mengenai Perlindungan Wanita-wanita dan Gadis-gadis yang telah dikaji dengan tujuan menyusun semula untuk menyesuaikan dengan keadaan masa sekarang ini telahpun dibacakan kali yang pertama dalam persidangan Parlimen ini dan akan dibincangkan selanjutnya dalam Mesyuarat ini juga.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, adakah betul atau tidak, wanita-wanita yang di culik dan dipaksa menjadi pelacur oleh sebab di negeri kita sekarang ini kurang pelacur? Kalau ya, adakah rancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hendak melesenkan pelacur-pelacur yang sudah berniaga dan melesenkan wanita-wanita yang hendak membuka perniagaan menjadi pelacur-pelacur?

Tun Dr Ismail Al-Haj: Kalau Ahli Yang Berhormat itu tahu sangat atas soal pelacuran ini, saya hendak bertanya dengan beliau, berapa banyakkah pelacur yang ada dalam negeri ini sebelum tindakan akan diambil?

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, saya tahu ada banyak, tetapi saya tidak tahu berapa banyak (*Ketawa*).

RAMAN A/L ALAGIRI—KETUA KONGSI GELAP

2. Tuan Chan Yoon Onn (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- sebab-sebab seorang penorih getah bernama Raman a/l Alagiri dari Ladang Kamuning, Sungai Siput Utara ditangkap pada atau lebih kurang 28hb September, 1971 dan ditahan di Pulau Jerejak sampailah sekarang; dan
- tarikh ia mungkin dibebaskan.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Tuan Yang di Pertua,

- Beliau telah ditangkap pada 29hb September, 1971 dan ditahan selama 2 tahun di Pusat Pemulihan Akhlak,

Pulau Jerejak disebabkan ia adalah ketua Kongsi Gelap yang melakukan kegiatan-kegiatan jenayah seperti memukul orang awam, menuntut wang perlindungan dan cuba memaksa orang awam memasuki kumpulannya di kawasan Ladang Kamuning, Sungai Siput Utara, Perak. Beliau telah ditahan di bawah Seksyen 4 (1) Ordinan Dharurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah), 1969 dengan tujuan hendak mencegahnya daripada melakukan perbuatan yang memudaratkan ketenteraman awam dan juga untuk menghapuskan kekerasan atau mencegah jenayah yang melibatkan kekerasan.

- (ii) Ia mungkin dibebaskan pada 14hb November, 1973, jika kelakuannya dalam masa tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak didapati memuaskan hati.

JUALAN TUAK—MINUMAN

3. **Tuan V. David** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau akan mengulangkaji undang-undang mengenai jualan tuak supaya jualan-nya dibuat secara bebas terutama sekali di ladang-ladang yang telah dipecahkan, memandangkan kepada bertambahnya minuman samsu dari hutan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di Pertua, saya bersedia mengkaji semula perkara ini. Saya khuatir samada kenyataan Yang Berhormat iaitu minuman samsu haram telah bertambah itu betul ataupun tidak. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa cukai eksais atas samsu telah diturunkan daripada \$30 kepada \$20 segelen dalam Belanjawan, 1972. Dengan kerana turun cukai ini maka didapati minuman samsu yang kena cukai telah bertambah. Mengikut statistik kita pengeluaran pukul rata bulanan di antara bulan Januari hingga Oktober, 1972 telah bertambah sebanyak 13% berbanding dengan pengeluaran-pengeluaran dalam tempoh yang sama pada tahun 1971.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada Timbalan Menteri Kewangan, kalau kedai-kedai yang bukan toddy shop boleh menjual toddy di dalam botol, apakah

sebabnya yang fresh toddy tidak boleh dibeli di kedai-kedai runcit atau minuman di kedai kopi?

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, ini soalan lain, tetapi fresh toddy ada undang-undangnya dan undang-undangnya kepada kedai-kedai yang berlesen sahaja dibenarkan untuk dijual.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Adakah Kementerian bersetuju atau tidak, kalau tuak-tuak boleh dijual di lain-lain kedai selain daripada kedai toddy sahaja. Kerajaan boleh dapat banyak lagi revenue. Kalau bersetuju kenapa diam sahaja.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di Pertua, tuak memang tidak haram, toddy sahaja yang haram.

Tuan Ng Hoe Hun: Toddy dan tuak serupa, Tuan Yang di Pertua.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Toddy itu tuak masam. Tuak adalah nira.

MURID-MURID SEKOLAH TAMIL

4. **Tuan Hashim bin Gera** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat sekolah-sekolah Tamil di negara ini yang membayangkan nama murid sekolah dengan memasukkan nama-nama murid-murid yang tidak mengaji di sekolah mereka di dalam buku-buku pendaftaran agar:

- (a) mendapat bantuan kewangan O.C.A.R. dari Kerajaan; dan
- (b) mengambil guru-guru sementara dari bangsa Tamil; dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan akan ambil terhadap pihak berkuasa sekolah-sekolah ini.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini, tetapi Ahli Yang Berhormat itu dapat menyampaikan maklumat-maklumat khusus mengenainya, kita akan mengadakan penyiasatan.

TANAH HAK MILIK SEMENTARA

5. **Tuan Ahmad bin Haji Ithnin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan,

memandang bahawa soal tanah sungguhpun soal Negeri tetapi sukat-menyukat dan pemberian geran-geran tanah adalah dijalankan oleh Jabatan Sukat Persekutuan, maka :

- (a) berapa ekar tanah yang belum disukat tetapi telah dikeluarkan Hakmilik Sementara atau kelulusan ataupun yang primiumnya sudah dibayar di tiap-tiap Negeri; dan
- (b) berapa banyak geran-geran tanah yang belum dikeluarkan setelah sukat-menyukat dijalankan dalam tiap-tiap Negeri di Malaysia Barat.

Menteri Kemajuan Tanah dan Menteri Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di Pertua, luas tanah yang belum disukat tetapi telah dikeluarkan hak milik sementara atau kelulusan ataupun yang premiumnya telah dibayar di tiap-tiap negeri ialah kira-kira 610,283 ekar. Mengikut keluasan negerinya ialah di negeri Perak 23,183 ekar, Pulau Pinang 364 ekar, Negri Sembilan 14,210 ekar, Pahang 139,810 ekar, Perlis 14,694 ekar, Kedah 40,836 ekar, Johor 111,697 ekar, Melaka 1,486 ekar, Kelantan 58,561 ekar, dan bagi negeri Selangor daerah Kuala Lumpur 890 ekar, Klang 20 ekar, Sabak Bernam 4,763 ekar, Trengganu 200,768 ekar.

(b) Bilangan geran-geran yang belum dikeluarkan ialah kira-kira 121,956 ekar. Mengikut perincian negeri di Perak ialah 25,054 geran, Pulau Pinang 847, Negri Sembilan 1,279, Pahang 3,916, Perlis 608, Kedah 9,400, Johor 12,273, Melaka 1,036, Kelantan 35,455. Bagi negeri Selangor, Kuala Lumpur 1,459, Klang 3,181, Sabak Bernam 1,542 dan Trengganu 25,926.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini ber-cadang sebagai hendak menyelaraskan ataupun menyelesaikan masalah-masalah yang telah diterangkan oleh Menteri yang berkenaan oleh kerana tidak selesainya berkenaan dengan sukatan tanah dan geran-geran. Saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah Kementerian yang berkenaan supaya hendak mengatasi masalah-masalah yang telah banyak ketinggalan ataupun tidak dapat diselesaikan itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sekarang telah mengambil langkah-langkah

terutamanya menyusun semula Pejabat-pejabat Tanah dengan mengadakan latihan kepada semua peringkat pegawai-pegawai serta membeli mesin-mesin yang sesuai supaya kerja-kerja yang terbelakalai itu dapat diatasi dengan seberapa segera yang boleh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar walaupun Jabatan Ukur telah membeli dan menggunakan sebuah computer, tetapi kerja untuk mempercepatkan keluaran Q.T. tidak dcepatkan.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Walaubagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, semenjak computer itu ada kerja-kerja telah bertambah cepat daripada biasa, tetapi belum dapat diselesaikan lagi.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua, saya hendak tahu daripada Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-tugas Khas berkenaan dengan soal tanah dan Negeri. Adakah betul masalah-masalah tanah itu soal Negeri? Kalau betul, apa gunanya ada satu Kementerian Tanah?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu tidak bersangkutan dengan pertanyaan yang asal.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan lagi, Tuan Yang di Pertua. Apa tindakan Kementerian Tanah boleh menyelesaikan masalah-masalah tanah kalau kuasa ada pada Kerajaan Negeri?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itupun tidak bersangkutan juga. Kalau Ahli Yang Berhormat sentiasa mengemukakan soalan-soalan yang terkeluar daripada apa yang dibenarkan oleh Peraturan Mesyuarat pada masa akan datang, saya tidak benarkan lagi Ahli Yang Berhormat menanyakan soalan pertanyaan atau pertanyaan tambahan, kerana merugikan masa Dewan ini sahaja.

Tuan Ahmad bin Haji Ithnin: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Kementerian ini sedar selain daripada hendak menyelesaikan masalah-masalah berhubung dengan geran dan sukatan tanah ini tadi, Kementerian ini juga kekurangan Jurukur ataupun pegawai-pegawai jurukur di tiap-tiap Negeri dalam Malaysia, adakah rancangan Kementerian ini ingin menambah pegawai-pegawai sebagaimana yang saya sebutkan itu tadi?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Kementerian saya sedang mengkaji berkenaan dengan kekurangan pegawai-pegawai. Apabila didapati sesuai untuk penambahan akan diberi tambahan dengan seberapa segera yang boleh.

HARI-HARI SEKOLAH

6. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bilangan hari-hari sekolah dalam tahun 1972; dan
- (b) samada beliau sedar bahawa terdapat banyak sangat cuti bagi murid sekolah dalam tahun 1972.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Bilangan hari sekolah dalam tahun 1972 ialah sebanyak 192 hari. Ini adalah satu hari lebih daripada jumlah yang telah ditetapkan oleh Jawatan-kuasa yang mengkaji hari persekolahan dan hari cuti di Kementerian Pelajaran yang telah memperakukan bahawa hari persekolahan pada tiap-tiap tahun hendaklah tidak kurang daripada 191 hari.
- (b) Bilangan hari cuti di dalam tahun 1972 adalah hampir-hampir sama dengan bilangan hari cuti dalam tahun-tahun sebelumnya. Yang berbeza ialah cuti penggal, di mana di dalam tahun 1972 cuti penggal telah ditukar daripada 3 minggu bagi cuti penggal pertama, 3 minggu bagi cuti penggal kedua dan 5 minggu bagi cuti penggal ketiga kepada 2 minggu bagi cuti penggal pertama, 2 minggu bagi cuti penggal kedua dan 7 minggu bagi cuti penggal yang ketiga.

Perubahan ini adalah dibuat kerana beberapa masaalah yang dihadapi oleh Kementerian Pelajaran sebagaimana berikut.

Selalunya peperiksaan S.P.M./M.C.E. dan peperiksaan S.T.P./H.S.C. bermula sebelum sekolah bercuti pada penggal yang ketiga. Peraturan ini telah menimbulkan beberapa kesulitan dikalangan guru-guru yang juga ingin mengambil peperiksaan tersebut dan dikalangan sekolah-sekolah yang digunakan sebagai pusat-pusat peperiksaan.

Di bawah peraturan yang baharu yang disebutkan tadi, kedua-dua peperiksaan itu

telah dapat diadakan di dalam masa sekolah bercuti dan dengan yang demikian ianya telah membolehkan guru-guru mengambil peperiksaan dengan tidak mengganggu pekerjaan mereka di sekolah-sekolah. Peraturan ini juga telah membolehkan pihak Lembaga Peperiksaan menggunakan bilik-bilik darjah dan dewan-dewan sekolah sebagai pusat-pusat peperiksaan tanpa mengganggu perjalanan pelajaran murid-murid di sekolah-sekolah tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat perkara mengadakan peperiksaan-peperiksaan sebelum sekolah cuti penggal adalah menjadi lebih rumit lagi di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh di mana jumlah penuntut dan guru-guru yang mengambil peperiksaan dan juga jumlah guru-guru yang ditugaskan mengawasi peperiksaan adalah begitu besar. Di samping itu, sebilangan besar daripada sekolah-sekolah di bandar-bandar seperti yang disebutkan tadi adalah digunakan sebagai pusat-pusat peperiksaan dan jika sekiranya peperiksaan itu diadakan semasa hari bersekolah, maka kanak-kanak yang mana guru-guru mereka terlibat di dalam peperiksaan tersebut, samada sebagai calon peperiksaan ataupun sebagai pengawas peperiksaan, maka murid-murid itu tidak akan dapat menerima pelajaran yang biasa mereka terima. Malahan kehadiran murid-murid di sekolah-sekolah yang telah ditetapkan sebagai pusat-pusat peperiksaan hanya akan mengganggu ketenteraman yang diperlukan oleh calon-calon yang mengambil peperiksaan di sekolah-sekolah tersebut.

Selain daripada itu di dalam masa cuti penggal ketiga Kementerian juga mengadakan banyak kursus-kursus di dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang sedang berkhidmat untuk meninggikan taraf ikhtisas guru-guru itu sendiri dan juga untuk memberi guru-guru itu cara-cara pengajaran yang baru lagi moden. Umpamanya di dalam cuti penggal ketiga di hujung tahun 1972 tidak kurang daripada 20 macam kursus dalam perkhidmatan telah diadakan diberbagai-bagai pusat latihan perguruan dan pusat-pusat lain yang telah melibatkan sebilangan besar daripada guru-guru. Kursus-kursus seperti ini akan terus dijalankan untuk beberapa masa yang akan datang.

Selain daripada masaalah peperiksaan dan penglibatan guru-guru di dalam peperiksaan-peperiksaan tersebut, baik yang mengambil

peperiksaan ataupun yang mengawas peperiksaan, ada juga didapati di setengah-setengah kawasan di negara kita, terutama di negeri-negeri di Pantai Timur Malaysia Barat, yang kerap kali ditimpa bencana alam, yang mana pada ketika yang tersebut sekolah-sekolah terpaksa ditutup bagi mengelakkan kanak-kanak sekolah daripada menjadi mangsa bencana tersebut. Bagi kawasan-kawasan yang di landa banjir pada lazimnya sekolah-sekolah di kawasan itu digunakan sebagai pusat-pusat penempatan mangsa-mangsa banjir.

Jadi dengan adanya peraturan cuti hujung tahun yang panjang itu maka Kementerian Pelajaran sedikit sebanyak dapat membantu di dalam mengatasi masalah-masalah yang telah saya sebutkan tadi.

Walau bagaimanapun suka saya menyebutkan di sini bahawa Kementerian Pelajaran bersedia mengkaji perkara ini iaitu perkara cuti yang banyak bagi kanak-kanak sekolah, terutama perkara cuti penggal ketiga yang dianggap terlalu lama itu. Kementerian Pelajaran telahpun meminta pendapat daripada guru-guru, daripada ibu-ibubapa, daripada Ketua-ketua Pegawai Pelajaran Negeri untuk mengetahui pandangan-pandangan mereka berkenaan dengan cuti sekolah ini dengan harapan satu peraturan yang lebih memuaskan akan dapat kita wujudkan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di Pertua, tadi Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran telah menyatakan masa untuk sekolah murid-murid ialah 192 hari setahun dan beliau menyatakan itu sehari lebih daripada apa yang biasa pada masa dahulu, iaitu masa yang dahulu cuma murid pergi ke sekolah 191 hari sahaja. Saya hendak bertanya kepada beliau di dalam 192 hari ini, adakah Kementerian Pelajaran kira 4 hari untuk occasional holiday yang diambil oleh tiap-tiap buah sekolah. Kalau sekiranya tidak, maka murid-murid pergi ke sekolah cuma 188 hari sahaja setahun.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Saya maklumkan perkara ini, cuti yang diminta oleh sekolah-sekolah bagi hari-hari besar dan sebagainya pada biasanya bukan sekolah itu yang mengambilnya sendiri, tetapi dengan persetujuan daripada Kementerian Pelajaran.

Dr Tan Chee Khoon: Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar tiap-tiap sekolah ada mengambil 4 hari untuk occasional holiday. Saya tahu oleh kerana di sekolah yang saya telah menjadi Pengerusi Lembaga Pengurus tiap-tiap tahun saya ada memberi kebenaran untuk sekolah itu ambil 4 hari occasional holiday.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Saya kurang jelas apa yang hendak ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, walaupun saya katakan tadi bahawa dari persekolahan yang serendah-rendahnya ialah 191 hari dan tadi saya sebutkan bahawa ada 4 hari di mana sekolah-sekolah boleh meminta cuti oleh kerana hari besar dan sebagainya, dan saya juga menyebutkan tadi bahawa perkara hari persekolahan ini sedang kita kaji. Masalah ini akan dibawa masuk ke dalam kajian ini dan kita akan kemukakan nanti mana jumlah hari yang sesuai bagi kanak-kanak kita bersekolah di dalam masa setahun.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di dalam jawapan Setiausaha Parlimen yang berkenaan beliau menyatakan ada tiga masalah terhadap hari cuti di Penggal III, tujuh minggu beliau menyatakan. Yang pertama beliau menyebutkan tentang guru-guru mengambil peperiksaan. Yang kedua beliau menyebutkan tempat atau pusat peperiksaan yang digunakan oleh calon-calon. Yang ketiga beliau menyebutkan bencana pada hujung tahun. Adakah beliau sedar makin lama makin turun dikurangkan guru-guru hendak mengambil peperiksaan M.C.E. atau S.P.M. dan untuk mencari tempat untuk pusat peperiksaan itu beliau menyatakan di dalam bandar besar itu jadi masalah besar tetapi seperti di Kuala Lumpur adakah Kementerian Pelajaran sedar kalau Kementerian tidak pandang ke sekolah sahaja tetapi di luar sekolah Kerajaan boleh dapat tempat yang sesuai untuk pusat peperiksaan dan bencana ini act of God bagaimanakah Kementerian Pelajaran boleh menyatakan tiap-tiap tahun ada bencana atau banjir, umpamanya di Kuala Lumpur tahun bernasib baik kerana tidak ada bencana. Adakah beliau atau Kementerian sedar ketiga-tiga masalah yang ditimbulkan oleh beliau boleh diatasi.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, masalah ini bukan terdapat di bandar-bandar sahaja. Di bandar-bandar

oleh kerana jumlah yang mengambil peperiksaan terlalu besar, maka tempat yang diperlukan untuk dijadikan sebagai pusat-pusat peperiksaan tentulah banyak hendak kita perlukan dan jumlah pengawas-pengawas yang juga diperlukan untuk mengawasi peperiksaan itu juga besar. Itu bagi masaalah yang di bandar dan sebagaimana yang telah saya sebutkan dalam ucapan Belanjawan bahawa pada tahun ini sahaja lebih daripada 600,000 orang calon akan mengambil peperiksaan pada keseluruhannya.

Mengenai masaalah bencana alam yang saya timbulkan tadi itu masaalah yang terdapat pada tempat-tempat yang lain selain daripada di bandar-bandar ini. Jadi dengan menimbangkan masaalah-masaalah yang ada di bandar-bandar dan masaalah-masaalah lain yang ada di tempat-tempat yang lain, maka dengan sebab itu dibuat satu ketetapan supaya cuti pada hujung tahun ini dapat menolong dalam membantu mengatasi beberapa masaalah besar yang dihadapi itu dan telah saya sebutkan tadi juga di dalam jawapan bahawa kita sedang minta pendapat daripada kaum guru, daripada ibubapa, daripada semua pihak kalau dapat untuk kita mengkaji semula perkara cuti di hujung tahun ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan Kementerian Pelajaran akan minta pendapat daripada ibubapa. Bilakah Kementerian Pelajaran akan berbuat demikian oleh sebab sebagai seorang ibubapa saya belum dapat surat daripada Kementerian Pelajaran.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, surat arahan mengenai perkara ini telah disampaikan kepada Pejabat-pejabat Pelajaran Negeri dan seterusnya disampaikan kepada sekolah-sekolah dan kita tahu di sekolah-sekolah ada Persatuan Ibubapa iaitu satu saluran yang boleh digunakan oleh Kementerian Pelajaran bagi mendapat pandangan yang sepenuhnya daripada ibubapa yang mana anak-anaknya belajar di sekolah-sekolah tersebut.

KAMPUNG-KAMPUNG BARU— SENARAI

7. Tuan Chan Fu King minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan senarai kampung-kampung baru yang akan dijadikan bandar hingga akhir Rancangan Malaysia Kedua.

Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik): Tuan Yang di Pertua, wajar diambil ingatan iaitu kampung-kampung, samada kampung-kampung biasa atau kampung-kampung baru tidaklah mungkin dapat dimajukan menjadi pekan dengan usaha pihak Kerajaan semata-mata. Perkembangan kampung-kampung kepada pekan adalah bergantung kepada "resources" atau "potentialities" kampung-kampung berkenaan. Mungkin sebilangan kecil sahaja kampung-kampung baru yang mempunyai "resources" atau "potentialities" dan boleh dimajukan dan Kerajaan akan mengkaji kemungkinan memajukannya.

TERNAKAN HAIWAN—GALAKAN

8. Tuan Pengarah Rahun anak Debak minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan dasar Kerajaan untuk menggalakkan kemajuan hasil ternakan haiwan di Malaysia. Apakah bantuan yang diberi kepada peladang-peladang untuk menternak lembu.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang menitikberatkan penggalakkan kemajuan hasil ternakan haiwan di Malaysia. Rancangan Malaysia Yang Kedua mengandungi peruntukan bagi projek kemajuan perkhidmatan haiwan yang berjumlah \$29,580,010.00.

Satu langkah yang tegas untuk meluaskan perkembangan perusahaan haiwan di Malaysia ialah menubuhkan Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara. Antara lain-lain Lembaga ini telah ditugaskan untuk mengusahakan kegiatan bagi menjayakan perusahaan ternakan dengan cara besar-besaran.

Bantuan yang diberikan kepada peladang-peladang yang menternak lembu ialah rancangan pawah, pembukaan padang-padang ragut dan perkhidmatan mengawal penyakit-penyakit haiwan adalah dijalankan dengan percuma.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan bahawa sesungguhnya ternakan lembu akan dimajukan diseluruh peringkat. Baharu-baharu ini saya dengar bahawa pihak

Kementerian Pertanian dan Perikanan ada mendapat lembu daripada Amerika yang begitu besar dan khabarnya lembu daging dan harganya cukup mahal. Jadi bilakah benih ataupun baka lembu yang begitu besar dapat diberi kepada pemelihara-pemelihara lembu di seluruh tanahair kita.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, berkenaan lembu baka ini memanglah tak banyak. Ini akan diletakkan di pusat-pusat ternakan ini sahaja dan baka daripada ini barangkali kita akan dapat berikan mengikut peringkat-peringkat dengan kemampuan yang boleh diberi sebab harga lembu baka ini terlampau mahal sangat tidak dapat kita berikan kepada semua tempat di seluruh negara hanya kita letak di pusat-pusat yang mustahak sahaja.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Apakah jenis-jenis dairy cattle sudah diperkenalkan dari luar-luar negeri masuk ke negeri kita, jenis-jenis dairy cattle. Dairy cattle that has been introduced into our country.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Jenis apa?

Tuan Ng Hoe Hun: Lembu-lembu yang beri susu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kalau hendak jenis-jenis lembu ini ada banyak jenisnya. Saya minta notis supaya boleh terangkan satu-satu jenis. Jadi di mana satu Ahli Yang Berhormat hendak faham dia boleh terangkan. Ini bukan satu jenis, ada banyak jenis.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Berkenaan dengan lembu yang beri susu apa bukti yang kita ada dapat susu lembu tempatan tidak baik. Adakah bukti atau tidak.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Itu soalan lain.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Tak bersangkut langsung.

Awang Bungsu bin Abdullah: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan menerangkan dalam Dewan ini apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian

berkenaan supaya memberi lebih banyak lagi menggalakkan ternakan haiwan di Sarawak khasnya di luar-luar bandar.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya Kementerian ini sedang menyiasat kawasan-kawasan yang sesuai di Sarawak. Di negeri-negeri di sebelah Malaysia Barat sudah banyak tempat-tempat yang kita dapati sesuai iaitu di sebelah Negeri Perak, Negri Sembilan, Johor, Pahang dan tinggal di Sarawak sahaja kita belum mendapat lapuran. Kita akan membuat penyiasatan dan untuk menggalakkan ternakan haiwan di Sarawak ini kita berkehendakkan satu kawasan yang luas iaitu tak kurang daripada 2,500 ekar untuk kita jadikan satu pilot projek di Sarawak sedang dalam siasatan.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan. Kita tahu Kerajaan ada satu rancangan membagi lembu kepada orang-orang miskin, tetapi saya hendak tahu, lembu yang dibagikan kepada mereka itu, apa jenisnya, local atau diimpot yang selalu kita bagi.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Jenisnya banyak.

Tuan Ng Hoe Hun: Ya, saya hendak tahu local atau Jersey, Indian cattle atau Gency, Hostine, Redpoe atau Ashes. Itu banyak ada.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Itu saya minta notis.

Tuan Awang Bungsu bin Abdullah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan akan menyiasat hal ehwal tanah dalam Sarawak. Dalam negeri Sarawak yang saya dapat tahu tanah adalah cukup luas, lebih-lebih lagi di bahagian saya Limbang-Lawas, tanah cukup luas dan baik, saya harap Setiausaha Parlimen kepada Menteri ini akan berusaha memberi lebih banyak lagi kepada Sarawak khasnya Limbang-Lawas.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masaalah tanah masih dalam siasatan.

ATENDAN KERETA MAJLIS BANDARAYA GEORGETOWN

9. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada beliau akan mengeluarkan arahan

kepada Majlis Bandaraya Georgetown supaya membayar atendan-atendan kereta Majlis itu gaji yang minima dikehendaki dibayar di sisi undang-undang kepada pekerja-pekerja.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, tidak ada undang-undang berkenaan dengan gaji minima bagi atendan-atendan kereta Majlis Bandaraya Georgetown. Oleh itu, saya tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sebarang arahan kepada Majlis itu mengenai perkara ini.

Tuan Peter Paul Dason: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Bolehkah Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat memberitahu pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Georgetown selain daripada atendan kereta, adakah undang-undang minima gaji?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Soalan itu tak bersangkutan dengan pertanyaan yang asal.

Dr Tan Chee Khoo: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Jika gaji yang diberi kepada atendan Bandaraya Georgetown terlampau rendah bolehkah Menteri yang berkenaan memberi arahan kepada Majlis Bandaraya Georgetown supaya atendan tersebut boleh mendapat gaji yang sesuai.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum pada masa sekarang ada satu Jawatankuasa yang bernama Harun Commission yang menyiasat mengenai perkara-perkara di dalam semua Statutory Bodies maka adalah diminta Ahli Yang Berhormat menunggu report itu, kemudian kita boleh bincangkan atas perkara ini.

TEMBAGA DAN PERAK—JUALAN

10. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa banyak barang-barang tembaga yang dibeli oleh Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia dari pengusaha-pengusaha barang-barang tembaga Trengganu dan berapa banyak yang dibeli dari tempat-tempat lain serta nama tempat-tempat itu.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia pada masa ini belum ada membeli dan menjual barang-barang tembaga dan perak dari mana-mana pihak pun. Pasaran barang-barang tembaga adalah tidak menggalakkan dan harganya terlalu mahal. Tambahan pula amatlah sukar untuk mendapatkan bekalan barang-barang tersebut mengikut jumlah dan mutu yang dikehendaki.

Tuan Haji Abdul Wahab Yunus: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian sedar bahawa pengusaha-pengusaha tembaga di Pantai Timur khususnya di Trengganu mahu supaya pengeluaran mereka mendapat pasaran yang baik, tidakkah Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia bercadang mahu mengambil pengeluaran mereka di masa yang akan datang.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, ini terpulanglah kepada kedudukan pasaran dan kalau didapati bahawa bahan tembaga ini ada pasaran dan menarik samada kepada rakyat jelata negeri ini dan kepada mereka yang datang dari luar negeri, mungkin kedudukan perusahaan tembaga ini akan lebih baik lagi.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa ada sebuah syarikat yang dinamakan Syarikat Selangor Pewter di Kuala Lumpur dapat mengeluarkan bahan pengeluarannya yang dibuat daripada tembaga juga di mana didapati pasarannya adalah baik, sedangkan perusahaan tembaga yang dibuat oleh perusahaan tembaga bumi-putra di Trengganu tidak mendapat pasaran seperti yang didapati oleh syarikat itu.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalan yang ditanyakan di sini ialah berhubung dengan Syarikat Batik dan Perusahaan Tangan Malaysia dan pada pendapat syarikat ini pasarannya tidak ada pada masa ini. Jadi soal yang telah dibangkitkan berhubung dengan syarikat yang baru tadi tidaklah ada kaitan dengan soal yang berhubung dengan syarikat yang ditanyakan itu.

BARANG-BARANG BUATAN MALAYSIA—PENGUNAAN

11. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus industriawan menyatakan:

- (a) mengapa Kerajaan tidak menggalakkan syarikat-syarikat asing mengeluarkan barang-barang buatan Malaysia dan tidak hanya menjadi tempat memasang sahaja; dan
- (b) mengapa Kerajaan tidak menggalakkan perusahaan membuat barang-barang gantian (spare parts) sebagai langkah pertama kearah membuat barang-barang itu sendiri.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua,

- (a) Adalah dasar Kerajaan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha luar negeri menubuhkan projek-projek perindustrian yang berangkaian (integrated) di Malaysia untuk pasaran tempatan dan luar negeri. Dalam peringkat permulaan, oleh kerana pasaran dalam negeri adalah terhad, penubuhan projek-projek seperti ini untuk mengeluarkan bahan-bahan belahan dengan banyaknya di dalam negeri akan tidak menguntungkan. Ini akan menaikkan kos dan menyebabkan harga yang tinggi kepada pengguna-pengguna di Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai satu dasar, Kerajaan telah berkehendakkan pengusaha-pengusaha melaksanakan rancangan menambahkan penggunaan barang-barang buatan tempatan dalam jangka masa beberapa tahun. Dasar ini menentukan bahawa syarikat-syarikat yang pada mulanya hanyalah satu perusahaan memasang akan beransor menambahkan penggunaan bahan-bahan tempatan dan keluaran tempatan. Contohnya terdapat dalam perusahaan-perusahaan membuat peti-sejuk, kipas angin, seterika letrik dan lain-lain keluaran di mana hampir semua bahan-bahan belahannya adalah keluaran tempatan yang dibuat dari bahan-bahan mentah yang diimpor.

- (b) Pengeluaran bahan-bahan ganti dan bahan-bahan belahan untuk pemasangan supaya dijadikan keluaran siap dan untuk pasaran ganti adalah menguntungkan hanya jika kilang-

kilang tempatan sudah sedia ada untuk memasang keluaran siap, ataupun jika ada satu pasaran bahan-bahan ganti yang besar. Oleh itu, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk menggalakkan pada mulanya penubuhan projek perindustrian memasang supaya mengujudkan demand untuk bahan-bahan belahan. Demand untuk bahan-bahan belahan ini selepas satu jangka masa akan menimbulkan pula demand bagi menubuhkan kilang-kilang yang mengeluarkan bahan-bahan belahan. Dasar ini telah membawa pada penubuhan satu perindustrian pemasangan bagi barang-barang dan alat-alat letrik penggunaan rumahtangga seperti peti sejuk, peti talivisyen, kipas angin, alat memasak dan lain-lain. Dalam peringkat kedua, projek-projek perindustrian telah ditubuhkan untuk mengeluarkan berbagai-bagai jenis bahan belahan untuk disalurkan kepada syarikat-syarikat pemasangan dan dengan itu akan meninggikan lagi penggunaan daya pengeluaran tempatan dan bahan-bahan keluaran tempatan.

Berkenaan dengan pengeluaran bahan-bahan ganti untuk pasaran ganti pula, ini hanya akan menguntungkan jika pasarannya besar dan tidak berpecah menjadi pasaran yang kecil dan terhad, oleh kerana bentuk-bentuk dan perincian-perincian yang berbeza-beza. Dalam keadaan yang demikian, Kerajaan telah menggalakkan penubuhan projek-projek perindustrian yang sesuai seperti membuat tayar, tiub, bateri dan lain-lain. Selain dari itu, tindakan telah diambil untuk menggalakkan pengeluaran bahan-bahan seperti "shock absorber", sistem ekzos, palam penyucuh dan berbagai-bagai bahan-bahan ganti yang lain bagi kereta-kereta oleh kerana pasaran ganti untuk keluaran-keluaran ini adalah besar. Di mana pasaran ganti tempatan berpecah menjadi pasaran yang kecil dan terhad oleh kerana bentuk dan perincian yang berbeza-beza, penubuhan perindustrian mengeluarkan barang-barang ini tidak syak lagi akan meninggikan kos pengeluaran dan menyebabkan kenaikan harga bagi pengguna-pengguna Malaysia. Oleh itu penubuhan bahan-bahan ganti ini tidak digalakkan sekurang-kurangnya buat masa ini.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan di dalam Dewan ini tentang rancangan jangka-pendek ataupun masa yang dihadkan bagi membolehkan kita mengeluarkan sesuatu barang itu terdiri daripada, kebanyakannya adalah bahan-bahan tempatan dan tidak seperti sekarang di mana satu syarikat yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, syarikat yang mengeluarkan peti sejuk, alat talivisyen dan lain-lainnya adalah kebanyakannya atau 90% daripada barang-barang yang diimport. Bolehkah Yang Berhormat memberi penjelasan dalam Dewan ini tentang masa yang dianggarkan bagi membolehkan kita mengeluarkan barang-barang dengan penggunaan bahan tempatan sendiri.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalan ini ialah soal mana yang penting untuk menggalakkan sesuatu perindustrian berhubung dengan barang-barang gantian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Seperti saya sebutkan tadi soal ini tidak dapat dijawab melainkan kita dapat ketahui bahawa perindustrian barang-barang dengan secara assembly ataupun mengumpulkan barang-barang untuk dibuat keluaran daripada Malaysia, akan dengan cara terus-menerus pula membangkitkan keadaan di mana barang-barang gantian ini akan dikehendaki. Jadi selagi pasaran di dalam negeri ini tidak berkehendakkan barang-barang gantian ini, maka tidaklah dapat kita tentukan setakat mana atau bilakah dengan masa yang tertentu maka Kerajaan akan melaksanakan dasar ini.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan oleh sebab pemasaran untuk spare parts—barang-barang ganti, di tanah air kita kecil, maka kalau kita suruh semua assembler membuat spare parts di tanah air kita, maka harga itu boleh terlampau tinggi. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar kita jangan pandang pemasaran di tanah air kita sahaja, tetapi jika kita memandangkan keluar negeri, maka kita boleh dapat merendahkan benda-benda ganti atau spare parts dan mengekspot benda-benda itu keluar negeri.

Tuan Musa Hitam: Tuan Yang di Pertua, soalan ini akan dikaji oleh Kementerian.

PEKERJA-PEKERJA LUAR BANDAR—MENYATUKAN

12. Dr Tan Chee Khoon (*di bawah S.O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilakah pakar-pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) untuk membantu penyusunan pekerja-pekerja di luar bandar dijangka akan tiba dan berapa lamakah mereka itu dijangka akan menyelesaikan tugas-tugas mereka.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di Pertua, perkara mengenai menyatukan pekerja-pekerja luar bandar adalah sedang dikaji oleh Kementerian saya dengan lain-lain Kementerian dan Jabatan-jabatan yang berkenaan. Adalah agak awal pada peringkat ini untuk menentukan sebarang tarikh bagi pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk datang ke sini bagi mengkaji perkara itu atau berapa lamakah masa yang akan diambil untuk menyudahkan kajian itu.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar perkara ini bukan timbul sekarang sahaja, tetapi Kerajaan Perikatan telah memerintah selama 17 tahun. Dan di dalam masa 17 tahun mengapa Kerajaan tidak mengambil langkah untuk menyiasat perkara ini dahulu.

Tan Sri V. Manickavasagam: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I must make it clear in this House that workers, whether they are in urban or rural areas, can come within trade unions, where there is a contract of service. As for others, there are organizations existing in this country, like Farmers' Associations, Co-operatives and other organizations, whereby workers could go into the appropriate organizations.

Sir, the idea of bringing the rural workers together with those who have contract of service is an idea which is now being discussed even at the International level and we have at least one country in Latin America where they have started this on a pilot scale and it is a bit too early for Malaysia to rush into these things. As I have said, we in Malaysia are looking into it to see how best we could benefit from the experience of others—the best from others, which could be adapted to our needs. I can assure this

House, Sir, that wherever possible, we would do what we can in conjunction with other Ministries to bring this matter at the earliest possible date.

HARGA KELAPA—KEJATUHAN

13. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan hasil penyiasatan FAMA yang telah diarah untuk menyiasat tentang kejatuhan harga kelapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Perikanan (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di Pertua, mengikut kajian FAMA adalah menunjukkan bahawa kejatuhan harga kelapa adalah akibat daripada kejatuhan harga minyak kelapa di pasaran Antarabangsa. Hampir 50% keluaran minyak Malaysia diekspot dan faktor-faktor yang mempengaruhi pasaran Antarabangsa juga memberi kesan.

Harga minyak kelapa di pasaran Antarabangsa (f.o.b. Singapura) telah merosot berterus-terusan daripada purata \$59.92 dalam bulan Januari, 1971 kepada \$33.13 dalam bulan September, 1972. Harga kelapa kering pun juga turut merosot mengikut kejatuhan harga minyak kelapa. Kejatuhan harga sepikul ialah daripada \$36.18 dalam bulan Januari 1971 kepada \$18.67 dalam bulan September, 1972. Harga ini telah naik sedikit semula dalam bulan Oktober, 1972, di mana harga kelapa kering meningkat hingga \$21.12.

Kejatuhan harga minyak kelapa adalah juga disebabkan bertambahnya pengeluaran kelapa kering di dalam dunia akibat daripada bertambah pengeluaran daripada Filipina dari 1,300 tan kepada 1,750 tan dalam tahun 1971, iaitu tambahan sebanyak lebih kurang 35%. Pengeluaran kelapa kering dalam dunia meningkat dari 3,200 tan kepada 3,700 tan dalam tahun 1971, iaitu tambahan sebanyak lebih kurang 16%.

Sebab-sebab utama kejatuhan harga-harga minyak kelapa serta kelapa kering:

- (i) Pengeluaran kelapa kering dunia yang bertambah dengan banyak.
- (ii) Teknologi dalam memproses serta menapis minyak secara moden telah berjaya mencipta macam-macam jenis

minyak sayuran yang boleh menggantikan minyak kelapa samada, untuk dimakan dan juga untuk kegunaan perusahaan, seumpama minyak kacang soya, minyak kelapa sawit, minyak bunga mata hari, minyak ikan dan juga lain-lain jenis lemak binatang.

- (iii) Persaingan harga yang hebat di antara lain-lain minyak dan lemak yang tersebut.

Harga minyak kelapa dalam jangka masa panjang tidak mungkin mencapai peringkat yang diperolehi dalam tahun 1971 melainkan jika terdapat kekurangan bahan lain-lain untuk minyak atau berkurangnya pengeluaran kelapa kering di dalam dunia.

Tuan Ng Hoe Hum: Tuan Yang di Pertua, kalau kita melihat soalan No. 13 berkenaan dengan perkara tadi, kita nampak jawapan itu lain, tidak ada sangkut dengan soalan ini. Soalan ini berkenaan dengan kelapa

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Sila duduk. Ahli Yang Berhormat boleh bertanya soalan tambahan sahaja.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pertanian dan Perikanan bahawa harga kelapa tidak mungkin akan mencapai harga pada tahun 1971. Saya ingin mendapat keterangan daripada Yang Berhormat itu tentang apakah satu rancangan yang difikirkan di atas nasib kelapa ini. Adakah oleh kerana ianya tidak akan mencapai harga yang tinggi, maka akan diberhentikan dahulu kelapa dan diubah kepada rancangan lain atau diusahakan satu benda lain untuk dapat dijadikan satu bahan bagi menggunakan kelapa itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, sebenarnya buat sementara ini Kementerian Pertanian sedang menyusun masyarakat pekebun-pekebun kecil kelapa supaya mereka itu membuat tanaman-tanaman selingan selain daripada kelapa sahaja supaya mereka tidak hanya semata-mata bergantung kepada pendapatan daripada hasil kelapa untuk menghadapi barangkali kalau harga kelapa ini tidak boleh naik yang setinggi-tingginya sebagaimana yang didapati dalam tahun 1971 dahulu. Dan selain daripada itu diperingkat

Kementerian sedang melantik satu Jawatankuasa untuk membuat kajian di dalam soal ini dan Jawatankuasa ini belum lagi menyiapkan laporannya untuk pengetahuan Kementerian.

Tuan Ng Hoe Hun: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Saya tahu FAMA sudah menyiasat satu rancangan berkenaan dengan perkara kelapa ini. Saya hendak tahu sampai sekarang sebiji kelapa yang besar yang sudah dibuka berapa harganya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Kelapa besar yang sudah dibuka atau tidak dibuka tidak berbangkit dalam soal ini. Ini adalah penyiasatan laporan yang dibuat oleh FAMA.

Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri yang berkenaan menggalak dan menyeru kepada FAMA supaya mendirikan kilang-kilang memproses minyak kelapa di Sarawak untuk memperbaiki harga kelapa di negeri itu?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di Pertua, ini juga sedang dalam kajian.

LADA HITAM—PEMASARAN

14. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelaras dan memperbaiki pasaran lada di Sarawak supaya mutu dan jualan lada di Sarawak tidak merosot.

Menteri Perusahaan Utama (Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah menubuhkan sebuah Jemaah Pemasaran Lada Hitam yang beribujabat di Kuching untuk memperbaiki pemasaran lada hitam di Sarawak. Setakat ini Jemaah ini telahpun memulau tugasnya melesen peraih-peraih lada hitam dengan tujuan mengawal perdagangan lada hitam. Kemudahan-kemudahan mengred dan memproses juga akan dimulakan untuk mengesahkan mutu lada hitam yang dapat dikenal diperingkat ekseptor dan untuk mengurangkan pengesanan gred lada hitam dengan sewenang-wenangnya oleh peraih-peraih di luar negeri.

Tuan Ng Hoe Hun: Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Selalu kalau kita pergi ke kedai, kita boleh beli lada hitam atau lada putih di dalam botol "Made in England", dibuat di luar negeri. Adakah langkah-langkah Kementerian Perusahaan Utama hendak memberhentikan impot lada-lada dari luar negeri ini?

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Itu tidak bersangkut dengan soalan berkenaan dengan pepper marketing di Sarawak.

SYARIKAT MINYAK SHELL BHD

15. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada Menteriannya akan menggesa Syarikat Shell di Lutong, Sarawak supaya menawarkan lebih banyak lagi kontrek-kontrek jauh ke laut kepada anak tempatan Malaysia.

Datuk Haji Abdul Taib bin Mahmud: Tuan Yang di Pertua, tindakan-tindakan yang sewajarnya telahpun diambil oleh Kementerian pada masa yang lepas untuk meminta Syarikat Minyak Shell Bhd. membeli barang-barang keperluan mereka melalui Kontrakter-kontrakter tempatan. Sebagai menyahut seruan itu Syarikat tersebut telahpun menyatakan kesediaannya untuk berbuat demikian dan membeli barang-barang tersebut, asalkan harga dan mutunya berpatutan.

Baru-baru ini satu mesyuarat di antara pegawai-pegawai Kementerian saya dengan Syarikat-syarikat minyak asing telah diadakan, untuk membincangkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan satu persetujuan telahpun tercapai dengan mana Pernas telahpun bersetuju mengambil bahagian yang cergas dalam usaha memenuhi sebahagian dari keperluan-keperluan bekalan Syarikat minyak di Malaysia Barat ini.

Di Malaysia Timur terutama sekali di Sarawak, Syarikat Shell telahpun memberi peluang kepada Kontrakter-kontrakter tempatan bagi memenuhi keperluan bekalan untuk kerja off-shore rigs, termasuk barang-barang makanan seperti sayur-sayoran.

Di Miri pula misalnya, satu kontrakter tempatan telah diberi satu kontrek oleh Syarikat Minyak Shell bagi memenuhi keperluan bekalan off-shore rigs di Miri.

ELAUN GURU BESAR

16. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan memberikan elaun tanggungjawab kepada guru-guru Besar sekolah yang tidak memegang jawatan-jawatan bergaji tetap dan jika tidak, mengapa.

Tuan Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada masa ini Kementerian Pelajaran sedang mengkaji semula semua jawatan guru-guru besar dengan tujuan mengredkan jawatan-jawatan tersebut.

Apabila urusan ini siap kelak, guru-guru besar dalam Perkhidmatan Pelajaran yang menjalankan tugas yang lebih tinggi daripada gred mereka akan dipertimbangkan untuk diberi elaun menurut apa yang diamalkan di dalam lain-lain perkhidmatan Kerajaan pada masa ini.

Dr Tan Chee Khoo: Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar perkara ini telah dibawa kepada perhatian Kementerian Pelajaran oleh beberapa orang Guru-guru Besar dan Kesatuan-kesatuan Guru-guru. Dan bolehkah beliau menjelaskan berapa lama lagi dianggarkan perkara ini mengambil masa sebelum siasatan itu diselesaikan?

Tuan Mohamed bin Rahmat: Sebenarnya perkara ini pun telah diuruskan sejak beberapa masa dan diharapkan tidak berapa lama lagi penyelesaian mengenai hal ini akan dapat dibuat.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 26 adalah diberi di bawah ini).

MADA—KEJAYAAN

17. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) kejayaan yang telah dicapai oleh MADA dalam menjalankan kajian-kajian ekonomi, sosio-ekonomi dan pengurusan ladang serta usaha mengumpul perangkaan; dan

- (b) kejayaan kempen penerangan untuk mengubah corak mendapatkan pengetahuan dan untuk menggerakkan 50,000 peladang-peladang bagi mencapai tujuan-tujuan dan kegiatan-kegiatan MADA.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: (a) Jawapan kepada pertanyaan (a) itu telah saya beri tatkala menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat pada 17-1-73 pertanyaan No. 11.

Berhubung dengan pertanyaan (b) langkah-langkah sedang dijalankan melalui kempen penerangan untuk menukar sikap dan menambah pengetahuan petani-petani di kawasan Muda supaya menyesuaikan dirinya dengan matlamat dan kegiatan-kegiatan MADA. Kejayaannya boleh diukur dari keluasan kawasan yang ditanam dua kali setahun dan kehadiran orang ramai dalam perjumpaan dan tayangan filem serta juga penyertaan oleh petani-petani dalam acara-acara kursus.

Angka-angka adalah seperti berikut:

- (a) *Tanaman padi dua kali setahun*

Dari hanya 3,000 ekar bendang yang ditanam luar musim dalam 1969 keluasan bendang yang ditanam dua musim dalam 1970 meningkat kepada 83,000 ekar.

- (b) *Pasukan penerangan bergerak*

100 kali tayangan filem telah diadakan oleh 3 buah pasukan kereta penerangan dengan bergilir-gilir kampung dari Februari, 1972 hingga Oktober, 1972. Jumlah kehadiran ditaksir seramai 39,889 orang.

- (c) *Kursus latihan*

Sebanyak 76 kali kursus dua minggu telah diadakan oleh Pusat Latihan Pertanian Padi yang disertai oleh seramai 1,869 orang petani sebanyak 14 kali kursus dua bulan telah diadakan oleh Pusat Latihan Pertanian Berjentera yang disertai oleh seramai 334 orang petani.

Persatuan Peladang

Sebanyak 21 buah persatuan peladang telah ditubuhkan dengan keanggotaan sebanyak 8218 keluarga petani di seluruh kawasan Muda.

AMPANGAN AIR PEDU— KEBOCORAN

18. Tuan Abu Bakar bin Omar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan adakah benar bahawa baru-baru ini Ampangan Air Pedu telah bocor dan adalah dikuatirkan Ampangan itu akan pecah pada satu hari nanti dan juga adakah benar bahawa disebabkan oleh kesilapan-kesilapan teknik, Ampangan Air Pedu ini tidak dapat membekalkan air yang mencukupi kepada rancangan Perairan Muda.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Kedua-dua sangkaan yang terkandung di dalam Pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Ampangan Pedu itu adalah tidak benar. Tirisan yang berlaku sebagaimana di lain-lain Ampangan juga sedang dikaji dan dikawal.

PERKHIDMATAN HAIWAN KEPADA PENTERNAK

19. Tuan Chan Yoon Onn minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan samada Jabatan Haiwan, sebagai bantuan token, dapat menolong penternak-penternak kecil dalam masa hadapan dengan memberi babi-babi mereka suntikan-suntikan, ubat atau apa-apa ubat lain, baik untuk mencegah wabak penyakit babi atau penyakit-penyakit lain yang teruk di seluruh Malaysia.

Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Bahagian Perkhidmatan Haiwan dan Jabatan-jabatan Haiwan Negeri memang memberi perkhidmatan haiwan yang pada keseluruhannya percuma kepada penternak-penternak: hanya bayaran tanda (token sum) bagi ubat sahaja yang dikenakan. Bayaran ubat suntikan penyakit demam babi ialah sebanyak 40 sen bagi sedos seekor babi.

SIA—MENGUNAKAN HURUF M.S.A.

20. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau bercadang menjalankan tindakan mahkamah terhadap SIA yang masih lagi menggunakan huruf-huruf M.S.A. di kapal-kapal terbang mereka.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jawapan telah saya beri dalam sidang Dewan ini pada 22hb Disember, 1972.

MAS—PELANCARAN DAN PERKHIDMATAN

21. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah benar seperti tuduhan orangramai bahawa hingga kini MAS tidak berjalan dengan sempurna kerana kurang bersedia setahun sebelum perpecahan dengan Singapura diketahui dan jika benar, nyatakan kesilapan-kesilapan dan bagaimana cara hendak membetulkan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuhuan yang menyatakan MAS tidak berjalan dengan sempurna kerana kurang bersedia setahun sebelum perpecahan dengan Singapura adalah tidak benar. Pihak MAS dan juga saya sendiri telah beberapa kali memberi penjelasan mengenai dengan pelancaran dan perkhidmatan MAS. Sebagaimana saya telah nyatakan pada masa yang lepas, Syarikat MAS telah menghadapi beberapa kerumitan pada permulaan pelancarannya dan ini adalah perkara lazim bagi sesebuah organisasi yang baru sahaja melancarkan perkhidmatannya. Perkhidmatan MAS sekarang ini adalah memuaskan dan setanding dengan perkhidmatan-perkhidmatan penerbangan antarabangsa di rantau ini.

NAMA-NAMA KHAS DI TV— PENGUNAAN

22. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan samada beliau sedar bahawa nama-nama khas seperti nama negeri, pekan, sungai dsb. hendaklah dimulakan dengan menggunakan huruf besar mengikut nahu Melayu, tetapi Talvisyen Malaysia pada masa sekarang sangat gemar mengeja nama-nama khas itu dengan menggunakan huruf kecil yang salah dari segi nahu dan samada beliau telah mengumumkan perubahan-perubahan itu mengikut sistem ejaan baru.

Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Pada tempatnya, kegunaan huruf kecil pada nama-nama khas adalah satu teknik persembahan yang dilakukan untuk menarik perhatian dan mengelakkan kebosanan penuntun. Ini biasa dikenali sebagai "artistic style".

YURAN SEKOLAH KEPADA BUKAN WARGANEGARA

23. Tuan Hashim bin Gera minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan mengenakan yuran-yuran sekolah ke atas kanak-kanak yang bapanya bukan warganegara negeri ini, ataupun ahli-ahli diplomat, ataupun kakitangan Kerajaan secara kontrek, tetapi ialah ahli-ahli perniagaan.

Datuk Hussein bin Datuk Onn: Pelajaran peringkat rendah di negeri ini adalah terbuka dengan percuma kepada semua kanak-kanak tanpa mengira samada mereka itu anak warganegara ataupun bukan warganegara.

Yuran sekolah hanya dikenakan ke atas semua kanak-kanak yang belajar di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan. Pada masa ini kadar yuran-yuran sekolah yang sedang dikenakan di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan adalah seperti berikut:

Tingkatan Peralihan—Ting-	
katan III	\$ 7.50 s.b.
Tingkatan IV—Tingkatan V	10.00 s.b.
Tingkatan VI	15.00 s.b.

Kadar yuran ini dikenakan ke atas semua murid-murid sekolah yang belajar di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan tanpa mengira samada mereka itu anak warganegara ataupun bukan warganegara.

Bagi anak warganegara yang belajar di sekolah-sekolah menengah jenis kebangsaan yang miskin dan tidak berkemampuan mereka itu bolehlah memohon supaya dikecualikan daripada membayar yuran sekolah.

Bagi kanak-kanak yang belajar di sekolah-sekolah menengah kebangsaan, pelajaran mereka adalah dengan percuma.

KERETAPI—KEMALANGAN LANDASAN

24. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah kemalangan keretapi dan keretapi yang terkeluar dari landasan sejak tahun 1971 dan sebab-sebab kemalangan ini berlaku.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jumlah kemalangan keretapi dan keretapi yang terkeluar dari landasan sejak tahun 1971 adalah seperti berikut:

(a) Kemalangan yang melibatkan pihak yang ketiga (third party)

(i) *Kemalangan kepada Manusia*

	<i>Maut Cedera</i>	
Penumpang	1	57
Kakitangan Keretapi	5	65
Orang-orang dalam urusan dikawasan keretapi	—	11
Trespassers	74	104

(ii) *Kemalangan di Lintasanrata*

Jumlah kenderaan jalanraya yang terlibat ialah 18 yang menyebabkan 16 maut dan 41 cedera.

(b) 5 kali pelanggaran di antara keretapi dengan keretapi telah berlaku.

(c) Semenjak tahun 1971 sehingga hari ini keretapi telah tergelincir sebanyak 165 kali dan sebab-sebabnya adalah seperti berikut:

Kerusakan Landasan	47
Kerusakan Alat (Mechanical Defects)	59
Muatan tidak seimbang/terlebih	15
Halangan atas landasan	2
Poin-poin tidak diletakan dengan betul	6
Melebehi kelajuan	8
Poin-poin dipusing terlebih awal	3
Pelbagai yang tidak dapat ditentukan	2
Salah atur gerabak	3
Tanah runtuh/tebing runtuh	3
Pengkhianatan	1
Kegelinciran yang belum lagi ditentukan sebabnya	16
	165

KERJASAMA—SYARIKAT KERJA- SAMA/PERSATUAN PELADANG

25. Tuan Sulaiman bin Bulon minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi membolehkan Syarikat-syarikat Kerjasama dan Persatuan Peladang supaya dapat bekerjasama dalam berbagai-bagai bidang untuk melaksanakan projek-projek masing-masing.

Tuan Abdul Ghafar bin Baba: Pada masa sekarang Jabatan Perdana Menteri sedang

mengambil langkah-langkah bagi membolehkan Syarikat-syarikat Kerjasama dan Persatuan-persatuan Peladang bekerjasama dalam berbagai-bagai bidang untuk melaksanakan projek masing-masing.

BOM KIRIMAN—SIASATAN POLIS

26. Tuan V. David bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri apakah tindakan yang telah diambil oleh polis-polis perisik untuk menyiasat terhadap bom-bom kiriman yang dihantarkan dari Pulau Pinang.

Tun Dr Ismail Al-Haj: Pihak polis telah dengan segeranya menjalankan siasatan untuk menentukan jika tanda Jabatan Pos Pulau Pinang yang ada disampul letter bomb itu adalah benar dari Jabatan Pos Pulau Pinang ataupun sebaliknya. Mengikut Ketua Pengarah Pos bahawa tanda cop Jabatan Pos Pulau Pinang yang ada di sampul surat yang berkenaan adalah palsu. Kerajaan memandang berat terhadap laporan-laporan yang kian bertambah mengenai letter bomb yang dikatakan berasal dari negeri ini. Pihak polis telahpun berhubung dengan Polis Antarabangsa mengenai perkara ini untuk menentukan samada bom-bom tersebut sebenarnya berasal dari Malaysia. Siasatan yang berkenaan masih lagi diteruskan.

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

(Usul)

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1973

DAN

Usul

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1973

JAWATANKUASA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (24hb Januari, 1973).

Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa. (Tuan (Timbalan) Yang di Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Saya hendak mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekali lagi bahawa teguran atau ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat hendaklah dihadkan kepada tidak lebih daripada 10 minit.

Kepala-kepala B. 29, B. 30, B. 31, B. 32, B. 33, B. 34, P. 29, P. 30, P. 31 dan P. 34—

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun bercakap sepatah dua dalam Anggaran Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan di samping itu saya mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Pengerusi, perkara yang saya hendak sentuh ialah tentang perumahan.

(*Dengan izin*) Tuan Pengerusi, we are told by the Honourable Minister of Home Affairs that his Ministry will take action on the housing developers who do not provide reasonable facilities in the housing estates, and I have told the Honourable Minister that in a number of housing estates around Kuala Lumpur the conditions, to say the least, are deplorable.

Mr Chairman, Sir, today I want to speak a little on some of the difficulties of some of the housing developers. One of the difficulties, I am told, is that the State Government, in giving permission to the housing developers, now insists on the developers selling at least 30 per cent of the houses to Bumiputras.

Mr Chairman, Sir, I am all for encouragement to the Bumiputras for buying houses wherever they may be, but to compel the developer to sell houses in this manner I do not think is constitutional. I am told that in

Selangor, at least, the Legal Adviser has advised the Menteri Besar that this is unconstitutional. Nevertheless, the Menteri Besar or the State Government has now gone ahead with it, and I do hope that the Ministry of Home Affairs, which has a stake in housing in this country, would look into this matter as well.

Mr Chairman, Sir, I now wish to touch a little on immigration. I have here a whole sheaf of papers regarding the Catholics in Sabah, and with your permission, Mr Chairman, Sir, I wish to touch a little on it. I believe that it was in 1968 that the Government agreed that the missionaries who were in this country as at that date would be allowed to stay in this country for at least 10 years and then they would be phased out gradually. I regret to say that this has not been the case in Sabah, and with your permission, Sir, I would like to read a little bit from some of these documents that have been handed over to me.

From among the Roman Catholics in Sabah alone 17 priests have had their permanent stay or work permits cancelled and not renewed since 1970. It goes on to list that amongst those men are men who have been in Sabah for 10 years or more—Rev. J. Quinn, Rev. L.M. Parsons, Rev. A.G. Lampe, Rev. Bekma

Tuan Pengerusi: Do you need to read all the names, Honourable Member?

Dr Tan Chee Khoo: Of course, I do hope that the Deputy Minister of Home Affairs will look into this. Besides these priests, most of the European nuns, all of them British, who were engaged in educational and medical work had likewise their permanent stay or work passes cancelled. Amongst these were people who had been in Sabah since before the War. When mention of the expulsions appeared in the foreign Press it was stopped, apparently. Some work passes of priests were extended for one year or six months in 1971, but the action of expelling the missionaries was resumed in 1972 when every application for extension or renewal of work pass was turned down. It affected the personnel of all churches and denominations in Sabah.

Mr Chairman, Sir, this is a very long story of how priests, and in this instance Catholic priests, have had their work passes

cancelled or not renewed, when the Government in 1968, I believe, had made a categorical assurance to the churches in this country that these people would be phased out gradually.

Mr Chairman, Sir, I am in agreement with the Government that our church should be an indigenous church. I am in agreement with that, and to that extent the priesthood should be taken over by the indigenous or local people. I am in agreement with that, but my experience with the church is that the calling of the church is a very different thing altogether. In my own church, we have found it very difficult to persuade people to take up full-time priesthood. The Catholics may be a little better off—perhaps they are a little more dedicated—but I want to bring to the attention of the Ministry of Home Affairs that the training for the priesthood amongst the Catholics is a very long and tedious affair. It goes on for as long as nine years, Mr Chairman, Sir, and as such asking the Government to give the Catholic Mission 10 years in order to replace their foreign missionaries is not asking for too much.

Then there is the case of Bishop Chung, I think, who although a Sarawakian and a citizen of this country is not allowed to take up residence as Bishop of Sabah and you have the ludicrous position whereby he goes to Sabah once in two weeks on a visit pass to look after his flock in Sabah. I do hope that the Ministry of Home Affairs and this Government indeed would look into this matter very carefully. This country can justifiably be proud that there is religious freedom in this country. Let not the over-zealousness on the part of one person—however important he may be in his particular State, although he may be the Chief Minister, he must conform to the law—spoil the good image of religious freedom that this country can justifiably be proud. If these expulsions and cancellations of work passes continue, then I regret that our good image abroad will be marred. Already what is happening, Mr Chairman, Sir, has already appeared in the foreign Press—as I can show you, this has appeared in the Hong Kong Press—regarding these expulsions. I hope that the Ministry of Home Affairs will not take umbrage under the fact that on immigration the State Government has a lot of say, but the centre must exert its influence and see to it that the Catholic Missions in Sabah is not harassed.

Worst still, Mr Chairman, Sir, we are told that the riot squad had been used in the middle of the night to go and arrest these priests. Priests can by no stretch of the imagination be regarded as subversive characters or dangerous to the security of this State. Why then was there the necessity for the riot squad with tear gas to go there in the middle of the night to take hold of them? These people, Mr Chairman, Sir, I can assure the Honourable Deputy Minister of Home Affairs, will go singing, with joy in their hearts, to the gallows. The Christians in the days of Rome had gone into the arena to be eaten up by lions willingly. There is no need on the part of the Chief Minister of Sabah to use the whole paraphernalia of Government to get rid of the Catholic priests in Sabah.

Mr Chairman, Sir, I wish to touch a little on citizenship. From time to time, one sees the Registration Department, and in this case the Ministry of Home Affairs itself, rejecting people who have no birth certificates but who have already passed the language test and from time to time one gets these letters. Mr Chairman, Sir,

Tuan Pengerusi: Can't you go directly to the point, Honourable Member? You have got only 1½ minutes more.

Dr Tan Chee Khoo: One gets letter like this—

"Adalah saya diarah merujuk surat-surat rayuan puan bertarikh 7-12-71 dan 28-7-72 mengenai perkara yang tersebut di atas dan memaklumkan kepada puan bahawa rayuan puan itu telah dipertimbangkan dengan teliti oleh Y.A.B. Menteri. Duka-cita rayuan puan ditolak."

Mr Chairman, Sir, I do hope that the Ministry will realise that in rejecting such applications, the Ministry is, in fact, condemning the applicant to a life of penury because without the citizenship paper the person concerned cannot get a job. It is as simple as that. The Ministry can say, "Oh, the chap can be a businessman". But, not many people have a yen for business. I hope the Ministry will have a closer look into this matter. The Ministry may well have very good reasons for rejecting such applications, but the Ministry, I hope, will from time to time review these cases so that such people may not be permanently stateless people.

The other thing, Mr Chairman, Sir, that I wish to touch on is the question of people who want to apply for international passports and who are citizens by operation of law. When they go to the Citizenship Department, they are told, "Look here, there is no need for a citizenship certificate as you are a citizen by operation of law; your blue identity card is evidence that you are a citizen." But when they go to the Immigration Department to apply for an international passport, they are told, "Look here chum, so sorry, we do not regard your identity card as evidence that you are a citizen; please produce proof." And the poor people run between these two offices concerned.

I am not saying that this happens in every case. What I do say is I have received a number of letters from people who say that they have been shuttled backwards and forwards and I do hope that the Honourable Deputy Minister will give clear-cut directives to the officers concerned and, in particular, to the Immigration officers concerned so that they should not shuttle these applicants between them and the Registration Department. If it is more than the identity card that is required, then the applicant should be told clearly that, "Look here, we want you to go to the Registration Office and get a letter that all is well with your citizenship as shown in your identity card and then we will give you the international passport." This affects mainly people who are ignorant, who are poor and who can ill afford the transport and the time that is being lost in this shuttling between offices.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bercakap dengan rengkas sahaja bagi menghormati nasihat yang diberi oleh Tuan Pengerusi.

Saya bercakap dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri B. 29 berhubung dengan Pentadbiran Am.

Yang pertama sekali, saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Kementerian ini yang sentiasa menjalankan tugasnya untuk memberi keselamatan dalam negeri ini.

Yang kedua, saya memberi tahniah kepada Kerajaan dan Kementerian ini yang telah menarik balik pengharaman kemasukan Encik Ibrahim bin Yaakub ke dalam negeri

ini dan beliau telah datang ke negeri ini. Ini menjadikan satu perang urat saraf kepada pengganas-pengganas kominis Melayu kita yang pada dahulunya menjadi rakan sejawat Encik Ibrahim bin Yaakub ini dan pengganas kominis Melayu ini pun berfikir perjuangan mereka mengangkat senjata itu adalah sesia. Dengan keadaan yang semacam ini juga, saya mengharapkan bahawa kiranya Kerajaan membuat buku sejarah, Encik Ibrahim Yaakub di antara salah seorang pembesar negeri kita yang patut dicatitkan sejarahnya sebagai perjuangan kemerdekaan kita.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Pencegah Rasuah. Saya nampak berhubung dengan Jabatan ini sejak akhir-akhir ini terlampau lemah dan dingin, walhal kejadian yang bercorak berbentuk rasuah ini menjadi-jadi dalam negeri. Saya harap kalau kuatkuasa itu lemah supaya Kementerian ini mengkaji semula dan pindaan kepada Undang-undang Rasuah supaya dijalankan dengan seberapa segera.

Kepala P. 29, berhubung dengan Rumah Murah. Rumah murah ini, saya nampak perjalanannya tidak begitu memuaskan perlaksanaannya. Sebab selain daripada Majlis Bandaran, Perbandaran, Majlis Tempatan yang menghendaki rumah-rumah murah adalah kurang dapat didirikan bangunan itu. Masaalah ini, saya kira bahawa Kementerian ini telah kena pelemah dengan gulungan wang panas di dalam negeri ini. Bila Kementerian lambat membeli tanah, maka bangunan rumah murah bagi rakyat itu kurang dapat diusahakan. Bila mana Kerajaan hendak membeli tanah-tanah ini pada masa sekarang maka dilawan oleh gulungan wang panas ini, maka tanah itu naik mahal, bila tanah sudah mahal, Kerajaan juga terpaksa membeli tanah itu dengan mahal bila hendak membangunkan rumah ini dan hendak dijual kepada rakyat adalah dengan harga yang mahal. Dengan keadaan ini, saya fikir, Kerajaan patut menjalankan kuatkuasanya supaya memerhatikan atau mengawasi gulungan wang panas yang berjalan dalam negeri ini sebagaimana yang terjadi dalam negeri di Johor, dan ianya akan menjalar pula ke bandar-bandar besar seperti Kuantan, Seremban, Melaka dan Pulau Pinang dan juga termasuk bandar-bandar kecil yang baharu. Kalau kita ada kuasa bagi menahan gulungan wang panas ini, kenapa kita tidak menjalankan. Gulungan wang panas ini ialah menjalankan satu usaha

yang hendak menghancurkan rancangan Kerajaan dalam usaha hendak memberi bumiputra berniaga dalam bandar dan usaha hendak mencampurkan satu rumah itu berbagai kaum, maka gulungan wang panas ini, saya kata, kuasa daripada luar menekan gulungan wang panas ini supaya menghancurkan rancangan Kerajaan dalam usaha ini.

Satu perkara lagi, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung dengan Polis di Raja. Saya harap Kementerian ini dapat mengkaji semula bahawa di Daerah Tangkak taraf Daerah Polis itu dihidupkan semula. Pada masa sekarang ia di bawah Daerah Polis Muar, manakala pada masa yang lalu Daerah Polis Tangkak itu bertaraf Daerah. Sebab saya katakan begitu saya menghendaki supaya dinaikkan taraf daerah bagi Daerah Polis Tangkak.

Pertama sekali, dengan banyaknya jenayah-jenayah berlaku di kawasan itu bahawa ada kejadian merompak, ada pemerang wang dengan menggunakan senjata dan juga luas kawasanya, ada pejabatnya ada Mahkamah Rendah. Kemudahan-kemudahan juga banyak. Ini boleh menolong mendapatkan keamanan dan menyenangkan hati penduduk-penduduk dalam kawasan yang tidak kurang daripada 100,000 orang termasuk dalam kawasan Ahli Yang Berhormat sahabat saya dari Muar Dalam. Dengan keadaan yang berasingan ini akan memuaskan perjalanannya sekarang supaya dapat menjaga penjenayah ini yang berleluasa pada tiap-tiap hari.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap dalam masaalah Polis beranjing. Polis beranjing ini patut kita tambah kerana ia berjasa besar dengan polis. Dia boleh mengesan, menangkap, mengesan penjahat-penjahat atau orang yang lari daripada jail baharu-baharu ini dapat ditangkap dengan jasa baik anjing-anjing itu. Saya harap Kerajaan patutlah menambah lagi Pasokan Polis Beranjing ini.

Berhubung dengan Imigresen. Jabatan Imigresen ini telah mengeluarkan paspot antarabangsa. Satu perkara yang patut diperhatikan bahawa pegawai-pegawai dan setengah-setengahnya dalam Jabatan ini membuat kerja lambat. Apabila orang luar bandar berkehendakkan paspot antarabangsa datang lama-lama, pegawai-pegawai yang duduk di situ dia berbual-bual empat lima

orang. Orangramai yang menunggu berjam-jam borang yang telah diisikan itu di-interview, sudah diinterview misalnya pula ada bawa surat beranak, macam-macam soalan lagi. Pada hal borang yang telah diisi dan di sain oleh pemohon itu, saya fikir, sudah menasabah. Sudahlah begitu, dia berjanji mengatakan bahawa paspot tuan akan dapat dalam masa 5 hari. Datanglah orang kampung ini di pejabat itu, setelah 5 hari katanya paspot tuan belum siap, tunggu lagi satu minggu. Keadaan yang semacam ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, patut ditetulkan dalam Jabatan Imigresen ini.

Dalam Jabatan Imigresen ini juga, gemar saya kemukakan berhubung dengan penyeludupan senjata-senjata api. Ini selalu berlaku dalam negeri kita dan kita dengar di mana perumpak-perumpak dan penyamun ini menggunakan senjatapi bukan dengan senjata tajam sahaja. Saya fikir kelonggaran dalam Jabatan Imigresen bagi kemasukan orang-orang dalam negeri ini dengan menyeludupkan senjata-senjata api. Pada hal kejadian yang semacam ini kalau dapat kita kawal dengan rapinya, dan bagi orang yang membawa senjata api masuk ke dalam negeri kita ini, kita hukum dengan seberat-beratnya. Ini untuk menyenangkan rakyat dalam negeri ini.

Itulah sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Chairman, Sir, I refer to Head B. 32, page 275, on Pendaftar Pertubuhan. On December 26 last year, the Registrar of Societies deregistered the Selangor Chin Woo Association. Since then, the Court has granted an order directing the Registrar's deregistration order to be set aside. We understand that the Attorney-General has filed a writ in Chambers to set aside this High Court Order. I do not intend to go into the legal merits or demerits of these manoeuvres as it would be *sub judice*. However, I wish to find out why the Registrar of Societies and the Minister concerned could not have given the Selangor Chin Woo Association more time to straighten out its affairs, as the reason for deregistration was the failure to submit its financial statements to the Registrar.

We know that in the case of the M.I.C., which has broken its constitution by not

having yearly presidential elections for more than five years because of the leadership struggle between the President, Tun V. T. Sambanthan, and the Vice-President, Tan Sri V. Manickavasagam, the Registrar of Societies has closed an eye. This is also the case with the Gerakan Rakyat Malaysia of Dr Lim Chong Eu, which has not held elections of office-bearers in the party as required by the party constitution.

I would like the Minister concerned to explain why the Registrar of Societies could give extensions after extensions to the M.I.C. and the Gerakan, but in the case of a cultural organisation, the Selangor Chin Woo Association, he should act so harshly by not granting it grace period for straightening itself out.

Malaysia is a multi-cultural society, and the Selangor Chin Woo Association, which has been a seat of Malaysian Chinese culture, is part of the Malaysian culture which it is in the interest of the people and country to foster and develop. In this case, if the Government is truly committed to a multi-racial, multi-cultural Malaysia, then it should advance a grant of \$500,000 with absolutely no strings attached to the Selangor Chin Woo Association as part of the cultural promotion activities of the Government. After all, Government funds are extracted from the people and should be used for the interests of the people.

I would also urge the Government to withdraw all legal proceedings and give the Selangor Chin Woo Association time to set its house in order.

Next, I refer to Head B. 30, Pecahan-kepala 1100, Salaries and Wages, page 253, for Polis di Raja Malaysia. In Kuala Lumpur and the adjacent new villages like the Serdang New Village, teen-age girls and their families live in fear and terror. For a few years, criminal syndicates have been operating which specialise in kidnapping young girls to force them into prostitution and immoral living. These kidnappers carry out their nefarious activities in open and great style. They are very well dressed, drive around in posh limousines and do their kidnapping in the open. If they decide on a young girl who is walking alone in some public place, one of these well-dressed rogues would get off from the limousine, pull the girl into the car while loudly scolding her for

running away from the family, causing sorrow to the aged mother. The public would, therefore, think it is some internal domestic squabble of a well-to-do family. In this way, thousands of young girls in the past several years must have been kidnapped.

I am shocked that a few days ago the Minister of Home Affairs told this House that the Police was not aware of such criminal syndicates specialising in kidnapping young girls to force them into immoral livelihood. It seems that the Police in Kuala Lumpur are very divorced from the facts of life in the Capital. If the Police would care to initiate investigations, they would find that there are many homes in Kuala Lumpur and the surrounding new villages who have lost their daughters. This is a very serious social problem and unless the Police can take firm action to smash such criminal syndicates, it is a black mark on the record of the Police in maintaining law and order in the country.

I now refer to Head B. 34 on Penjara, Pecahan-kepala 1100, Gaji dan Upahan. Mr Chairman, Sir, there have been longstanding complaints that the food, treatment and conditions in the prisons and the detention camps are very sub-standard. Prisons should be run as institutions where prisoners are rehabilitated and re-integrated into society as healthy, normal members. However, the conditions in our country's prisons are shocking in terms of food, cell conditions, recreation, medical treatment; and there is hardly any attempt to rehabilitate the prisoners. On the contrary, the prisons are advanced schools for hardening further the offenders. Our prisons and penal system is basically designed to punish offenders and not to reform them. I submit this is counter-productive and retrogressive. There is a need for an overall reform of the prison conditions, to improve the food, cell conditions, recreational facilities, medical treatment and the philosophy of the penal system in Malaysia. I, therefore, call on the Government to institute a commission of inquiry to find out how the penal system can be reformed into a rehabilitating agency or institution to put erring members of society back to the right tracks and not as a primarily punitive institution to make the prisoners even more hardened criminals.

There are also widespread complaints with regard to the food, treatment and the utter

lack of recreational and reading facilities in the detention camps in Muar, Batu Gajah and Taiping. The Government should take greater pains to ensure that the detainees are not denied the basic treatment which they are entitled to. I therefore, urge the Government to have a larger allocation for the betterment in the food, recreational, medical and reading facilities for the political detainees.

I would also urge the Government to seriously consider the abolition of the Internal Security Act and allow all political detainees a chance to clear themselves of Government allegations by trial in an open court.

Finally, Tuan Pengerusi, I have received reports from the United Sabah Action Party that they have been unable to get permits from the Police to hold branch meetings and public rallies. I do not understand why the Police should put all these obstructions to the United Sabah Action Party in Sabah from functioning as a legal and ordinary political party, unless the Alliance are afraid that in Sabah if the U.S.A.P.—the United Sabah Action Party—is allowed to operate, to organise, probably it may pose a threat to the Sabah Alliance in the next elections. However, I hope that the Minister concerned can give a clarification on this as to whether there is, in fact, any Police bar on free U.S.A.P. political activities in Sabah.

Tuan Tiah Eng Bee (Kluang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong anggaran perbelanjaan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kepala B. 31.

Saya suka hendak bercakap sedikit berkenaan Jabatan Imigresen. Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di atas pandangannya yang jauh itu. Baharu-baharu ini di dalam satu majlis taklimat di Johor Bharu, beliau telah bercakap bahawa Johor Bharu adalah menjadi pusat perniagaan dan perindustrian, sebab adanya pelabuhan kapal dan lapangan terbang yang sedang dibina itu dan juga kedudukan Johor Bharu sebagai pintu masuk ke Malaysia dari Selatan negara kita.

Beliau juga mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Johor supaya Ibu Kota Negeri Johor dipindahkan ke Kluang, iaitu kawasan saya. Saya berasa sangat bangga bahawa kawasan saya telah dicadangkan

menjadi Ibu Kota Negeri Johor. Bagi pihak penduduk-penduduk Kluang, saya memberi sokongan yang penuh di atas cadangan beliau.

Beliau juga menyebut bahawa Negeri Johor adalah sangat bagus untuk perusahaan pelancung-pelancung. Jika kita hendakkan maju di dalam perusahaan pelancung, kita mestilah memperbaiki sistem Imigresen di Tambak Johor.

Saya sendiri sudah mengalami iaitu kita terpaksa menunggu berjam-jam lamanya. Pada pendapat saya, Jabatan Imigresen di Johor Bharu adalah kekurangan kakitangan, kadang-kadang pegawai-pegawai itu terpaksa bekerja lebih masa untuk melicinkan tugas mereka.

Satu perkara lagi yang hendak saya bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan Pejabat Imigresen di Kuala Lumpur. Pada hemat saya, Pejabat ini terlalu penuh sesak dengan orangramai yang datang hendak membuat permohonan paspot, boleh dikatakan pada tiap-tiap hari. Selain daripada itu, saya perhatikan Pejabat ini memanglah sempit. Oleh itu, saya percaya harus Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan bersetuju dengan saya bahawa Pejabat ini patut diperbesarkan atau satu bangunan baharu dibina untuk menggantinya.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): Tuan Pengerusi, saya suka bercakap di bawah Kepala B. 29—Perumahan, Pecahan-kepala 1, muka surat 251, dan saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, in the year 1968, a low-cost housing scheme of about 5 blocks of houses, or nearly 300 houses, was in the course of construction in Chain Ferry Road, Butterworth, with the purpose of accommodating the occupiers of those houses affected by the development of Chain Ferry Road as a result of the operation of the Butterworth deep-sea wharves. In 1969, the construction of the work suddenly stopped and everything was left as it was until early 1972 when work resumed, but with a different name. A big board was placed at the construction site advertising the name of the developers and announcing that the houses were for sale to private purchasers at a price of about \$40,000 each. The general public of Butterworth were shocked and there were enquiries as to why this piece of land

was transferred to private ownership without any information being released by the Government. There were also whispers as to whether it was proper for Government to transfer to a private individual or company land acquired under the Acquisition Act.

I would, therefore, request the Honourable Minister to reply to all these enquiries I have just mentioned so as to save the Butterworth public from further speculation. I would also request the Honourable Minister to inform this House whether the development of Chain Ferry Road, Butterworth, as planned, has been shelved and, if not, whether the houses affected by the development would have to be moved, and if so, where the occupiers are to be accommodated.

Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh): (*Dengan izin*) I would refer to page 266, Head B. 31, sub-head 1100, items (1), (2) and (3).

The Immigration Department in this country needs plenty of streamlining and adjustments to cope up with the increased demand from the general public for visas, passports and entry permits. If one were to visit, for instance, the Immigration Office in Ipoh, one can see the long queue of persons waiting to get their passports or visas from early morning to late afternoon. Although this department has engaged the services of some additional clerks temporarily from some other departments to ease the congestion, it still finds it hard to clear the crowd. I have seen even the Assistant Controller coming out from his room into the hall and assisting his subordinate officers to carry out their work more speedily but still the queue grows bigger and bigger. The 6 or 7 officers and clerks in the department, assisted by the unassuming Assistant Controller, are themselves doing a wonderful job but work remains unfinished because of the lack of adequate staff to cope up with the numerous applications. I hope the Honourable Minister will employ some permanent additional clerks so as not to cause undue hardship to the people and to the existing staff.

Now coming to the Immigration Office at Changloon, near the Thai border, I find that the officers there are taking things too lightly. Tourists who arrive at Changloon in buses from various parts of Malaysia in the early hours of the morning to go to Hadayai have to wait from about 6.00 a.m. or 7.00 a.m. to

about 10.30 a.m. or 11.00 a.m. to get their clearance from the Immigration Office. Until then, they have to either sit inside their buses or roam about on the road with no proper breakfast and with no decent facilities even to attend to the call of nature. There are lavatories but they cannot be used by any person of decency. I have personally seen some of these persons asking for permission from neighbouring houses to use their toilets and permission was invariably granted on compassionate grounds. These officers open their office at 8.00 a.m. and without any sympathy for the passengers outside, take their own cool time to settle down to work and by the time the redtape formalities are finished, it is already 10.30 a.m. or even 11.00 a.m. What I have said just now only applies to one bus-load of passengers. If several buses arrive with passengers, you can just imagine the fate of these tourists, some of whom may be going there to spend . . .

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Will the Honourable Member give more specific information—the date, the number of the bus, the time and so on, so that we can take action?

Tuan R. C. M. Rayan: I can supply the date because I myself travelled, but I remained incognito, without telling who I was and I have noticed all these. That is why I am speaking here.

Tuan Pengerusi: It is best to give a specific report.

Tuan R. C. M. Rayan: We were in Changloon on the 30th December, last year and returned on the 1st January. We were at the Immigration Office on the 29th morning at 6 o'clock and when we left the place, it was nearly 11.00 o'clock. I purposely did not want to tell who I was and waited in the queue. Some of these officers may have been too long in this place and so they need a transfer to make them realise the hardships of the tourists. I would, therefore, suggest that:

- (1) Red-tape should be done away with or reduced to a minimum to help tourists not to waste hours at the border staring at the Immigration officers.
- (2) Officers should be transferred every year to avoid corruption and other malpractices.

(3) I have also read in the local newspapers that arrangements are being made among the five Asean countries whereby tourists from these 5 countries may be able to travel to and fro without much formality and without any passports but with only some travel documents. I hope this sort of thing will be done so as to help the tourists in Malaysia to go to Thailand or other countries and come back without having to waste plenty of time at the border trying to get their certificates from the Immigration office.

(4) I would also like the Government to raise the status of the Ipoh Passport Office into an Immigration Office so that passports may be issued in Ipoh itself without the applicants having to go to Kuala Lumpur or the applications having to be sent to Kuala Lumpur or Penang. Now the procedure is, persons go to the Ipoh Office, where forms are given. They go home and fill them up and hand them back to the Ipoh Office and they have to wait for one week or two weeks to get their passports. If the Ipoh Office is converted into an Immigration Office, passports could be got at the Ipoh Office itself without the applications having to be sent to Kuala Lumpur and I understand

Tuan Pengerusi: There is no need to repeat yourself; you have said it once.

Tuan R. C. M. Rayan: To minimise inconvenience to the public, the Government should open 2 more passport offices, one in Lower Perak like Teluk Anson, for example, and the other in Upper Perak, like Grik, so as to simplify the procedure and help the public to obtain their visas and their passports with a minimum amount of delay and with a minimum of inconvenience. Thank you.

Tuan Michael Chan Wing Sum (Ulu Selangor): (*Dengan izin*) Sir, I would like to bring up a small point for consideration in this House, under Kepala B. 29, page 251, on Low-cost Houses.

Some of the Government low-cost houses were completed and occupied at the N.O.C. time during which monthly payments had not been collected for a considerable period.

Their arrears of monthly payments therefore accumulated and these occupiers are now required to pay their respective arrears in one lump sum. Under these circumstances some of them are compelled to give up their houses and some have found it very difficult to meet the demand and therefore I hope the Ministry will kindly consider to allow them to pay by instalments.

Sir, I also wish to bring up another point for consideration under Head B. 32, page 277, on registration of citizens. It appears that those applicants who are without birth certificates would have great difficulty in getting their citizenship now. It may be partly due to the failure or inability to prove their past in relation to their place of birth or residential qualifications and partly due to the stricter language test which they have to face. In this respect, Sir, I wish to speak for those who are local-born but who unfortunately are without birth certificates. These applicants, through no fault of their own, are in fact the victims of their parents' ignorance who had failed to report their birth, or because they were born during the Japanese Occupation when registration of birth was not possible. I hope the Ministry would consider this category of applicants with more sympathy and leniency. Thank you.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I would like to touch on the conditions at the Immigration Office in Johore Bahru. Tuan Pengerusi, today, the strategic position of Johore Bahru is daily changing and it is becoming a gateway to Malaysia when you want to visit Singapore. The people throughout the country when they want to visit Singapore usually will have to obtain their passports in Johore Bahru. Therefore, in Johore Bahru, we have seen during the working days thousands of people waiting in the Immigration Office to obtain their passports. Why I say this is because this not only affects our local citizens but also tourists from foreign countries when they come down to Kuala Lumpur and suddenly make up their minds to travel down south; and when they make up their mind to travel to Singapore, they will have to apply for their visas. So this Office is always very congested and therefore very inefficient in carrying out its work. You witness petition writers all over the place and before you

enter the office they will come round you suggesting that they will get the documents done for you at prices fixed by them and you find them a real nuisance.

Another thing is that on Sunday, ~~the day~~ when there is most congestion in this Office, the Post Office is closed and when people want to renew passports or take out their restricted passports or visas, they cannot get stamps from the Post Office and it is known that some of the people down there will suggest to you to buy stamps from around the corner and that is the only place where you can buy stamps. For instance, if you buy a \$5 stamp they may even charge you up to \$8; or if you have to buy a \$10 stamp they may even charge you anything up to \$13 or \$15. I hope the Timbalan Menteri will look into this and streamline this gateway in the south so that the image of the Government will not be tarnished.

The other point I would like to touch on is page 251 under kepala B. 29 on the low-cost housing. Tuan Pengerusi, low-cost houses have been built, but what the Government has succeeded to provide by way of low-cost houses for the people is hardly adequate compared to the total population which needs low-cost houses. Therefore, low-cost housing has remained one of those things where people can pass by, like window-shopping you see that low-cost houses have been built, but you do not have a chance to stay in them.

Tuan Pengerusi, I wish the Government to really go into full swing by providing low-cost houses in accordance with the wages that are normally received by our low wage earners; for example, for those earning a salary of around \$200 and below.

Tuan Pengerusi, besides Government's efforts, we have the private sector which is also very energetic and very efficiently providing the alternative in housing our citizens. However, especially in the past years, housing developers have been making use of the loopholes in the present law we have and on many occasions where land on which houses were to be built was lease-hold, they advertised it as freehold land. At the same time, when these houses were sold to the purchasers the main title was already subdivided. The developers, being businessmen, wanting to make a turn in their financial set-up or manoeuvre of their firm, usually

mortgage the main title to banks or some other financial institution, so much so that the main title which contains all the sub-divided lots has already been frozen in the bank or in another financial institution. So the developers are not able to obtain the necessary subdivided qualified titles for the purchasers. I hope the Government will streamline and tighten up this part of the law to give protection to the individual house purchasers. We know that our citizens, when they contemplate to buy a house, are practically prepared to put in half of their lives' savings into it and when it goes wrong you can imagine how miserable they can become.

Finally, the Government has said that housing is the least risky enterprise or the least risky industry. I hope the Government would set up a revolving fund to embark on a long-term massive low-cost housing programme which would provide for the entire housing requirements of our country in the next 5/10 years. At the same time also our cities are now developing fast and our towns are growing too. We have old sections of the town, which are overpopulated and are now becoming slums, and I hope the Government at the Federal level, being the policy-makers on housing, would also lay down policies on urban renewal, especially in Kuala Lumpur, and policies for rehabilitating the slum areas so that we can achieve the progress proportionately when compared to new areas which are being developed. Thank you very much, Sir.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman): Tuan Pengerusi, dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, saya suka menyentuh pada Kepala B. 32—Pendaftar Pertubuhan.

Menurut apa yang saya tahu pada masa ini, Ibu Pejabat Pendaftaran di Kuala Lumpur ada mempunyai 4 cawangan, iaitu 2 di Malaysia Barat dan 2 di Malaysia Timur. Dua buah cawangan di Malaysia Barat ini bertempat di sebelah utara dan selatan, sementara penduduk-penduduk di kawasan tengah dan Pantai Timur adalah membuat urusan di Ibu Pejabat, Kuala Lumpur. Memandangkan kepada banyaknya tertubuh kesatuan-kesatuan samada kesatuan belia dan sebagainya pada masa-masa yang akhir-akhir ini terutamanya di Pantai Timur, saya rasa adalah satu kesulitan juga bagi mereka

yang tinggal di Kelantan dan Trengganu, yang jauhnya di antara 300 hingga 400 batu untuk datang ke Kuala Lumpur bagi satu-satu urusan yang terpaksa mereka datang.

Maka saya mengesyurkan kepada Yang Berhormat Menteri dapat menimbangkan membuka sebuah cawangan lagi di Pantai Timur bagi kemudahan penduduk-penduduk di sana dan saya percaya dengan adanya cawangan tersebut kesusahan-kesusahan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di sana dan kesibukan urusan di Ibu Pejabat Kuala Lumpur dapat diatasi.

Tuan Pengerusi, bercakap di muka surat 253, B. 29 Aktiviti (2)—Pencegah Jenayah. Saya mengambil peluang di Majlis ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada cawangan ini yang mana dapat mengecilkan bilangan kejadian jenayah di negara kita ini. Kalau kita lihat dalam buku Anggaran Belanjawan Tahun 1973, muka 475 kita dapati usaha-usaha yang dijalankan oleh Bahagian Pencegah Jenayah sungguh membanggakan di mana angka-angka bilangan berlakunya jenayah di negara kita ini adalah berkurangan dari satu tahun ke satu tahun.

Suatu perkara yang saya ingin menarik perhatian Kementerian ini ialah mengenai langkah mengadakan pondok-pondok polis di persimpangan jalan di ibu-ibu kota. Langkah ini adalah satu langkah yang baik, di mana selain daripada membantu orang-ramai untuk mendapatkan panduan yang tertentu juga dapat menerima maklumat yang segera mengenai sesuatu kejadian yang berlaku. Saya berharap pondok-pondok yang seumpama ini bukan sahaja diadakan di ibu-ibu kota dan ibu-ibu negeri, tetapi juga dapat diadakan di kampung-kampung yang terpencil yang kerap berlaku kes-kes jenayah atau di kawasan-kawasan pendalaman yang tidak cukup syarat-syaratnya untuk menu-buhkan sebuah balai polis, kerana dalam persidangan yang telah lalu saya pernah menyuarakan untuk mendapatkan sebuah balai polis di Ulu Dungun, Kampung Pasir Raja dan di kawasan Kemaman, di Binjai, maka jawapan yang telah diberi oleh Menteri yang berkenaan ialah kerana kawasan itu berdekatan dengan Pejabat Polis Daerah. Oleh itu mengikut syarat-syarat yang tertentu belum sampai masanya didirikan sebuah balai polis. Dan untuk digantikan penubuhan itu saya harap pondok-pondok polis

seumpama ini dapat diadakan di kawasan-kawasan yang saya sebutkan itu untuk menguatkan semangat penduduk-penduduk di kawasan yang tersebut.

Tuan Pengiran Ahmad bin Pengiran Indar (Kinabatangan): Tuan Pengerusi, saya bercakap pada Kepala B. 30 berkenaan dengan peruntukan Polis Di Raja Malaysia.

Saya tidak suka lagi menghuraikan satu-satu, tetapi saya suka menghuraikan berkenaan dengan Polis Laut (Marine Police). Saya harap dengan adanya peruntukan perbelanjaan ini dapat lagi Kerajaan menambahkan alat-alat perkakas kepada Polis Laut di Sabah terutama sekali di kawasan Sandakan, kerana di tahun yang lepas (1972) ada beberapa banyak perkara yang telah terjadi, banyak bot-bot yang kena curi oleh penjahat-penjahat. Ada juga bot yang tengah menarik rakit kayu balak telah dirampas, tetapi perkara ini tidaklah diketahui oleh Polis-polis Laut. Kerana itulah sebabnya saya bawa ke Dewan ini. Saya difahamkan barangkali bot-bot Polis Laut itu tidaklah cukup untuk mereka itu meronda di beberapa kawasan. Jadi saya harapkan supaya Kerajaan dapat menambahkan kemudahan-kemudahan Polis Laut.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Imigresen. Saya suka mengulas sedikit kepada wakil daripada Batu yang mana ada menyebutkan tadi seperti work pass. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Imigresen ini adalah di dalam atau di bawah kekuasaan Kerajaan Negeri. Dan seperti work pass juga adalah di dalam kekuasaan Imigresen dan di bawah kekuasaan Kerajaan Negeri juga. Jadi sebenarnya work pass ini tidak ada kena-mengena dengan soal agama. Maka yang disebutkan oleh wakil dari Batu tadi banyak guru-guru agama Kristian yang telah tidak disambungkan work pass mereka. Ini kalau kita fikirkan adalah berkaitan dengan agama, tetapi sebenarnya work pass ini tidak ada berkenaan dengan hal agama, ini adalah kekuasaan daripada Ketua Menteri sendiri.

Sebenarnya guru-guru Kristian ini, mereka itu bukanlah baharu sahaja datang di negeri Sabah, mereka itu adalah berpuluh-puluh tahun di Sabah. Jadi sepatutnya mereka ini mengajar kepada anak bumiputra di sana, bila anak bumiputra sudah mengerti, mereka

itu tidaklah layak tinggal di Sabah lagi. Jadi itulah sebabnya Kerajaan Negeri Sabah tidak lagi menyambung work pass mereka itu kerana Kerajaan fikir mereka itu tidak layak lagi duduk di Sabah.

Sekalipun bukan sahaja guru-guru agama ini bahkan kepada siapa-siapa juga orang yang bukan anak bumiputra yang tidak layak tinggal di Sabah, Kerajaan juga tidak sambung work pass mereka. Begitu juga saya fikir wakil dari Batu sendiri kalau dia pergi Sabah, duduk di Sabah dan Kerajaan Sabah tidak mahu lagi menyambung work pass Ahli Yang Berhormat itu, Ahli Yang Berhormat itu juga tidak boleh tinggal di Sabah, bukan sahaja guru-guru agama ini.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan Imigresyen ini, saya berharap kepada Yang Berhormat dari Batu jangan lagi di sebut-sebut di dalam Dewan ini, kerana ini tidak ada sangkut-paut dengan Ahli Yang Berhormat dari Batu. Ini adalah kekuasaan daripada Kerajaan Negeri Sabah sendiri.

Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun): Tuan Pengerusi, suka saya bercakap sedikit dalam hal Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini.

Tuan Pengerusi, saya teringat hendak menyebutkan tentang kedudukan Polis Di Raja Malaysia berhubung dengan keselamatan negeri. Apa yang hendak saya sebutkan di sini ialah tentang pengawalan di atas keselamatan negeri kita harus dijaga dengan sungguh-sungguh, kerana ada didapati sedikit sebanyak keadaan yang kurang memuaskan dalam bidang keselamatan ini, terutama sekali yang saya ingin sebutkan di sini ialah apa yang saya tahu pada tahun yang lalu satu kejadian di mana sebuah motor telah dijumpai dan bertentangan dengan laut Kemaman, Trengganu iaitu motor itu besar dan dapat dimuatkan oleh beberapa puluh orang di dalam motor itu. Tatkala motor itu dijumpai, cuma ditarik ke darat sahaja. Demikian juga pada awal tahun 1972 ini satu motor telah dijumpai bertentangan dengan Merchang, Trengganu. Motor itu saya kira boleh muat beratus orang dan ditulis dengan tulisan Cina semua sekali dan baharu-baharu ini motor itu telah dijual oleh pihak Jabatan Perikanan. Apa yang hendak saya sebutkan di sini ialah tentang tidak berkesan ataupun

tidak tahunya siapa yang empunya motor itu dan apakah ada orang atau tidak ada di dalam motor itu sedangkan motor itu dapat memuatkan 100 orang. Misalnya kalaulah motor itu datang daripada negara asing, maka orang-orang dalam motor itu akan cuba mendarat di Malaysia untuk membuat satu-satu kejahatan, maka bererti tenaga mereka sudah kuat dalam masa dua tahun, kerana sudah dua buah motor yang dijumpai dan motor itu bukan motor buatan Malaysia, tetapi buatan daripada luar negeri.

Maksud saya, ialah harus diawasi laut-laut ini supaya pendaratan-pendaratan musuh samada secara zahir atau tidak zahir dapat kita kesan dengan lebih berjaya. Kalaulah keadaan apa yang telah berlaku itu setiap masa kita biarkan, kalaulah misalnya yang datang itu benar-benar musuh, maka saya rasa, kalau musuh itu sudah bertambah di dalam tanahair kita, tentulah rumit ataupun sulit benar bagi pihak Pasukan Keselamatan kita untuk mengawasi ataupun menjaga negara kita. Ini memang benar bahawa kejadian itu berlaku dan apa yang saya tahu memang pihak Jabatan Keselamatan tidak dapat mengesan siapakah yang empunya motor itu dan daripada mana datangnya. Itu satu bandingan yang saya sebutkan. Inilah yang saya harapkan supaya keselamatan kita benar-benar dijaga dan yunit-yunit untuk mengesan ini haruslah diperkuatkan dengan lebih berjaya.

Tuan Pengerusi, saya dalam hal ini ingin sekiranya mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya Pasukan Polis Laut diperbesarkan di sebelah Pantai Timur iaitu di Trengganu, kerana ini dapat menjaga keselamatan. Dan bukan setakat itu sahaja bahkan dapat juga untuk menjaga nasib nelayan-nelayan kita yang ada di sana, sebab selama ini bantuan-bantuan untuk menolong nelayan-nelayan adalah datangnya daripada Polis Laut yang bertempat di Tampoi, Johor. Polis Laut yang ditempatkan di Trengganu terpaksa contact dengan Polis Laut di Tampoi, Johor untuk mereka memberi pertolongan apa-apa perkara yang rumit dan kalau diperbesarkan yunit di sana, dijadikan satu pasukan yang kuat dan boleh menolong satu-satu kecemasan ketika berlaku, saya rasa, ini adalah lebih baik untuk orang ramai dan negeri kita.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebutkan tentang kedudukan Jabatan Immigresyen. Jabatan Immigresyen khasnya di Johor Bahru saya dapati memang cukup sibok menerima orang-orang yang masuk dan orang-orang yang keluar negeri. Dan nampaknya kalau tidak silap saya, entah berapa ribu orang tiap-tiap satu hari, saya tidak ingat lagi, angka-angka ribuan mesti diselesaikan oleh pihak pegawai-pegawai kita di Jabatan Immigresyen di Johor Bahru.

Yang menjadi masalaah ini ialah nampaknya permit untuk masuk ke Malaysia oleh orang-orang asing terlampau longgar. Kerajaan mengadakan permit kepada orang asing yang hendak datang ke Malaysia, permit tiga bulan, enam bulan atau sebagainya. Permit masuk ini terlampau mudah. Kalau kita bertanya kepada pihak yang berkenaan ataupun yang lebih berkuasa, maka jawabnya ialah permit ini diberikan kepada orang-orang yang mustahak misalnya pekerja-pekerja yang mahir. Tetapi banyak kedatangan pekerja-pekerja yang bukan mahir. Misalnya orang tua, orang yang sudah tidak layak menjadi buruh, suma datang hendak mencari keluarga di sini. Kalau untuk selama tiga bulan tidak mengapa. Tetapi disambung tiga bulan, sambung lagi tiga bulan, sambung lagi sampai entah berapa bulan lagi mereka berada di Malaysia. Dan ini mendatangkan kesulitan kepada Pegawai-pegawai Immigresyen di sana dan setengah-setengah pegawai itu mengeloh bertambah mudah pengeluaran-pengeluaran pas untuk orang-orang asing masuk ke Malaysia dan kami orang-orang bawah ini tidak tahulah, terserahlah kepada orang atas yang mengeluarkan pas ini.

Itu satu sungutan dan ini harus diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dalam hal tersebut.

Dan saya bimbang kalau terlampau banyak orang-orang asing yang mendapat pas-pas untuk masuk ke Malaysia dan dapat dibaharui dengan secara mudah, maka makin bertambah banyaklah masalaah-masalaah yang kita hadapi, tambahan pula nampaknya tindakan ke atas mereka yang telah terlewat untuk membaharui permit pun kurang dijalankan, kadang-kadang lewat sampai 10 hari, 15 hari tidak ada diambil tindakan. Kalau kali yang pertama terlewat, tidak mengapa. Tetapi kali yang kedua, kali yang ketiga lewat pun tidak diambil tindakan juga.

Dan ini menjadi satu bahan pemikiran kepada pegawai-pegawai kita yang di peringkat bawah ini. Saya rasa haruslah pihak Kementerian mengawasi hal ini untuk kepentingan negeri kita sendiri.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua yang ingin saya sebutkan ialah tentang membuat paspot Malaysia ataupun paspot besar Malaysia untuk orang-orang keluar negeri. Saat yang akhir ini ada peraturan dibuat supaya orang-orang yang mahu membuat paspot besar atau paspot Malaysia hendaklah dikembalikan surat beranak. Dan saya dapat tahu peraturan ini banyaknya dikenakan kepada orang-orang Melayu dan orang bumiputra dengan sebab mereka ada mempunyai surat beranak katanya, ini harus dijelaskan. Apa yang saya ingin menyatakan di sini bahawa peraturan ini rasa saya kurang begitu memuaskan, sebab peraturan ini hanya kebanyakan dikenakan kepada orang-orang yang sudah mempunyai paspot atau kad pengenalan. Orang yang sudah mempunyai kad pengenalan biasanya orang yang hendak dapat kad pengenalan ini mesti ada surat beranak. Jadi, bagaimana mereka yang telah ada kad pengenalan kemudian mesti dikembalikan satu surat beranak yang lain kadang-kadang setengah-tengah orang itu surat beranaknya sudah hilang, jadi untuk mendapatkan satu paspot Malaysia terpaksa membuat satu permintaan mencari surat beranak semula. Ini satu masalah yang walaupun tidak begitu besar tetapi harus difikirkan apakah itu berfaedah atau tidak berfaedah. Saya anggap tidak begitu berfaedah adanya satu peraturan yang memastikan orang-orang yang mahu mendapatkan paspot Malaysia dikenakan surat beranak.

Saya harap hal ini dapat perhatian daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Tuan Sulaيمان bin Bulon (Bagan Datoh):

Tuan Pengerusi, saya mengambil peluang bercakap sedikit sahaja berkaitan dengan Kepala B. 29 dan Pecahan-kepala 1100, Aktiviti (2) Keselamatan Sempadan.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya suka hendak merujuk sedikit tentang perkara itu yang mana telah ditulis di dalam Laporan Buku Biru iaitu menyatakan begini:

“Bagi tahun 1973 beberapa rancangan untuk menawan hati dan fikiran mereka yang senang dipengaruhi oleh kominis akan

dilancarkan di beberapa kawasan sensitif di Sarawak dan negeri-negeri” yang lain.

Apa yang saya hendak sebutkan di dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, adalah berhubung dengan berita-berita yang telah disiarkan di dalam akhbar Melayu khasnya mengenai dengan seorang dua pemimpin pengganas kita yang ada lagi, boleh jadi di sempadan Siam atau di mana-mana lain, saya tidaklah dapat tahu di mana berada, tetapi nampaknya perkara ini penulis-penulis akhbar kita sangat mengambil berat dan menyiarkan berita-berita yang boleh kita menaruh sempati di atas kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh ibu bapa mereka itu.

Umpamanya, sebulan dua dahulu terbit berita yang mengenai ibu Samsiah Pakeh yang telah tua, yang rindu dan menghadapi beberapa kesulitan hidup dengan tidak ada anaknya kembali balik semula kepangkuan ibunya yang telah begitu lama berasingan.

Begitu juga berita yang dikeluarkan mengenai Abdullah Sidi, yang mana bapanya masih hidup lagi dan bapanya itu telah terlalu uzur, tua dan tidak ada lagi orang yang boleh membeliharanya dengan sebab itu telah merayu dalam akhbar supaya anaknya itu balik semula ke kampung halamannya atau memelihara bapanya yang sedang uzur itu. Tetapi, Tuan Pengerusi, di saat ibu Samsiah dan juga di saat bapa kepada Abdullah Sidi berkehendakkan anak-anak mereka itu balik, maka tidak ada siapa yang telah memberikan penuh kerjasama dalam soal ini, dan rasanya perlulah agar Kementerian ini menaruh sempati di atas desakan dan rayuan yang dibuat oleh pihak ibu Samsiah Pakeh dan juga bapa Abdullah Sidi. Mudah-mudahan apa yang kita hajatkan supaya kekuatan pengganas kominis yang ada ini dengan dua pemimpin ini boleh ditarik keluar dengan cara halus atau dengan cara mana yang boleh dibuat, dilakukan, maka saya rasa ini satu cara telah dilakukan oleh kita terhadap pada tujuan kita hendak menghapuskan pengganas-pengganas yang masih ada lagi bermaharajalela di sempadan kita, di sana.

Begitu juga baharu-baharu ini seperti mana yang telah disebutkan oleh wakil dari Muar Utara yang Kerajaan telahpun membebaskan yang dahulu seorang pemimpin besar daripada Persatuan Kebangsaan Melayu, Ibrahim Yaakub, sekarang ini telah bebas dan masuk

balik semula ke sini dan ini pun satu juga yang boleh dibayangkan dan kita patutlah menyatakan rasa setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah membebaskan Ibrahim Yaakub balik semua ke tanah airnya. Begitu juga rasanya perlulah kita memikirkan soal pemimpin-pemimpin yang ada lagi di hutan ataupun di sempadan atau mana-mana juga mereka berada yang saya rasa seperti Musa Ahmad, Rashid Maidin dan kalau dua tiga orang Melayu yang ada masih bergerak aktif sebagai pegganas ini dapat dipujuk, maka saya fikir bolehlah soal pegganas di sempadan Siam ini dapat dikendalikan daripada apa yang kita dapati sekarang ini.

Apa yang perlu saya sebutkan di sini ialah supaya Kementerian ini akan sedikit sebanyak dapat menaruh sempati dan timbangan, rasanya perlu jugalah membantu sedikit sebanyak cara mana yang boleh dapat mengeluarkan mereka itu, kerana pada masa sekarang ini mereka itu juga ada menaruh bimbang di atas kehidupan ibu bapa mereka dan mereka bermaksud keluar dan jikalau keluar tentulah mereka itu sengaja berbuat demikian ditangkap, dihukum ataupun boleh jadi perkara-perkara yang lain akan timbul. Masaalah ini, saya rasa, perlulah Yang Berhormat Timbalan Menteri membuat satu kenyataan yang boleh membalas statement dalam akhbar sekurang-kurangnya memberitahu bagaimana kedudukan mereka itu dapat dibetulkan agar balik semula duduk bersama-sama kita dan menjalankan kehidupan sebagai rakyat biasa.

Tan Sri Haji Mohd. Said bin Keruak (Kota Belud): Tuan Pengerusi, saya suka hendak bercakap atas soal Imigresen berkenaan dengan negeri Sabah.

Tuan Pengerusi, yang sebenarnya Imigresen dalam negeri Sabah ini diberi kuatkuasanya berkenaan dengan kekuasaan di dalam soal negeri. Setahu saya atas kuasa-kuasa memberi work pass dalam negeri Sabah adalah di dalam kekuasaan negeri yang di bawah kekuasaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri.

Di sini saya suka mengulas atas sebagaimana yang telah disebutkan tadi oleh Yang Berhormat dari Batu yang telah menuduh berkenaan dengan work pass yang telah tidak diberi dan tidak disambung kepada padri-padri iaitu bagi ugama Keristian di negeri Sabah yang mana telah ditolak oleh Kerajaan Negeri.

Tuan Pengerusi, sebenarnya negeri Sabah adalah aman dan berbilang bangsa dan berbilang ugama semua perpaduan adalah terselamat dan ini tidaklah patut disebut soal penolakan work pass berkenaan dengan Imigresen ini bukan ditujukan kepada padri-padri sahaja.

Sebenarnya adalah kepada keseluruhannya mahu pun rakyat Malaysia yang datang dari Malaysia Barat ataupun dari luar negeri kalau pendapat negeri tidak sesuai, maka mereka itu tidak diberi work pass yang dikeluarkan dari negeri Sabah. Ini adalah tugas soal negeri untuk mempertahankan keselamatan negeri Sabah sendiri.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, padri-padri ini telahpun tidak disambung lagi work pass-nya oleh Kerajaan Negeri Sabah sudah pun diberi notis dan tidak akan disambung, tetapi mereka masih juga berdegil diri dan tidak keluar dari dalam negeri, maka dengan itu Kerajaan telah mengambil tindakan dengan sewajarnya mengikut sebagaimana yang ada dalam Perlembagaan di atas kekuasaan negeri. Itu telah dijalankan.

Berkenaan dengan soal seorang Bishop iaitu yang mempunyai warganegara Sarawak telah masuk ke negeri Sabah, setahu saya, masuk ke negeri Sabah pada mulanya Bishop ini masuk ke negeri Sabah dengan secara melawat sahaja, tetapi dengan secara berdiam selepas sampai ke negeri Sabah, maka beliau terus meminta work pass bekerja sebagai Bishop, maka cara ini menjalankan pentadbiran negeri adalah bersalahan. Maka pendapat negeri cara yang dibuat begini tidak mengikut tata-tertib ditolak dan tidak diberi work pass, dengan itulah tindakan Kerajaan Negeri Sabah mestilah dijalankan dengan tegasnya untuk keselamatan negeri Sabah. Walaupun, Tuan Pengerusi, warganegara dari Malaysia Barat masuk ke negeri Sabah kalau difikirkan tidak berpatutan dan difikirkan oleh negeri itu boleh merusakkan, maka terpaksa ditolak dan balik ke Malaysia Barat ini.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, walaupun Ahli Yang Berhormat itu bila dia melawat ke negeri Sabah, kalau pendapat negeri Sabah adalah beliau untuk merusakkan negeri itu, beliau juga ditolak tidak dibenarkan masuk ke negeri Sabah itu, kerana negeri Sabah adalah aman, rakyatnya bersatupadu dengan itu keadaan Imigresen keselamatan negeri mestilah dijaga dengan

selamatnya. Dari itu, pendapat Kerajaan Negeri Sabah yang telah diberi kuatkuasa atas Imigresen ini dipegang dengan teguhnya dan tegasnya atas sokongan yang telah diberi. Ini tindakan yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah itu adalah wajar dan benar-benar mengikut peraturan-peraturan negeri menjalankan tugasnya atas kekuasaan untuk menjaga keselamatan negeri.

Sebenarnya soal ugama ini tidak patut ditimbulkan. Ini bukanlah menunjukkan pada padri semuanya sahaja walaupun ustaz-ustaz bagi ugama Islam yang datang dari Malaysia Barat mengajar di negeri Sabah, Tuan Pengerusi, kalau ustaz itu membuat cara atau jalan yang tidak baik akan merusakkan keamanan negeri, maka mereka juga akan ditolak dan dihantar balik ke Malaysia Barat ataupun keluar negeri sekiranya mereka diambil dari negeri-negeri Islam iaitu dari negeri-negeri Arab, sekiranya mereka membuat kesalahan untuk merusakkan keselamatan negeri itu, maka work pass tidak akan diberi. Inilah tugas yang dijalankan sekarang di negeri Sabah.

Bagi soal Keristian-keristian ada juga terdengar, Tuan Pengerusi, yang difikirkan negeri Sabah akan mengislamkan semua Keristian ataupun yang bukan Keristian, ini tidaklah benar memaksa setiap orang yang mempunyai ugama. Ini mengikut hati seseorang apa juga pendapat mereka dan apa juga ugama yang dianuti oleh mereka itu dijalankan dengan jujur. Tetapi ada setengah-setengah, setahu saya, di negeri Sabah ada juga orang yang berugama lain seperti ugama Keristian yang telah memelok ugama Islam sehingga pergi naik Haji.

Ini semuanya, Tuan Pengerusi, mengikut hati, keikhlasan mereka masing-masing, tidak ada cara paksa dan ini tidaklah timbul soal ugama di negeri Sabah. Pendapat saya mereka tidak boleh ragu-ragu yang di Malaysia Barat ini keadaan negeri Sabah tidak memaksa yang bukan Islam mesti di Islamkan, tidak ada keadaan yang semacam itu kecuali dibesar-besarkan oleh orang-orang yang suka merosakkan keadaan negeri.

Juga tadi ada tersebut, saya suka menyentuh Ahli Yang Berhormat saya tidak tahu dari mana; datangnya barangkali dari Melaka, telah menyentuh berkenaan dengan sebuah parti yang tidak diberi work pass untuk menjalankan tugas-tugasnya dalam

negeri Sabah. Ini tidak benar. Mereka berjalan dengan licinnya, tetapi perkataan-perkataan yang dibawa disampaikan untuk mendengar kata-kata untuk mengambil kebaikan, tetapi yang buruk semuanya ditolak, cuma diambil kebaikan, kebenaran, kesalahan tidak diambil, tidak diterangkan dalam Dewan ini. Sebenarnya, work pass dan permit ini untuk mengadakan rally ataupun mesyuarat-mesyuarat ini dalam kuasa polis, polis berkuasa memeriksa adakah keadaan ini akan merosakkan atau membawa kekacauan atau di mana akan diadakan, ini bukan bermakna akan ditolak, ini tidak sama sekali. Tuduhan yang semacam ini kalau dengar-dengar sahaja dengan begitu, saya juga boleh menuduh pihak yang akan datang dari sini, datang ke Sabah ini cuma akan membuat kekacauan di negeri Sabah. Maka dengan itu, negeri Sabah mesti tegas untuk mempertahankan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Besut menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Polis bagi mengatasi kemalangan lalulintas yang begitu banyak berlaku pada masa sekarang.

Pada menjawabnya saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan sedar bahawa perkara ini adalah satu perkara yang serious. Oleh itu pihak Jemaah Menteri membentuk sebuah Jawatankuasa Kabinet yang di Pengerusikan oleh Menteri Perhubungan dan dianggotai oleh beberapa Menteri yang lain untuk mengkaji perkara ini secara mendalam bagi menambah alat-alat kelengkapan dan keanggotaan yang diperlukan untuk menguatkuasakan undang-undang lalulintas.

Soal pokok yang timbul ialah keperluan meminda undang-undang dengan tujuan meninggikan denda dan memberatkan hukuman. Rang undang-undang untuk meminda Ordinan Lalulintas Jalanraya, 1958 akan dibacakan kali yang kedua dalam Persidangan Parlimen ini dan akan dibincangkan selanjutnya dalam mesyuarat ini juga kelak.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah menuduh bahawa orang-orang yang dibawa ke Balai Polis untuk diperiksa telah dipukul. Berkenaan dengan perkara ini, saya suka menjelaskan bahawa mengikut Lock-up Rules, 1953 orang-orang yang ditahan di

lock-up adalah dibenarkan mengadu jika mereka itu dipukul oleh sesiapa juga di antara pegawai polis. Oleh yang demikian, terserahlah kepada mereka itu membuat tindakan yang sedemikian. Jika mereka tidak membuat laporan, maka tindakan atas perkara ini tidaklah dapat diambil. Walau bagaimanapun, jika Ahli Yang Berhormat ada sesuatu kes yang tertentu dan diketahui oleh beliau, maka saya mengesyorkan kepadanya supaya memberi butir-butir yang berkenaan kepada saya untuk diambil tindakan yang tertentu ke atas pengaduan itu.

Berkenaan dengan perkara ang-pow Shaw Brothers saya suka menyatakan bahawa pada masa yang lampau pihak Shaw Brothers menguruskan perkara ini dengan sendirinya tanpa berlaku sesuatu kemalangan. Akan tetapi dengan adanya kemalangan yang berlaku baru-baru ini di Pulau Pinang, saya percaya pada masa hadapan pihak Shaw Brothers akan lebih berhati-hati lagi menguruskan perkara ini.

Saya suka membuat kenyataan bahawa pada masa hadapan pihak Polis sedia memberikan bantuan untuk mengawal perhimpunan-perhimpunan seperti itu jika pihak Shaw Brothers ataupun mana-mana pihak lain ada membuat permintaan.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah itu juga membangkitkan semula teguran bahawa orang-orang yang ditahan tidak dibenarkan ditemui oleh peguam mereka. Nampaknya, Tuan Pengerusi, sudah menjadi tabiat Ahli Yang Berhormat itu suka mengulang-ulang perkara yang sudah dijawab di dalam Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat itu suka memainkan rekod buruk, lagu yang sudah lama. Perkara yang dibangkitkan itu sudah pun dijawab dalam Dewan ini pada 20hb Disember, 1972.

Berkenaan dengan tuduhan Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa laporan-laporan yang ditulis di Balai Polis adalah tidak memuaskan, saya suka menyatakan bahawa peraturan membuat laporan adalah seperti berikut:

Pertama sekali si pengadu berhak membuat laporan sendiri dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris, tetapi jika beliau tidak boleh berbuat demikian beliau berhak membawa seorang jurubahasanya sendiri untuk menterjemahkan

pengaduannya. Jika beliau tidak membawa jurubahasanya pihak Polis akan mengadakan seorang pegawai bagi menterjemahkan apa yang hendak diadukan supaya pengaduan itu dapat dicatat dalam Bahasa Malaysia. Apabila laporan itu telah siap ia akan dibaca semula kepada si pengadu untuk difahami dan diketahui oleh beliau supaya beliau menandatangani laporan itu dan mengesahkan bahawa laporan itu adalah sebenar-benarnya apa yang diadukannya.

Tentang tuduhan bahawa kesilapan merekodkan pengaduan-pengaduan telah menyebabkan penjenayah-penjenayah terlepas daripada tuduhan-tuduhan ke atasnya, saya berpendapat bahawa seseorang penjenayah itu dibebaskan oleh mahkamah bukanlah semata-mata berasaskan kepada pengaduan-pengaduan itu malahan kebebasan yang dibuat di mahkamah adalah berasaskan atas bukti yang ada pada mahkamah iaitu hasil penyiasatan Polis yang dikemukakan kepada mahkamah.

Ahli Yang Berhormat itu menyatakan "I have applied for a lot of Police reports and sometimes I just cannot make out head or tail of what is said in the report". Berkenaan dengan ini, saya percaya Ahli Yang Berhormat itu belum lagi cukup mengerti Bahasa Malaysia. Oleh sebab itu, beliau tidak faham laporan yang diterima oleh beliau itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah juga telah mengadu bahawa banyak daripada orang-orang tahanan politik yang telah ditahan lebih daripada 6 tahun dan rayuan-rayuan daripada pihak Amnesty International supaya mereka dibebaskan tidak dipedulikan oleh Kerajaan. Beliau juga mengesyorkan supaya mereka dibebaskan dan diberi peluang untuk hidup bebas di negeri-negeri asing.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara ini, saya ingin memaklumkan bahawa tidak ada orang-orang tahanan politik di negeri ini. Tujuan mereka yang ditahan di tempat-tempat tahanan perlindungan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Tahun 1960 ialah untuk mencegah mereka itu daripada melakukan kegiatan-kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara atau yang memudaratkan perkhidmatan-perkhidmatan penting ataupun yang memudaratkan penghidupan ekonomi Persekutuan.

Pada masa ini jumlah orang-orang yang ditahan di bawah Akta tersebut selama 6 tahun atau lebih ialah 24 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tiap-tiap kes orang-orang tahanan itu diulang kaji oleh sebuah Lembaga Penasihat yakni Advisory Board tiap-tiap 6 bulan sekali. Samada seseorang tahanan itu dibebaskan atau tidak akan bergantung kepada perakuan yang dibuat oleh Lembaga tersebut. Lembaga tersebut diketuai oleh seorang bekas hakim Mahkamah Tinggi Persekutuan dan ahli-ahlinya dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengesyorkan supaya dibebaskan orang-orang tahanan itu ke negeri-negeri lain. Perkara ini sukar untuk dilaksanakan oleh kerana ini adalah bergantung samada negeri-negeri asing itu sanggup menerima orang-orang tahanan memandangkan kepada latar belakang dan rekod mereka itu. Tuduhan bahawa keadaan dan layanan yang terdapat di dalam tempat-tempat tahanan perlindungan buruk juga tidak benar. Persatuan Palang Merah Sedunia telah membuat lawatan ke semua tempat tahanan perlindungan di dalam negara ini pada tahun 1971 dan telah memuji bahawa keadaan dan layanan yang terdapat di semua tempat tahanan di dalam negara ini adalah sangat baik dan sangat memuaskan. Orang-orang tahanan dilayan dengan baik mengikut kehendak-kehendak yang tercatat di dalam Akta Keselamatan Negeri Orang-orang Tahanan 1960.

Satu Lembaga Pemeriksa (Board of Inspection) di bawah Perkara No. 85 Akta Keselamatan Dalam Negeri Orang-orang Tahanan 1960 juga dilantik di semua tempat tahanan perlindungan untuk melawat tempat-tempat tahanan tersebut pada bila-bila sahaja pada tiap-tiap bulan. Lapuran-lapuran yang diterima daripada Lembaga ini amatlah memuaskan. Mereka berpuashati di atas keadaan dan layanan yang terdapat di tempat-tempat tahanan perlindungan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah juga telah menyeru supaya Ahli-ahli daripada semua parti-parti politik dilantik menjadi Ahli Lembaga Pemeriksa yakni Board of Inspection di tempat-tempat tahanan perlindungan. Di dalam perkara ini,

saya memaklumkan bahawa perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pemeriksa tersebut itu tidak ada kena-mengena dengan politik. Tugas mereka yang dilantik itu ialah untuk memeriksa kawasan tempat tahanan dan mendengar rayuan dari orang-orang di situ mengenai kebajikan mereka. Oleh yang demikian, soal melantik Ahli-ahli daripada semua parti politik tidaklah berbangkit.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah, Sarawak telah menarik perhatian Dewan bahawa ahli-ahli Pasukan Kawalan Sarawak sepatutnya diberi minuman ringan semasa mereka bertugas dengan anggota Pasukan Keselamatan di Sarawak. Bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa Pasukan Kawalan Sarawak adalah pertubuhan bercorak civil dan sukarila. Pasukan ini telahpun didirikan di semua kawasan yang dianggap tidak terselamat dan ahli-ahlinya berkhidmat sebagai mata dan telinga Kerajaan. Di kawasan yang dikawal rapi oleh Polis ahli-ahli itu meronda bersama-sama dengan anggota polis. Adalah ditegaskan bahawa kawasan itu berhampiran sekali dengan tempat kediaman Ahli-ahli itu. Oleh kerana mereka hanya meronda tidak lebih dari 4 jam sahaja berhampiran pula dengan rumah-rumah mereka sendiri, maka tidaklah wajar Kerajaan menyediakan minuman ringan. Apa lagi ahli-ahli itu perlu sekali berjaga-jaga setiap masa mereka bertugas untuk mengelakkan daripada berlakunya serangan hendap daripada pengganas komunis yang telahpun berkali-kali melakukan serangan hendap itu di pekan-pekan di dalam Negeri Sarawak.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong telah membangkitkan perkara Rancangan Perumahan Awam di Mentakab. Saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat itu bahawa dalam tahun 1972 Rancangan Perumahan Awam di Mentakab mengandungi 100 yunit rumah terrace berharga \$4 juta telahpun diluluskan. Perkara ini adalah terserah kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk melaksanakannya.

Ahli Yang Berhormat dari Bruas telah membangkitkan perkara Rancangan Rumah Awam di Kampung Koh. Berkenaan dengan rancangan di Kampung Koh, mengikut rekod kami satu sekim mengandungi 50 yunit rumah terrace telah diluluskan dalam bulan Mei 1968 dan kontrek tersebut telah diberi dalam bulan Ogos 1968 akan tetapi Kerajaan Negeri

Perak telah memutuskan untuk mengambil tapak tanah yang lain. Akhirnya selepas tempoh lebih kurang 2 tahun memandangkan kepada harga yakni kos pengambilan tanah dan memandangkan kepada pertimbangan semula keperluan sekim tersebut Kerajaan telah memutuskan supaya sekim tersebut dihentikan. Wang pinjaman yang telah dikeluarkan untuk rancangan ini telah dikembalikan kepada Perbendaharaan Persekutuan.

Saya suka menarik perhatian Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson bahawa Kad Pengenalan Merah bukanlah warganegara Malaysia. Oleh itu tidak benar jika Ahli Yang Berhormat menyatakan bahawa pemegang Kad Pengenalan Merah adalah seorang warganegara Malaysia.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa Paspot Antarabangsa sesebuah negeri itu adalah dikeluarkan kepada warganegara negeri itu sahaja. Bagi Paspot Antarabangsa Malaysia dikeluarkan kepada warganegara Malaysia sahaja. Sebelum paspot itu dikeluarkan pihak yang berkuasa hendaklah berpuashati bahawa pemohon itu adalah warganegara Malaysia.

Kad Pengenalan Biru pada umumnya adalah diterima sebagai bukti bahawa pemegangnya adalah warganegara tetapi pemegang-pemegang Kad Pengenalan Biru itu tidaklah semestinya warganegara mengikut perjalanan undang-undang. Mereka itu boleh jadi Warganegara secara Pendaftaran atau kemasukkan (Registration or Naturalisation). Sungguhpun Kad Pengenalan Biru itu pada umumnya diterima sebagai bukti bahawa pemegangnya adalah warganegara namun demikian pihak Jabatan Imigresyen adalah berhak memeriksa Sijil-sijil Kewarganegaraan dan dokumen berkenaan sekiranya Jabatan Imigresyen ada mempunyai keraguan terhadap taraf kewarganegaraan pemegang Kad Pengenalan Biru itu.

Tentang menunjukkan bukti kewarganegaraan ini adalah amalan antarabangsa. Adalah diingatkan bahawa Paspot Malaysia adalah satu dokumen yang penting yang membolehkan pemegangnya mendapat pertolongan dan perlindungan daripada wakil-wakil Malaysia di seberang laut dan oleh itu adalah mustahak bagi paspot-paspot itu hanya dikeluarkan kepada orang yang layak dan betul.

Penyokong-penyokong dari orang-orang yang mengenal sendiri pemohon itu boleh memberi pertolongan kepada Pegawai-pegawai Paspot dalam menjalankan tugas-tugasnya bagi menentukan pemohon-pemohon itu adalah orang-orang yang layak dan betul untuk dikeluarkan paspot yang dipohon itu. Penyokong-penyokong ini juga menolong pemohon-pemohon yang tinggal di luar bandar berjauhan dengan Pejabat-pejabat Imigresyen apabila permohonan melalui Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan seperti Pegawai Daerah yang mengemukakan permohonan paspot itu ke pejabat ini mengecamkan pemohon-pemohon itu.

Tuan Pengerusi, penyokong-penyokong yang ini adalah orang-orang yang sepatutnya mengenali dari dekat tentang peribadi ataupun tentang hal keadaan pemohon itu. Oleh itu, bolehlah diragukan, jika seorang pemohon daripada kawasan Johor Bahru mendapat sokongan daripada seorang lain seperti Ahli Yang Berhormat itu yang tinggal di Perak.

Tuan Pengerusi, tambahan pula sebagaimana yang telah dinyatakan sendiri oleh Ahli Yang Berhormat itu pada petang semalam bahawa sipemohon ini tidak dapat memberikan keterangan tentang Ahli Yang Berhormat itu dan ini menjelaskan bahawa Ahli Yang Berhormat itu membuat sokongan tanpa mengenal orang itu. Keraguan ini timbul setelah siasatan dijalankan dengan pemohon tersebut. Oleh itu, tidaklah patut seorang Ahli Parlimen seperti Ahli Yang Berhormat itu memberi sokongan kepada orang yang tidak dikenalnya dan melalui seorang yang lain. Namun demikian daripada senarai yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu haruslah dikemukakan dengan memberi butir-butir lanjut mengenai permohonan itu terutama sekali pemohon dan tarikh permohonan dibuat. Saya telah meminta keterangan lanjut, Tuan Pengerusi, pada hari semalam. Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat memberikan keterangan lanjut dan tidak dapat memberikan kenyataan-kenyataan yang benar dan oleh kerana itu, saya menganggap bahawa Ahli Yang Berhormat itu telah membuat kenyataan yang tidak benar dan telah berbuat bohong di dalam Dewan Rakyat dan oleh yang demikian saya berasa bahawa saya tidak mempunyai tanggungjawab untuk menjelaskan lebih lanjut dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Besut tidak menyatakan jenis paspot yang dikatakan lambat dikeluarkan di Kuala Lumpur daripada Johor Bahru. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu ada dua jenis paspot yang dikeluarkan iaitu Paspot Antarabangsa dan Paspot Terhad Malaysia. Bagi kawasan Johor Bahru, Pejabat Imigresyen di Johor Bahru bertanggungjawab mengeluarkan Paspot Antarabangsa yang permohonannya dibuat di Melaka selain daripada permohonan yang dibuat di Johor Bahru.

Bagi Pejabat Imigresyen di Kuala Lumpur pula selain daripada permohonan yang dibuat di Kuala Lumpur juga bertanggungjawab mengeluarkan Paspot Antarabangsa dari Negri Sembilan, Pahang, Trengganu dan Kelantan. Oleh yang demikian, ternyata bahawa permohonan-permohonan yang diterima bagi paspot adalah lebih banyak yang diterima di Kuala Lumpur. Walaupun demikian, di Pejabat Imigresyen Kuala Lumpur pengeluaran Paspot Antarabangsa memakan masa selewat-lewatnya dua atau tiga hari, tetapi jikalau ada seorang pemohon yang hendakkan Paspot Antarabangsa itu dengan cepat boleh dikeluarkan dalam beberapa jam sahaja pada hari yang sama.

Bagi pengeluaran Paspot Terhad Malaysia pula boleh diselenggarakan beberapa minit sahaja pada hari yang sama. Oleh yang demikian, tidaklah kena pada tempatan bahawa Ahli Yang Berhormat itu menyatakan Pejabat Imigresyen Kuala Lumpur lambat mengeluarkan paspot dengan tidak menghitong tanggungjawab tiap-tiap kawasan yang mengeluarkan paspot.

Pengeluaran Paspot Terhad Malaysia diuruskan di Kota Bharu dan di Kuala Trengganu, tetapi pengeluaran Paspot Antarabangsa bagi kawasan Pantai Timur adalah dikeluarkan di Pejabat Imigresyen Kuala Lumpur. Peraturan yang dibuat ialah untuk kepentingan keselamatan dan memandangkan bahawa Paspot Antarabangsa ini adalah satu jenis dokumen yang mustahak. Buat masa sekarang pengeluarannya dihadkan di tiga buah Pusat Pengeluaran sahaja iaitu di Johor Bahru, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Peraturan dibuat di Pejabat Imigresyen Kuala Lumpur bagi menguruskan pemohon-pemohon Paspot Antarabangsa dari luar kawasan Selangor untuk diuruskan dengan

segera. Oleh kerana paspot-paspot ini dikirimkan di Pejabat Imigresyen Kuala Lumpur secara pos dan juga dikembalikan secara pos, ini akan sudah tentu mengambil sedikit masa mengikut perjalanan pos, tetapi apa yang dialami di masa-masa yang telah lalu paspot itu tiba balik ke tempat-tempat permohonan itu dibuat selewat-lewatnya 7 hari termasuk perjalanan pos. Namum demikian, keadaan ini dikaji dari semasa ke semasa bagi mempercepatkan lagi pengeluaran Paspot Antarabangsa mengikut bilangan permohonan-permohonan.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson juga telah menyentuh tentang kelewatan mengeluarkan Kad-kad Pengenalan kepada pemohon-pemohon sehingga lebih daripada dua tahun. Keadaan yang semacam ini mungkin berlaku dua tahun yang lalu, tetapi pada masa sekarang ini permohonan Kad Pengenalan boleh dikeluarkan dalam masa yang tidak lebih daripada dua bulan dan bagi Kad Pengenalan Gantian dalam masa yang tidak lebih daripada empat bulan. Sekiranya ada sesuatu kes yang memakan masa sehingga dua tahun seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, maka sukacita saya sekiranya Ahli Yang Berhormat dapat memberitahu saya akan kes-kes yang sedemikian untuk tindakan yang sewajarnya.

Mengenai urusan-urusan pendaftaran perkahwinan awam yang dijalankan oleh Pegawai-pegawai Daerah atau Penolong-penolong Pegawai Daerah sebagai pendaftar, maka Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk meminda Civil Marriage Ordinance 54/52 dengan mengadakan perbekalan bagi melantik Pendaftar atau Penolong Pendaftar Tambahan bagi sesuatu daerah. Bill mengenai pindaan ini akan ditimbang oleh Dewan ini dalam mesyuarat kali ini juga.

Pemohon-pemohon di bawah Perkara 15 (2) adalah ditimbang oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sendiri semenjak awal tahun 1972. Ini adalah disebabkan bahawa Pendaftaran Kewarganegaraan di bawah perkara ini adalah tertakluk kepada budibicara Kerajaan (discretion Kerajaan). Dengan hal yang demikian, maka Kerajaan mestilah berpuashati bahawa pemohon-pemohon itu adalah orang-orang yang betul-betul sesuai untuk didaftarkan sebagai warganegara.

Ahli Yang Berhormat itu juga mengatakan bahawa ada orang yang telah diperanakkan di negeri ini telah juga dikehendaki membuat permohonan di bawah Artikel 19 dengan sebab surat beranak mereka telah hilang. Jika sekiranya surat beranak seseorang itu telah hilang, maka ia boleh membuat permohonan untuk mendapatkan cabutan (extract) daripada Penguasa Pendaftar Beranak dan Mati bagi kawasan yang berkenaan. Saya kluatir apa yang sebenarnya berlaku ialah bahawa si pemohon yang dikatakan telah hilang surat beranaknya itu tidak dapat membuktikan kelahirannya di negara ini. Itulah sebabnya permohonan kewarganegaraannya terpaksa dibuat di bawah Artikel 19.

Mengenai Ujian Bahasa ke atas pemohon di bawah Artikel 16, maka sukatan ujian telahpun disebarkan untuk pengetahuan umum. Sesungguhnya, risalah sukatan ujian bahasa itu telahpun diedarkan kepada Ahli Yang Berhormat di Persidangan Parlimen yang lepas. Lembaga Bahasa yang di Pengerusikan oleh Pendaftar Warganegara cuma boleh membuat soalan menurut sukatan ujian yang terkandung di dalam risalah tersebut. Oleh itu, tuduhan Yang Berhormat itu yang mengatakan ujian bahasa telah dijalankan secara sewenang-wenang hati sahaja adalah suatu tuduhan yang liar dan tidak benar.

Ahli Yang Berhormat itu telah juga mengulas mengenai urusan membetulkan kesilapan di dalam ejaan atau nama di dalam surat beranak dengan mengatakan bahawa tempoh bagi menguruskan sesuatu permohonan itu adalah terlalu lama. Kenyataan ini adalah terlalu umum dan saya sukacita mendapatkan kes-kes yang specific supaya tindakan yang sesuai dapat diambil.

Tuan Pengerusi, saya mohon menjelaskan sedikit dalam bahasa Inggeris. (*Dengan izin*) the Honourable Member for Batu Gajah in his reference to the Anti-Corruption Agency yesterday had praised the work of the former Head of the Agency and called on the Government, to use his term, "to reinstate" him as the Head of the Agency Mr Chairman, Sir, I wish to clarify that the former Head of the Agency had never been dismissed; so it is not necessary to reinstate him. He was in fact promoted. Therefore, the question of reinstatement does not arise. By implication, Mr Chairman, Sir, he asked for

the removal of the present Head of the Anti-Corruption Agency. I wish to state categorically that the Government is fully satisfied with the work of the present Director-General of the Anti-Corruption Agency. He has carried out the work of the Anti-Corruption Agency in accordance with the Rule of Law and a sense of fair play and wisdom. We do not want to place this country under any form of Police State where one person can use his power without reference to the Rule of Law and the Rukunegara. The Anti-Corruption Agency now works just as much as before, if not more, but it has cut down the publicity aspect of it. This is in line with the Government directive to the Anti-Corruption Agency.

I would like to refer the Honourable Member to the speech made by the Yang Amat Berhormat Deputy Prime Minister and Minister of Home Affairs on 29th June, 1970 when he addressed the Second A.C.A. Conference. I quote him:

"The first phase of your existence, namely the introduction publicity period, is over. The second is the action stage. At this stage the publicity angle should be subordinated to the action aspect, as the proverb says, 'Good wine needs no boost'."

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Besut semalam telah menyebutkan mengenai cukai Polis. Apa yang dikatakan cukai Polis sebenarnya ialah corruption. Berkenaan corruption ini, Tuan Pengerusi, bukan sahaja Pegawai-pegawai Kerajaan atau Jabatan Kerajaan sahaja yang bertanggungjawab, sebaliknya kedua-dua pihak turut sama bertanggungjawab. Kalau pihak Pegawai Kerajaan sahaja yang hendak menerima ataupun hendak meminta corruption atau rasuah, tetapi kalau pihak orangramai tidak hendak memberi atau tidak hendak memberi kerjasama, maka perkara corruption tidak akan timbul. Jadi dalam hal ini pihak orangramai adalah sama-sama bertanggungjawab dalam perkara corruption termasuklah dalam perkara apa yang disebutkan Cukai Polis.

Seperkara lagi pihak Polis sendiri ataupun pihak Badan Pencegah Rasuah hanya dapat mengambil tindakan kalau sekiranya maklumat atau aduan diberikan, disampaikan samada secara berterang-terang ataupun secara berahsia, tetapi tanpa maklumat, tanpa aduan maka tak dapatlah diambil

tindakan. Kalau semata-mata dengan menyebutkan apa yang dikatakan cukai Polis di dalam Dewan ini, maka saya fikir tanpa maklumat yang lanjut, maklumat yang jelas samada berterang-terang ataupun secara dengan rahsia diberikan kepada pihak Polis atau Badan Pencegah Rasuah, maka perkara ini tidak dapat banyak tindakan diambil. Oleh kerana itu, saya berharap supaya maklumat dan aduan dapat disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya tindakan dapat diambil. Begitu juga kepada pihak orangramai selagi orangramai condone ataupun bekerjasama dalam hal corruption maka selama itulah soal rasuah walau di mana sekali pun amat sukar kita benteras.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada 23hb Januari, 1973 telah menyeru Kerajaan supaya tidak mengambil apa-apa tindakan terhadap warganegara Malaysia yang sekarang sedang berkhidmat dalam Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis Singapura. Tuan Pengerusi, seperti yang telah dijelaskan dalam jawapan bertulis kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab Yunus, pada 4hb Disember, 1972, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, adalah mengambil perhatian yang berat terhadap perkara ini dan sedang mengkaji masaalah ini dengan teliti.

Tuan Pengerusi, perkara yang dibahaskan pada hari ini ada banyak lagi hendak dijawab satu persatu.

Tuan Pengerusi: Itu terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Kalau hendak dijawab satu persatu panjang sangat, tetapi kalau Tuan Pengerusi dapat memberi saya sedikit kelonggaran supaya saya tapis mana yang perlu dijawab saya jawab dan mana yang tidak, saya tidak jawab. Tetapi walaupun saya tidak jawab pada petang ini, maka perkara yang dibahaskan itu adalah akan diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Ahli Yang Berhormat dari Batu telah menimbulkan soal missionary di Sabah.

Kerajaan Pusat menaruh kepercayaan bahawa Kerajaan Negeri Sabah menjalankan perkara ini mengikut undang-undang. Dan keterangan-keterangan lanjut tadi secara tidak resminya telah diberikan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat daripada Sabah mengenai perkara ini. Dan saya tak ada apa-apa lagi hendak tambah mengenainya dan juga perkara ini telah dijelaskan beberapa ketika dahulu. Saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Batu itu sedar masaalah ini dan diharap perkara ini tidak diperalatkan oleh sebarang pihak dan terutama sekali oleh Parti Pembangkang, termasuklah Parti D.A.P. untuk memainkan percaturan politiknya dengan menggunakan perkara ugama.

Berkenaan dengan kemudahan atau facilities dalam rancangan-rancangan perumahan yang dimajukan oleh pihak swasta, maka perkara ini adalah di dalam tanggungan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan, seumpama Majlis Tempatan, Majlis Bandaran, Lembaga Bandaran dan sebagainya. Dan oleh kerana itu pihak Kerajaan Pusat mengharapkan supaya perkara-perkara kemudahan ini diperhatikan oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga lain-lain yang berkenaan.

Begitu juga berkenaan dengan menjalankan rancangan-rancangan rumah murah. Saya suka juga menjelaskan ini adalah kuasa Kerajaan Negeri untuk menjalankan. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat mana yang berkehendakan rancangan perumahan dijalankan di dalam kawasan mereka itu, saya berharap mereka mengemukakan perkara-perkara ini kepada Kerajaan Negeri mereka itu dan jika Kerajaan Negeri mereka itu perlukan bantuan wang yang berupa pinjaman atau lain-lain, maka silalah datang kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk sama-sama diuruskan oleh pihak Kerajaan Pusat.

Begitu juga ada Ahli-ahli Yang Berhormat menimbulkan masaalah tentang rancangan perumahan yang dikatakannya berlaku perkara-perkara yang mereka tidak faham atau yang mereka sangka curang. Perkara ini adalah perkara Kerajaan Negeri masing-masing dan saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat itu mendapatkan penjelasan ataupun keterangan daripada Kerajaan Negeri mereka masing-masing.

Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka menyeru Kerajaan menghapuskan Undang-undang Internal Security Act dan sebagainya. Saya tidak payah menambah apa-apa lagi kerana perkara ini adalah perkara yang sudah lama. Boleh dikatakan setiap kali Ahli Yang Berhormat ini datang ke Parlimen, perkara orang tahanan ini, perkara Internal Security Act dibawakannya dan ini adalah satu perkara yang lama dan Ahli Yang Berhormat itu memainkan tape recordnya yang lama, lagunya pun lagu lama dan tidak payah lagi dijawab. Cuma yang menimbulkan masalah bagi kita ataupun menimbulkan suatu pertanyaan, orang-orang yang ditahan oleh Kerajaan ini adalah orang-orang yang mengancam keselamatan negara. Ahli Yang Berhormat itu menjadi juara kepada gulungan-gulungan ini. Jadi kita bolehlah mendapat kesimpulan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat ini bersimpati, setidaknya, ataupun kalau tidak, lebih daripada itu, menyokong anasir-anasir ataupun gulungan-gulungan yang mengancam keselamatan negara ini. Jadi dengan begitu berperipri memperjuangkan kepentingan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri ini, maka saya mendapat kesimpulan bahawa Ahli Yang Berhormat itu sukakan negeri ini kacau-bilau dan memperjuangkan kepentingan gulungan-gulungan yang menentang kepentingan nasional kita.

Berkenaan dengan perkara Kelab Chin Woo ini, perkara ini sekarang ini di dalam mahkamah, maka tidak wajarlah bagi saya membuat penjelasan atau keterangan di dalam Dewan Rakyat ini kerana perkara ini subjudice. Dan saya kira tidak patutlah Ahli Yang Berhormat itu kalau sekiranya dia faham akan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat ini. Perkara ini pun dia tidak patut meminta saya memberikan penerangan dan memberi penjelasan di sini, kerana dia sendiri pun tahu perkara itu di dalam pertimbangan mahkamah. Jadi saya berharap lain kali Ahli Yang Berhormat itu supaya membaca Standing Order ini banyak-banyak kali, fahamkan Standing Order ini betul-betul, dan hafalkan betul-betul Standing Order Dewan Rakyat.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, untuk penjelasan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya tidak memberi jalan, oleh

kerana waktu beliau bercakap saya tidak sedikit pun mengacau dia. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, ada Ahli-ahli Yang Berhormat mengemukakan kecekapan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, samada Jabatan Pendaftaran Negara ataupun Jabatan Imigresen. Begitu juga setengah-setengah Ahli menimbulkan perkara kelambatan, perkara penuh sesak (*congestion*) dan minta tambah itu, minta tambah ini. Saya suka memberikan jaminan iaitu pihak Kerajaan sentiasa dari semasa kesemasa cuba memperbaiki perkhidmatannya kepada negara kita. Dan begitu juga tentang kemudahan-kemudahan pejabat, bangunan dan lain-lain lagi adalah diambil perhatian oleh pihak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datuk meminta supaya Kerajaan bersimpati. Saya pun tidak faham bersimpati dengan siapa yang dimaksudkannya itu. Adakah beliau meminta Kerajaan bersimpati dengan ibubapa mereka itu yang merayu anak-anak mereka seperti Shamsiah Fakeh, Abdullah Sidi dan lain-lain lagi. Yang sebenarnya, ini ialah perkara perasaan keluarga mereka dan pihak-pihak suratkhbar yang menulis perkara ini adalah dengan initiative mereka untuk mengambil berat tentang perkara ini. Mudahan-mudahan sampai seruan itu kepada mereka yang di dalam hutan itu dan mudahan-mudahan mereka bertaubat dan balik ke tengah-tengah mesyuarakat. Dan pihak Kerajaan menerima mereka itu keluar daripada dalam hutan dan di dalam masa Kerajaan menerima tentulah Kerajaan terpaksa menjalankan undang-undang yang ada di dalam negeri. Dalam masa menjalankan undang-undang terhadap mereka itu tentulah pihak Kerajaan menjalankannya dengan seberapa cermat, seberapa teliti dan seberapa penuh understanding yang boleh. Tetapi kalau sekiranya orang yang tidak mempunyai rekod-rekod jenayah atau sebagainya itu hendak dilepas *free* begitu sahaja saya fikir perkara ini susahlah dapat dijalankan. Kemudian soal menolong. Apa yang hendak kita tolong, dan mereka itu merayu kepada anaknya, dan bukanlah ibubapa itu merayu kepada Kerajaan supaya membalikkan orang-orang ini daripada dalam hutan. Kalau ibubapa merayu kepada Kerajaan pun, Kerajaan macam mana hendak buat, sebab orang-orang itu orang dewasa, ada mempunyai akal fikiran dan ada mempunyai

tenaga dan hak menentukan apa yang mereka hendak buat. Kalau mereka merayu kepada Kerajaan pun, Kerajaan tidak boleh buat apa-apa kecuali orang-orang yang di dalam hutan, seumpama Shamsiah Fakeh, Abdullah Sidi, Rashid Mydin, Musa Ahmad ini hendak bertaubat keluar dari dalam hutan. Kalau mereka itu hendak keluar dari dalam hutan dan menyerah diri kepada Kerajaan dan pihak Kerajaan sentiasa menerima mereka itu dan akan dilayani mengikut undang-undang yang ada dan undang-undang akan dijalankan dengan cara paling cermat, paling teliti dan paling understanding. Sekian sahaja Tuan Pengerusi.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$17,253,614 untuk Kepala B. 29; \$235,667,980 untuk Kepala B. 30; \$7,093,140 untuk Kepala B. 31; \$465,566 untuk Kepala B. 32; \$7,925,917 untuk Kepala B. 33 dan \$18,240,465 untuk Kepala B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$24,998,300 untuk Kepala P. 29; \$68,630,020 untuk Kepala P. 30; \$574,300 untuk Kepala P. 31 dan \$4,260,510 untuk Kepala P. 34 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala-kepala B. 35, B. 36, B. 37, P. 35, P. 36 dan P. 37—

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan (Tuan Shariff Ahmad): Tuan Pengerusi, saya bangun bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan momohon kelulusan sebanyak \$96,911,476 bagi Kementerian Penerangan tahun 1973. Anggaran ini dipecahkan seperti berikut:

Belanja mengurus ...	\$69,024,900
Belanja Pembangunan ...	27,886,576
	\$96,911,476

Peruntukan yang tersebut itu adalah dibahagikan kepada 3 Kepala Bekalan: B. 35, B. 36 dan B. 37; dan Kepala Pembangunan P. 35, P. 36 dan P. 37.

**KEMENTERIAN PENERANGAN
(HQ) DAN FILEM NEGARA—**

B. 35—\$12,620,500 ... P. 35—\$1,144,093

JABATAN PENYIARAN—

B. 36—\$43,460,800 ... P. 36—\$24,885,433

JABATAN PENERANGAN—

B. 37—\$12,943,600 ... P. 37—\$1,857,050

HASIL

Kementerian ini adalah juga pemungut hasil "revenue earning Ministry".

Kutipan hasil iklan 1972 kira-kira sejumlah \$15.75 juta, kita akan perluaskan khidmat iklan ke Sabah dan Sarawak.

Hasil lesen Radio/TV bagi tahun 1972 adalah berjumlah \$11 juta dan bagi tahun 1973 ini dijangka naik kepada \$12 juta.

Perbelanjaan tahun ini lebih sedikit daripada tahun yang lalu lebih kurang sebanyak \$27 juta semuanya. Kebanyakkan daripada perbelanjaan ini adalah untuk membina stesyen pemancar tambahan Radio dan TV di seluruh Malaysia.

Saya tidaklah hendak bincangkan dengan panjang lebar kerana butir-butir perbelanjaan ini ada terkandung dalam Kertas Perintah 58/72 dan Kertas Perintah 47/1972.

Tuan Pengerusi, saya mohon agar kelulusan sebanyak \$96,911,476 menjadi sebahagian daripada Jadual iaitu Belanja Mengurus \$69,024,900 dan Belanja Pembangunan sebanyak \$27,886,576.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam membahaskan peruntukan Kementerian Penerangan ini kerana pada pendapat saya ini adalah satu Kementerian yang penting.

Ada dua tiga tajuk atau perkara sahaja yang saya hendak sentuh iaitu muka 289 Aktiviti (2) Penyiaran Perniagaan.

Sebelum itu saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana ada banyak perubahan-perubahan yang telah dijalankan oleh Kementerian ini sesuai dengan kemajuan negara kita dan di dalam Penyiaran Perniagaan ini juga saya mengucapkan tahniah di atas dasar Kementerian ini hendak menaikkan lagi bayaran iklan atau "surcharge" iklan yang sebanyak 50% yang akan dijalankan dalam tahun ini.

Ada perkara yang patut diperhatikan oleh pihak yang berkuasa Kementerian ini iaitu dalam Penyiaran Perdagangan ini tidak terdapat sesuatu ungkapan atau pertuturan yang terang-terang menyentuh kesopanan atau kesulilaan tentang juga dengan tata negara kita, atau secara suggestive menyindir sesuatu yang tidak sopan melalui lisan atau

perbuatan. Saya tidaklah hendak menyentuh hendak menyebutkan satu dua contoh kerana ini menyentuh satu syarikat. Tetapi kalau kita perhatikan waktu iklan ini ditayangkan kita akan dapati kata-kata ungkapan atau pertuturan yang mungkin termasuk di dalam istilah kurang sopan ditunjukkan. Ini semata-mata ialah tujuan pengiklan ini untuk mempengaruhi orang yang menuntun iklan-iklan itu di talvisyen dan di radio yang mendengarnya.

Kata-kata yang digunakan di dalam memperkenalkan satu-satu benda, ini juga mustahak yang digunakan oleh pengiklan-pengiklan hendaklah sesuai dengan keupayaan benda itu, dan tidak menyalahi pendapat pakar. Ini ada setengah kalau kita tahu ini terutama kalau ubat, dia lebih daripada kuasa ubat itu. Ini boleh mengelirukan rakyat terutama sekali rakyat di kampung.

Perkara yang boleh mengelirukan patut diawasi, kerana jika tidak tentu bahagian-bahagian yang lain, pengiklan-pengiklan yang lain juga akan mengelirukan dan mendapat tempat di dalam penyiaran perniagaan yang diumumkan melalui talvisyen dan radio kita. Oleh sebab itu, iklan-iklan patutlah di lain-lain media juga diawasi.

Dan menyentuh Aktiviti (4) Latihan Tata Negara. Di sini saya terdapat sangat penting, sepatutnya bertambah lagi peruntukan di dalam bahagian ini, kerana pada saya Latihan Tata Negara ini penting kerana sivik dan tata negara ini ada diajar di sekolah-sekolah dan pengajaran hal ini patut diadakan di semua tempat di seluruh negara kita bukan sahaja dikalangan murid-murid, tetapi orang dewasa di Pejabat-pejabat Kerajaan dan Pejabat-pejabat Syarikat Swasta. Mengikut ketentuan di sini Latihan Tata Negara itu ialah untuk mengangjur kursus-kursus yang dikhaskan untuk belia-belia. Ini amat penting, tetapi patut lebih luas lagi. Dengan sebab kemudahan yang ada pada Kementerian Penerangan meluaskan lagi perkhidmatan Kementerian ini juga bahagian-bahagian lain seperti orang dewasa juga perlu diadakan ini walaupun ini barangkali daripada Kementerian Perpaduan Negara yang tidak menjalankan tugasnya, itu sudah lepaslah Kementerian. Anak-anak yang terdidik dalam bidang ini di sekolah-sekolah mungkin merasa kebimbangan bila pulang atau bergaul dalam masyarakat mendapati segala ajaran-ajaran civik atau tata negara ini

yang mereka pelajari dinodai oleh keadaan sekelilingnya. Mereka lebih lama terdedah kepada penodaan ini daripada pelajaran civic atau tata-negara yang dipelajarinya di sekolah-sekolah. Pelajaran ini perlu dijalankan pada hemat saya lebih intensif di seluruh negara. Jika kita berjaya dalam usaha ini tentulah sekali kita akan berjaya juga mencegah jenayah dalam beberapa bentuk dan corak.

Dalam tajuk Aktiviti (5) Penyelidikan. Ini saya suka juga hendak menyebutkan, Tuan Pengerusi, atau penerangan yang berkesan boleh dilaksanakan menurut dua jalan pada hemat saya iaitu satu, sampaikan apa yang dianggap penting ataupun perlu oleh Kerajaan dan yang kedua memberikan apa yang dikehendaki oleh rakyat. Dengan dua jalan ini rakyat dapat memahami perjalanan dan kehendak Kerajaan dan rakyat terpujuk untuk menerima apa yang disampaikan.

Penyelidikan perlu digiatkan untuk mengetahui apa yang belum sampai kepada rakyat dan mengetahui apa diinginkan oleh rakyat. Dalam hal ini Wakil-wakil Rakyat di semua peringkat boleh memainkan peranan penting.

Pakar-pakar Penerangan di dalam Kerajaan hendaklah menginsafi bukan sahaja apa hendak disampaikan kepada rakyat, tetapi bagaimana dan cara mana hendak menyampaikannya. Pamiran mengenai aktiviti atau kempen penyampaian ini perlu dikaji dalam kedua-dua segi, bahan makanan umpamanya yang hendak kita hidangkan itu biarlah lazat dan bila dihidangkan pula jangan sampai memuakkan atau sampai jemu. Perhatian perlu diberikan kepada siaran-siaran Radio dan Talvisyen dan lain-lain saluran-saluran yang digunakan oleh Kerajaan. Umpamanya kalau hendak sebutkan satu sahaja cukuplah "Dondang Sayang" itu patutlah dikaji supaya tidaklah memuakkan, jemu orang sampai tukar ke tempat lain, sebab itu terlalu banyak sangat memainkan peranan bersatu-padu dan lain-lainnya, itu maknanya sudah terlebih beri hidangan.

Dalam Aktiviti (6) Filem Negara Malaysia. Kita patut berbangga bahawa iaitu Filem Negara ini sudah mengeluarkan filem-filem yang bermutu dan banyak kali mendapat kejayaan festival film atau dalam perayaan filem diadakan di beberapa tempat di Asia Tenggara ini. Benda-benda atau bahan-bahan yang baik yang bermutu tinggi dengan sendirinya merupakan iklan yang terbaik.

Saya suka menambah lagi iaitu filem Negara ini hendaklah menambahkan kegiatannya dan kalau perlu diminta wang tambahan, tidak cukup dalam ini, kita minta wang dalam Supplementary Budget yang akan datang supaya dapat Filem Negara menambahkan lagi, meluaskan usaha-usahanya dalam memilemkan kegiatan-kegiatan pembangunan dan perindustrian dalam negeri untuk ditayangkan di mana-mana sahaja di dunia international dengan banyak serta bercolour dan lebih selalu lagi.

Ulangan, pada saya adalah satu ikhtiar yang paling efektif untuk meyakini atau untuk mempengaruhi. Penayangan filem-filem pembangunan dan perindustrian di luar negeri boleh melahirkan keyakinan (confidence) Kerajaan dan gulungan-gulungan pedagang asing untuk melaburkan di Malaysia ini.

Filem yang saumpama ini memang saya tahu sudah ada juga ditunjukkan melalui Kedutaan kita di luar negeri, tetapi saya masih berpendapat kurang sangat hinggakan banyak negara-negara masih bertanya kita tentang apa yang dilakukan, apa yang telah dibuat di sini walaupun filem-filem ini tentang pembangunan negara ada ditunjukkan untuk rakyat kita dalam negeri ini, tetapi kita kurang perlunya diperhebatkan penayangan, atau penerangan menerusi filem di luar negeri. Ini sesuai dengan dasar luar negeri Malaysia yang sekarang sudah membukakan perhubungan diplomatiknya dengan Eropah Timur umpamanya dan lain-lain negara lagi. Dan pada pendapat saya untuk tujuan-tujuan ekonomi penerangan keluar ini sama beratnya dan sama pentingnya penerangan kepada rakyat.

Muka 294, Pecahan-kepala 2 (ii) Kelengkapan Teknik. saya suka hendak menyentuh sedikit juga di sini. Saya sedar bahawa pihak Kementerian ini memang banyak menjalankan usaha-usahanya yang baik untuk meninggikan lagi penyiarannya samada Radio atau Talivisyen dan menyediakan selengkap-lengkapannya alat teknik yang diperlukan untuk semua kegiatan penerangan memang memakan belanja yang besar dan masa yang panjang. Ini perlu diusahakan sedapat-dapatnya yang boleh. Mereka yang berkenaan mustahak menyedari tentang kekurangan dan apa-apa yang diperlukan secara mendesak.

Dalam siaran Talivisyen ada masanya dalam peristiwa-peristiwa atau interview-interview suara-suara peserta tidak kedengaran tetapi pada masa lainnya bersuara pula. Untuk menjadikan siaran Talivisyen ini lebih menarik patutlah suara-suara peserta di dalam peristiwa temu-ramah dalam persidangan-persidangan, ceramah-ceramah sedikit sebanyak diperdengarkan, tidaklah setengah-tengah hanya gambar nampak mulutnya sahaja kumat-kamit umpamanya Perdana Menteri pergi melawat ke tempat dapat bercakap dengan orang, tetapi tidak kedengaran, walaupun ada masa-masanya memang kedengaran, tetapi kebanyakannya tidak kedengaran. Untuk lebih effective lagi patut di dalam itu dibawa juga suara walaupun ini memakan belanja sedikit, tetapi biarlah tentang memakan belanja sedikit sebab perkara ini penting, dengan sebab itulah saya suka bercakap dalam Kementerian ini.

Aktiviti (3) Kejuruteraan. Ini juga pada saya penting mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan iaitu patut diperhati diberi kepada volume—pembesar suara siaran-siaran itu. Apa yang dikehendaki di dalam sesuatu siaran itu volumenya hendaklah serata iaitu pendengar-pendengar samada Radio atau Talivisyen terpaksa pula mengecilkan atau membesarkan volume pada set radio atau talivisyen.

Dari pengalaman saya dan saya percaya Ahli Yang Berhormat yang lain, ada juga mengalami pernah kita terpaksa mengecilkan volume di set talivisyen atau radio kita, kerana volume pancarannya berubah. Umpamanya kalau daripada satu filem habis sahaja filem timbul perkara Brylcream atau yang lain terus besar sekali suaranya, terpaksa kita mengecilkan, itu saya rasa, kalau Jurutera yang menjaga tentang volume supaya tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah pula, maka ini tidak akan menyebabkan pendengar-pendengarnya berubah nada telinganya itu.

Ini kerap kali berlaku dan Jurutera mustahak memerhatikan supaya nada itu atau volume yang dibesarkan itu serata atau satu paras.

Seperkara lagi ialah mengenai

Tuan Pengerusi: Waktu sudah sampai. Boleh habiskan yang selebihnya itu.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Terima kasih. Dari pengalaman saya dapat juga

bahawasanya rancangan Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil tidak sama kuat dengan radio, tetapi ini dapat dikesan dengan menggunakan transister, kalau electric barangkali kurang, kalau transister dapat. Misalnya kita sedang mendengar siaran dalam bahasa Inggeris sekarang waktu dibilik air umpamanya tetapi pertukaran kepada siaran lain—perubahan; satu kuat, satu kecil, satu kurang kuat. Itu pada hemat saya patutlah diperhatikan supaya penerimaannya tidak sama kuat. Jurutera yang menjaga sana patutlah pada fikiran sana alert ketika menggunakan sound effect ini supaya volume yang dipancarkan itu hendaklah sama sungguhpun volume sound effect itu digunakan mungkin berbeza.

Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, tentang berita iaitu Pecahan-kepala 5 tentang isi berita ataupun pemberitaan masih boleh diperbaiki. Maksud saya, Tuan Pengerusi, saya harap berita-berita ini dipilih lebih meluas lagi seluruh dunia kita ini.

Pemetik-pemetik berita di radio, TV patut sekali sekala mendengar radio-radio dan khususnya warta berita dari station-station radio dari semua benua dan dari semua negeri-negeri di barat dan di timur.

Kita perlu memperluaskan pemberitaan sehingga meliputi semua kawasan. Rakyat sudah banyak umpamanya mendengar berita-berita sukan daripada negeri-negeri yang tertentu sahaja. Sekarang kita perlu memperluaskan pemetikan berita-berita untuk rakyat mendengar dari negara-negara yang lain pula, tidak dari satu ataupun beberapa rantau sahaja. Kita selalu kemarau pada berita dari negara-negara Islam. Malaysia patut dan perlu membuka pandangan dengan penglihatan atau pendengaran lebih luas lagi sesuai dengan dasar luar negeri Kerajaan kita berbaik-baik dengan semua negara-negara yang mengiktiraf kita dan menghormati kita.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, mengenai dengan Kementerian Penerangan ini saya ingin menyentuh Aktiviti (1) Pentadbiran Am.

Pada masa ini saya rasa patut diberi kepujian kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana telah banyak perubahan yang kita dapati di dalam Kementerian ini cuma satu perkara yang saya nampak sejak beberapa tahun hingga sekarang tidak

nampak perubahan iaitu tentang adanya layanan yang tidak sama antara pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di Bahagian TV Radio dan Jabatan Penerangan. Saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai dan kakitangan yang bertugas di dalam Bahagian TV adalah dianggap sebagai pegawai kelas satu, bagi pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Bahagian Radio dianggap sebagai pegawai kelas dua, dan pegawai-pegawai serta kakitangan yang bertugas dalam Bahagian Jabatan Penerangan adalah merupakan pegawai kelas tiga.

Tuan Pengerusi: Di anggap oleh siapa?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Di-anggap oleh pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Bahagian-bahagian itu sendiri, kerana sebagai seorang yang dahulunya berada di dalam Jabatan ini, Tuan Pengerusi, saya lebih rapat dengan pegawai-pegawai itu dan dapat mendengar dari isi dan perasaan hati mereka. Inilah masaalah yang mereka rasa mahu kepada suatu perubahan. Kerana jika dibandingkan antara tiga-tiga Bahagian ini mereka yang bertugas di dalam Bahagian Jabatan Penerangan adalah merupakan pegawai yang paling hampir dengan rakyat, pegawai yang paling banyak menerima kesusahan dan kalau apa-apa maklumat yang hendak disampaikan kepada rakyat, maka mereka ini memberi penerangan adalah secara berhadapan dengan rakyat. Kalau rakyat tidak setuju dengan sesuatu dasar itu, maka rakyat akan mengatakan sesuatu di hadapan mereka sendiri berlainan dengan pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Bahagian Radio dan TV sebab mereka itu bertugas secara menyampaikan dengan cara suara, tuanya sendiri tidak ada berhadapan dengan rakyat itu, tetapi layanan yang diberikan sekarang ini, saya dapat faham, bahawa segala keistimewaan yang diberi kepada pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Bahagian Radio dan TV lebih daripada pegawai-pegawai yang bertugas di dalam Bahagian Jabatan Penerangan.

Saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan ini tentu akan menjawab “tidak ada,” sebab ini adalah suatu cara hendak menjaga kedudukan pegawai tetapi hakikatnya yang sebenarnya memang ada, Tuan Pengerusi.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah kalau dikaji daripada tujuan utama Kementerian

Tuan Shariff Ahmad: Dapatkah beliau itu, membuat tuduhan yang specific daripada general remarks begitu sahaja?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Saya, Tuan Pengerusi, oleh kerana diberi 10 minit, susah saya hendak menerangkan, sebab saya hendak bercakap bahagian lain.

Tuan Pengerusi: Adakah Ahli Yang Berhormat sanggup akan dengan jalan surat dikemudian kelak atas tuduhan itu?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Perkara ini, Tuan Pengerusi, saya sanggup boleh beri.

Tuan Pengerusi: Baiklah, Ahli Yang Berhormat boleh sambung ucapannya.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Pengerusi, perkara yang kedua mengikut tujuan utama Kementerian Penerangan ialah mengikut buku catitan ini antara lain "menerangkan cara mendalam dan dengan liputan seluas-luasnya dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan untuk menjamin pemahaman sebenarnya untuk orang-ramai."

Satu perkara yang memang kita semua ketahui tujuannya, mulai 1hb Januari tahun ini suatu perubahan besar telah berlaku dalam negara kita ini iaitu lahirnya Kerajaan Campuran antara Perikatan dengan PAS.

Saya diberi faham sehingga kepada hari ini pihak Yang Berhormat Menteri atau mana-mana pihak belum lagi mengeluarkan suatu arahan supaya penerangan mengenai dengan tujuan dan bentuk Kerajaan Campuran ini diberi secara meluas kepada orang-ramai. Apa yang ada hanyalah menyampaikan ucapan Menteri, kalau ada seseorang Menteri itu bercakap menyentuh perkara Kerajaan Campuran ini, sedangkan perkara ini adalah perkara besar dan rakyat perlu diberi fahaman. Sebagai bukti yang terang yang saya berani berkata bahawa rakyat sekarang ini kurang jelas, kurang faham dengan Kerajaan Campuran ini. Kalau kita balik ke Kelantan sekarang ini, misalnya pada hari ini, saya kasihan kepada pemimpin-pemimpin PAS telah dituduh bukan lagi sebagai Parti Islam Setanah Melayu tetapi telah dikatakan oleh orang-orang Parti Asri Sekeluarga.

Kerana kebetulan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Kota Bharu Hulu menjadi Menteri, keluarganya sendiri menjadi Menteri Besar di Kelantan dan khabarnya yang hendak menjadi calon ini pun keluarganya pula yang hendak menjadi calon kawasan yang dikosongkan oleh bekas Menteri Besar. Jadi inilah timbulnya. Saya fikir kalau Jabatan Penerangan dapat memberi suatu penerangan secara yang meluas tentang maksud dan tujuan Kerajaan Campuran ini, maka sedikit sebanyak kita dapat menolong keadaan-keadaan yang kurang sihat yang dilemparkan kepada PAS ini.

Perkara yang paling akhir yang saya hendak sentuh dan yang tidak dapat dinafikan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Menteri Penerangan telah menjalankan kerja yang paling baik pertama sekali di dalam menumpukan penuh perhatian kepada Kementerian Penerangan ini. Kerana Yang Berhormat Menteri Penerangan sendiri selain daripada menjadi Menteri Penerangan beliau adalah menjadi Menteri Tugas-tugas Khas dan juga banyak perkara-perkara yang tertentu ditumpukan. Dalam masa sepeñgalan Yang Berhormat Menteri Penerangan untuk menunaikan fardhu haji, saya diberi faham bahawa Menteri ini tidak dipangku oleh sesiapa selain daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya fikir ini adalah satu kepercayaan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kepada Setiausaha Parlimennya. Apa salahnya, Tuan Pengerusi, kalau Setiausaha Parlimen Menteri Penerangan ini dinaikkan pangkatnya menjadi Timbalan Menteri Penerangan.

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana naik pangkat itu, Ahli Yang Berhormat?

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Di bawah Pentadbiran Am.

Tuan Pengerusi: Adakah jawatannya di situ? Ahli Yang Berhormat ada lagi 2 minit.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Saya sentoh Pentadbiran Am, bukan pentadbiran yang khusus, Tuan Pengerusi.

Saya fikir ini memanglah satu perkara, satu cadangan saya yang tulus ikhlas dan saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan pun bersetuju, tetapi kalau dia tidak bersetuju bolehlah berterus terang di dalam Dewan ini sedikit masa lagi.

Saya hanyalah ingin melihat supaya tidak akan timbul di satu masa perasaan-perasaan frust di dalam menjalankan kerja, kerana saya pernah membayangkan di dalam Dewan ini bahawa sebab tidak adanya layanan yang sama seperti yang saya terangkan mula-mula tadi, ada setengah-setengah pegawai penerangan bekerja berpuluh-puluh tahun diberi pangkat seperti yang saya telah sebutkan berkali-kali di dalam Dewan ini, diberi peluang memangku jawatan 8-9 tahun, sampai masanya tidak boleh naik pangkat, mereka frust, tetapi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen setahun dahulu mengatakan kepada saya, kalau frust tidak payah kerja. Saya khuatir kalau-kalau penyakit ini terkena kepada dirinya sendiri, teruk juga. Sebab itulah awal-awal saya mencadangkan kenaikan pangkatnya.

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I refer to Kepala B. 36 sub-head 1100, Gaji dan Upahan untuk rancangan atau programming, under the Department of Broadcasting.

Since September last year, for almost every night, Television Malaysia telecast the same programmes of Bahasa Malaysia news and Peristiwa (Television News Magazine) over both channels at the same time. This means that for 37 minutes every night, a television viewer is offered the same fare over both channels, and he has no escape whatsoever from the blatant Government propaganda in the Peristiwa programme. Whether he turns on the first or the second channel, he sees the same Minister planting a tree, cutting a ribbon or giving a speech. What make matters worse is that this is done during the prime television time between 8.30 p.m. to 9.30 p.m.

The worst victims are the Chinese and Tamil film programmes which are interrupted no less than three times, and sometimes four times by other programmes—apart from television advertisement interruptions.

This television policy of the Alliance Government is an admission of failure of the propaganda television programmes to draw viewers, in particular Peristiwa, which is nothing less than the glorification of Alliance leaders and their activities. For if the Peristiwa programme is popular, then there is no need to make this programme a compulsory item by commandeering both channels to transmit it at the same time every

night. Such television policy is also proof of the illiberal and intolerant attitude of those who are in charge of broadcasting service.

Malaysian television viewers are denied the freedom of choice of programmes. They are given no alternative but to watch and see Alliance propaganda films during prime television time. In this way, the Alliance seeks to control information and thought among the people in the country. I think Malaysia must have the distinction of being the only country with a television service which forces the people to watch the same series of programme of Peristiwa on both channels at the same time on every night for months on end.

Television Malaysia is a national service, and not an Alliance property, and should cater to the educational, informational and entertainment needs of the 11 million Malaysians. It should not be a propaganda instrument of the Alliance. In this connection, I shudder to think what will be the position should we have five or six channels. Are Malaysians to see the same Peristiwa programmes of, say, the Information and Broadcasting Minister planting a tree and speech-making when they tune to the first channel and also the second, third, fourth, fifth and sixth channels?

I notice that there is some modification in the past week or so, and I want an assurance from the Parliamentary Secretary concerned that such wasteful and ridiculous programming would not be repeated in future.

I would also like to see greater impartiality and independence in television and radio news. They should not degenerate into Alliance mouthpieces to discredit Opposition parties in the country and even to disseminate untruths.

Thus, recently, when it was announced that 200 D.A.P. members in Batang Berjuntai had left it to join ADMO and later on 150 D.A.P. members in Jalan Temerloh in Kuala Lumpur subsequently followed suit, all the Government mass media—radio, television and Bernama—gave big play and fanfare. But when my colleague, Saudara Lee Lam Thye who is the D.A.P. leader in the Selangor State Assembly, challenged the Menteri Besar of Selangor, Datuk Harun bin Idris to substantiate that 350 D.A.P. card-carrying members have resigned or failing which he should resign as Mentri Besar of Selangor for

telling downright lies, all the Government mass media blacked out the D.A.P. reply. Incidentally, Saudara Lee Lam Thye and all the other D.A.P. State Assemblymen were prepared to resign as State Assemblymen if Datuk Harun could prove and substantiate that 350 D.A.P. members had left.

This is clearly contrary to the highest canons of journalism. Nowadays, it is quite easy for an ordinary person to get V.I.P. treatment in Government mass media, radio, television or Bernama, by just claiming that he has left the D.A.P. although he has never been a member in the first place. In fact, Datuk Harun presented a gold tie-pin to someone for his great contribution in bringing 200 D.A.P. members over to the Alliance, when it was a complete figment of a very fertile imagination. No wonder the people have ceased to believe radio, television and Bernama news and commentaries, for they are partial, prejudiced and terribly slanted.

Finally, in catering to the needs of a multi-racial, multi-lingual and multi-cultural Malaysia, Television Malaysia must give fair time to all language programmes. It is the widespread and legitimate complaint of viewers that Television Malaysia has discriminated against giving fair time to Chinese and Tamil programmes, whether it be in terms of films, variety shows, musicals or sketches.

Malaysia is made up of three main races, and they must all be given fair representation in the allocation of television time.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya bangun mengambil bahagian bersama di dalam perbincangan berkenaan dengan Jabatan Penyiaran ini.

Tuan Pengerusi, bercakap berkenaan dengan Kementerian Penerangan, saya suka menyentuh iaitu muka 289, 293, 294, 296, 106 iaitu berkenaan dengan Filem Negara Malaysia. Filem Negara Malaysia sebagaimana yang kita ketahui bahawa Filem Negara adalah satu tempat yang mempunyai satu studio yang boleh dikatakan yang paling baik di dalam Asia Tenggara ini. Tetapi apa yang menjadi tandatanya berkenaan dengan perbelanjaan wang yang begitu banyak yang kita telah curahkan kepada Filem Negara ini, banyak perkara-perkara yang tidak dapat

diselaraskan dengan kehendak-kehendak rakyat di dalam negara ini. Umpamanya kita sangat kurang berkenaan dengan feature film, begitu juga documentary film dan banyak filem-filem yang dikeluarkan itu ialah berkenaan dengan film news dan saya percaya bagi pihak Kementerian ini tentulah dapat memperbaiki lagi berkenaan dengan perjalanan Filem Negara supaya Filem Negara ini akan dapat memainkan peranan yang penting dalam memberi sebaran kepada rakyat apa yang telah dijalankan oleh Kerajaan pada masa ini dan apa-apa perkara yang penting yang patut diberi perhatian kepada rakyat di dalam negara ini. Masalah yang besar pada hari ini ialah masalah pelajaran, masalah keciciran, masalah ganja dan banyak lagi masalah-masalah yang harus diberi perhatian.

Satu sahaja yang saya fikir, Tuan Pengerusi, bahawa Filem Negara ini boleh memainkan peranan yang penting bagi masa yang akan datang jika sekiranya di pihak Kementerian ini sanggup memberi tawaran scholarship kepada penuntut-penuntut kita yang baik, yang keluar daripada universiti supaya mereka ini dapat mengambil pelajaran yang secukup-cukupnya berkenaan dengan bagaimana satu-satu studio bagi negara itu akan dapat mengeluarkan filem. Bukan pada masa ini kita hanya minta belas kasihan daripada Kerajaan-kerajaan asing menawarkan scholarship kepada kita setahun, habis lama dua tahun dan selepas itu balik. Jadi apa yang saya mahu pada hari ini ialah kita menawarkan secukup-cukupnya scholarship sekurang-kurangnya 5 tahun, umpamanya mereka mesti mempelajari berkenaan bagaimana hendak mengeluarkan filem-filem yang sebagaimana yang dikehendaki oleh rakyat. Umpamanya, Tuan Pengerusi, kita selalu melihat iaitu tayangan di dalam TV semasa orang-orang Islam menjalankan tawaf di Ka'bah. Saya ada nampak satu filem, saya tak tahu adakah yang mengambil filem itu kakitangan daripada Jabatan Filem Negara atau filem itu satu kiriman daripada Kerajaan luar negeri, tetapi apa yang menjadi satu tandatanya, Malaysia adalah sebuah negara yang bercorak Demokrasi dan begitu juga Islam adalah menjadi agama rasmi, iaitu selepas kita mengelilingi Ka'bah ada orang mengucupkan Batu Hitam, Hajar Aswat. Ini harus menjadi satu syak-wasangka bagi orang yang bukan Islam, kerana katanya apa bezanya, Islam menuduh kami supaya

jangan kami menyembah batu, tetapi kami lihat dalam TV orang-orang Islam tadi, bukan sahaja menyembah, bahkan mencium batu. Ini patutlah bagi pakar-pakar agama yang ada dalam TV memberi penjelasan semasa itu supaya tidak mendatangkan kekeliruan bagi orang-orang yang melihatnya.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan derama-derama yang ditayangkan di dalam TV tentulah banyak daripada kita yang mengucapkan terima kasih kepada pihak TV Malaysia dan kepada pihak yang menyelenggarakan berkenaan perusahaan-perusahaan mengeluarkan derama di dalam TV, tetapi saya sukalah hendak memberi perhatian lagi kepada penulis-penulis derama yang cerdik-pandai. Umpamanya, kita kerap kali menayangkan derama sampai dua tiga kali keluaran baharu habis cerita itu, tetapi kalau kita bezakan, umpamanya, Tuan Pengerusi, kalau kita lihat pengarang cerita derama yang mempunyai pengalaman, yang mempunyai pengetahuan, kebolehan seperti cerita "Mannix", dalam masa 45 minit sahaja habis segala ceritanya, dapat digambarkan dengan satu masa yang sekejap, tetapi bagi pengarang-pengarang derama kita sampai tiga hari berturut-turut tak boleh habis, ini berkehendakkan kepada pengalaman. Jadi saya mengesyorkan perkara ini kepada pihak Kementerian ini supaya mengeluarkan scholarship supaya dapat penuntut-penuntut yang baik yang keluar daripada universiti kita dapat pergi ke Hollywood ataupun di mana-mana lagi sampai 5 tahun duduk di sana dan selepas itu balik ke sini, maka dapatlah dia memperbaiki lagi mutu tayangan derama-derama yang di dalam TV ini. Ada satu masa yang menjadi satu bantahan yang keras terhadap keluaran derama di TV kita, kerana orang yang mengarang itu dia fikir dan tulis-tulis dan keluarkan dalam TV, ini saya rasa akan merosakkan.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, satu perkara lagi berkenaan dengan penyiaran radio. Saya rasa, Tuan Pengerusi, Malaysia kita sebuah negara yang bercorak demokrasi yang berparlimen dan tiap-tiap rakyat di dalam negara ini pada tiap-tiap kali kita mengadakan mesyuarat di dalam Dewan ini masing-masing boleh dikatakan tertunggu-tunggu di peti TV kerana hendak melihat bagaimana perkembangan corak demokrasi kita yang dijalankan pada masa ini. Tayangan talivisyen berkenaan perjalanan di dalam

Parlimen ini adalah satu masa yang singkat sangat. Kalau kita perhatikan, umpamanya di dalam Australia ada tayangan selari berkenaan dengan Question Time $\frac{1}{2}$ jam, ditayang TV serentak pada waktu itu juga. Jadi dapatlah rakyat melihat apa perbincangan yang sedang berlaku dalam Parlimen pada masa Soal-jawab dan kemudian di dalam general debates $\frac{1}{2}$ jam. Jadi saya rasa kalau dapat Yang Berhormat Menteri memanjangkan masa siaran di TV ini, kalau tak boleh sejam pun hendaklah kita tambah masa yang sangat disukai, yang digemari oleh rakyat dalam negara kita pada hari ini ialah dalam masa Soalan-jawab. Inilah satu masa yang mereka sangat hendak dengar. Jadi, saya berharaplah di pihak Kementerian ini supaya dapat diambil perhatian di dalam perkara yang tersebut.

Di dalam rancangan-rancangan siaran samada radio atau talivisyen sebagaimana kata Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam tadi, kalau kita suruh orang makan durian selalu tentulah tak siapa yang dapat memakannya. Saya bersetujulah kita patut ada dondang sayang dan lagu gazal tetapi mutunya harus kita perbaiki. Janganlah kita terlalu balik ke belakang, baiklah kita maju ke depan. Kita gunakan alat-alat yang boleh menarik perhatian daripada pendengar-pendengar sebagaimana yang selalu kita lihat lagu-lagu lama, kalau Tuan Pengerusi dengar satu lagu lama yang telah dimainkan, tak salah saya lagu dondang sayang juga yang dimainkan oleh satu orkestra daripada Jerman. Orang-orang kita pun tak dapat membuat seperti yang demikian, bagaimana sedap halua telinga kita mendengarnya.

Begitu juga kita harap bagi pihak Kementerian ini dapat menghantarkan juga penuntut-penuntut memberi scholarship supaya mereka itu dapat keluar negeri mempelajari berkenaan dengan muzik supaya apabila mereka itu balik dapatlah mereka itu menguruskan, memperbaiki mutu orkestra yang ada dalam jabatan ini.

Berkenaan dengan loghat, ini pun satu keganjilan. Kalau kita dengar seorang juruhebah Inggeris boleh dikatakan sekata sahaja, baik orang Melayu, orang Cina dan orang India jadi loghat itu satu sahaja. Tetapi dalam bahasa Malaysia ada setengahnya hendak kata "kuda"—"kula" pun ada juga dan ada setengahnya "e", dan setengahnya "a", jadi tak standard. Kalau kita dengar

Radio Indonesia satu loghat sahaja—sama, begitu juga di Medan sama sahaja tentang loghat dan telo cakapan. Begitu juga macam Radio Singapura sama sahaja bukanlah saya hendak puji, tetapi di sini saya tak tahu apa sebab jadi begini.

Saya harap walaupun ada seorang kawan saya yang telah memuji berkenaan kemajuan TV ini, tetapi saya berharap ada lagi perkara yang patut kita perbaiki. Perkara ini bukan payah, tetapi satu perkara yang amat mudah. Kita pilih seorang juruhebah, jangan kita tak pilih. Kita pilih seorang yang suaranya apabila orang mendengar pun tertarik. Juruhebah itu setahu saya kalau di negara lain bukannya sebarang orang yang boleh jadi juruhebah, diperiksa sampai detik jantung pun diperiksa. Jadi saya haraplah kepada pihak Kementerian ini mengambil perhatian apa yang saya ucapkan tadi.

Satu perkara yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya selalu mendengar kritik daripada orang ramai berkenaan dengan siaran gambar-gambar yang selalunya tersiar dalam TV Malaysia. Rakyat bertanya, siapa Menteri Penerangan sekarang. Saya kata, Tan Sri Ghazali Shafie. Mereka kata tak pernah nampak. Yang nampak Setiausaha Parlimen Kementerian. Jadi janganlah terlalu banyak, sebab benda yang banyak sangat itu boleh jadi orang kata macam barang jepun. Saya berharap bukanlah saya bercakap sebagai menyindir, saya bercakap dengan ikhlas. Jadi janganlah terlalu banyak, sekali-sekali tak apa, kalau terlalu banyak kita pun bukanlah hendak jadi sakit samada siar ataupun tidak. Tujuan kita hendak berkhidmat kepada rakyat. Kita berkhidmatlah dengan jujur dan ikhlas supaya jangan lahir kata-kata rakyat yang susah juga pihak Wakil Rakyat hendak jawab.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini dan saya berharap apa yang saya bentangkan dalam ucapan saya itu akan mendapat pertimbangan daripada Kementerian.

Tuan Lee Seck Fun: Tuan Pengerusi, saya suka bercakap sepatah dua dalam Kepala P. 37 Pecahan-kepala 1 dan 2—Unit-unit Berkereta dan Pejabat-pejabat Penerangan.

Tuan Pengerusi, di Daerah Kecil Tanjung Malim pada masa sekarang ini ada bermacam-macam pejabat. Pejabat Penerangan

adalah satu pejabat yang penting dan mustahak oleh sebab sekarang kita ada jalankan projek atau melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain. Saya dukacitalah sampai sekarang tidak ada satu pejabat penerangan di dalam Daerah Kecil Tanjung Malim, Slim River. Di dalam peruntukan yang ada di hadapan kita ini, saya haraplah boleh dapat dengan wang itu diadakan satu pejabat di Daerah Kecil Tanjung Malim, dan juga untuk unit-unit berkereta memang bila mana tidak ada pejabat penerangan di tempat itu memanglah mobile unit itu didatangkan dari lain daerah.

Kawasan saya banyak kampung-kampung baru dan selalu dalam lawatan saya, saya dapati yunit-yunit berkereta itu sehingga 5-6 bulan pun tak pernah sampai di dalam satu-satu kampung. Nampaknya masaalah ini rakyat kita tak berapa fahamlah mengenai apa rancangan yang akan dijalankan oleh Kerajaan dan dasar Kerajaan hari ini dan begitu juga perkara-perkara lain yang patut diberitahu kepada rakyat di luar dan dalam bandar.

Tuan Hor Cheok Foon (Damansara): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I would like to remind the Government that when they plan radio and television programmes the allocations and the emphasis must be based on a fair distribution of time and to meet the various requirements of Malaysian radio listeners and television viewers of different cultural and linguistic origins.

The non-Malay citizens of this country, especially those who reside in the towns and cities, have complained that television and radio programmes provided today are inadequate and are not tailored to their liking and taste and are not related to their cultural and social heritage. This unhappy state of affairs has been carried on for a number of years, so much so that the rakyat have formed a disinterest and even a resentful attitude towards the programmes which are provided by Radio and Television Malaysia. For example, in the various major towns in Malaysia, like Ipoh and Kuala Lumpur, the people prefer to listen to Rediffusion than to tune to Radio Malaysia. Therefore, I submit if the Government's intention is to try to convince Malaysians of various racial origins to understand and sympathise and even to support the Government's policy in the course of nation-building, the Government

must, of all things, be able to convince the people and to rally the people behind them through the mass media of communication. At the moment, although the Government has been trying very hard, their efforts will be futile. Therefore, I recommend that as soon as possible the Government should establish a dialogue between the people and the Government, that is to say, between the people who are being ruled and the people who rule.

Secondly, today the television and radio programmes make a very superficial approach, that is to say, the programmes are not carefully selected. We find that programmes on cooking, decorations and how to beautify yourself and so on are emphasised, but the programmes on discussions of masalah-masalah and on the problems of the people have always been neglected.

Another point I would like to raise in regard to Radio and TV programmes is in respect of the non-Malay stream programmes, especially the Chinese programmes. Right from the announcements to the contents of the programmes, these have not been presented in a very high standard; that is to say, the attitude of the Government is to emphasise less on these programmes—the selection of the announcers, the story writing and eventually the whole presentation do not reach a satisfactory standard and, therefore, it cannot be said that these programmes have been properly produced.

Datuk Pengerusi, sometimes we see a television programme like Wrestling (Gusti), which is the only programme where you can probably get all round interest and when this programme is on people will be sitting around their TV sets and start enjoying it. But from another angle, it is well and good that we have some sports programmes. But we hope our Government should be able to decide on these imported screenings to make up television time. I hope that local productions on local themes, local affairs, the inter-relations and problems between the various origins of Malaysians should be emphasised and such productions should also reflect their culture, their likes and their dislikes. If this is done, it will automatically create a sense of goodwill, a sense of liking and a sense of support towards the Government. So I hope the Government could look into this and in the

very near future, we could see improvements in our television and radio broadcasts. Thank you very much.

Tuan Chan Siang Sun (Bentong): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya dengan rakan-rakan saya mengucapkan setinggi tahniah dan mengalu-alukan peruntukan untuk Kementerian ini.

Selepas sahabat-sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat kita melawat kompleks Jabatan Penerangan dan Penyiaran pada 20 haribulan dahulu, kita dapat tahu di dalam negara kita ada satu kompleks penerangan dan penyiaran yang cukup lengkap, yang cukup baik, khususnya dalam dua tiga tahun ini ada banyak perubahan-perubahan, kemudahan-kemudahan untuk memajukan dalam segi penerangan dan penyiaran di dalam negeri kita ini. Dan saya suka mengucapkan syabas dan diharap pada masa akan datang kita dapat lebih lengkap dan lebih maju dalam Jabatan Penerangan.

Dalam peruntukan tahun ini, Tuan Pengerusi, satu kejayaan yang cukup seronok iaitu nampaknya kita dapat melanjutkan talivisyen ke negeri-negeri Sarawak dan Sabah. Ini satu langkah yang cukup baik, langkah yang kita dapat mengiratkan sahabat-sahabat di Malaysia Timur kita dan inilah satu langkah yang boleh dapat perpaduan lebih erat pada masa akan datang. Dan saya harap penduduk-penduduk di dua negara itu tidak lama lagi boleh dapat talivisyen dari stesyen ibu pejabat di sini.

Tuan Pengerusi, dalam Penerangan, saya berucap sedikit berkenaan latihan tata negara dan kursus sivic dan kemasyarakatan. Di sini saya harap tahun ini kita boleh dapat peruntukan yang lebih sedikit, khususnya untuk daerah-daerah yang mana kita boleh dapat lebih kursus sivic dan juga dapat lebih kursus sambil belajar di mana saya nampak tahun yang lalu kita dapat kurang sedikit. Saya harap peruntukan ini boleh ditambah dan kita bolehlah membawa penduduk-penduduk kita dapat tahu menerusi sivic dasar Kerajaan dan juga, khususnya Dasar Ekonomi Baharu kita.

Saya juga berharap dan membuat rayuan di sini iaitu di dalam Jabatan Penyiaran, Bahagian Rancangan dan Kejuruteraan. Di sini mengikut pengalaman saya sendiri, tiap-tiap pagi saya adalah menikmati siaran medium wave mendengar tiap-tiap pagi

pukul 7.15, saya mendengar sambil lalu iaitu selepas mendengar assalamualaikum-warrahmatullah-hiwarakatuh, selepas itu suara itu sudah macam tidak terang. Saya tidak tahu samada radio saya rusak ataupun medium wave tidak berapa terang dan saya harap dalam Bahagian Kejuruteraan itu kalau boleh medium wave tiada berapa sedap, dan baharu-baharu ini saya dengar di negara sahabat kita—Singapura, sana dia gunakan FM—frequency moderation. Saya tidak tahulah, saya dengar sahaja kalau gunakan FM itu kita boleh dengar muziknya yang cukup sedap. Saya tidak tahu teknik itu boleh digunakan dalam negara kita ini atau tidak. Walau bagaimanapun, saya haraplah kalau Kementerian boleh dapat mengatasi perkara itu barangkali kita boleh dapat lebih maju dalam Bahagian Penerangan ini.

Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Kepala Pembangunan B. 37—Jabatan Penerangan, pecahan-kepala 2800, Aktiviti (1) dan (2) di muka 312 dan 314.

Tuan Pengerusi, Kementerian ini saya anggap sebagai lidah Kerajaan untuk menyampaikan serta memberi penerangan kepada rakyat di dalam negara ini secara mendalam dan luas mengenai dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan, lebih-lebih lagi yang berkaitan dengan cita-cita Kerajaan bagi menghapuskan buta huruf dan membasmi kemiskinan segulungan besar rakyat yang miskin di negara ini. Di samping itu pula dapat membantu Pasukan Keselamatan menghapuskan anasir-anasir jahat di negara ini khasnya bagi negeri Sarawak yang mana penjahat-penjahat itu, saya rasa tidak dapat dihapuskan dengan menggunakan senjata sahaja bahkan penerangan juga yang tidak kurang pentingnya bagi melawankan daayah komunis dan membantu perang sarap seperti yang dicita-citakan oleh pemimpin-pemimpin Kerajaan kita hari ini.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kebanyakan rakyat-rakyat di luar-luar bandar berasa gelisah apabila mendengar segala sesuatu yang bertiup dengan kencangnya yang boleh melemahkan imej negara. Misalnya kenaikan harga barang-barang keperluan hari-hari seperti gula, beras dan sebagainya. Saya berharap dengan adanya tenaga bijakpandai dalam Kementerian ini dapat memberi penerangan-penerangan yang lebih jelas lagi kepada rakyat terutamanya rakyat-rakyat

luar bandar supaya dapat faham lebih jelas mengenai perkara tersebut. Begitu juga tentang dasar Kerajaan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baharu yang sedang berjalan dengan rancaknya sekarang.

Tuan Pengerusi, dengan adanya perubahan baharu seperti yang dirancang oleh Kementerian ini iaitu Pancaran Baharu di Sibu dan Miri yang akan ditambah masa mulai pada lewat tahun ini maka masa siaran itu nanti bertambah menjadi 2,400 jam sebulan yang mana bertambah sebanyak 400 jam sebulan daripada yang ada sekarang.

Dengan bertambahnya masa siaran itu seperti yang dirancang, saya merayu kepada Kementerian ini memberi masa yang lebih lagi kepada bahasa bumiputra di luar-luar bandar seperti dalam bahasa Dayak Laut, Dayak Darat dan juga bahasa suku Melanau yang senang difahami oleh suku-suku bumiputra yang lain di Sarawak untuk memberi penerangan yang lebih berkesan lagi bagi rakyat yang mundur di dalam segala lapangan dan juga tayangan wayang gambar berupa kemajuan Rancangan Malaysia Pertama dan Rancangan Malaysia Kedua yang sedang berjalan dengan pesat sekarang ini bukan sahaja yang berkaitan dengan perpaduan negara, prinsip-prinsip Rukunegara serta menganjur lebih banyak lagi sivik untuk kampung-kampung atau rumah-rumah panjang di luar-luar bandar supaya mereka itu dapat mengetahui lebih banyak lagi segala kemajuan di negara ini.

Tuan Pengerusi, mengenai Pusat Penerangan yang mana Negeri Sarawak sekarang belum ada lagi seperti yang saya ketahui Kementerian ini memang telah ada membuat cadangan untuk membuat Pusat Penerangan di Kuching yang saya tidak dapat nafikan di sini. Walaupun cadangan itu sudah ada, maka saya berharap dan berdoa agar Kementerian ini membuat dengan seberapa segera Pusat Penerangan bagi negeri Sarawak yang mana saya anggap projek ini adalah penting bagi kemajuan negara yang muda seperti Malaysia untuk mengeratkan lagi hubungan antara rakyat dengan pihak Kerajaan.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya mengambil bahagian sedikit sahaja. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih di atas perubahan-perubahan baharu yang dijalankan oleh Kementerian ini demi untuk

kebaikan rakyat seluruhnya terutama sekali hendak mencapai penerangan-penerangan yang begitu jelas terhadap segala kemajuan yang pesat yang dijalankan oleh Kerajaan pada masa sekarang ini.

Hanya satu sahaja yang saya suka hendak mengambil perhatian di sini iaitu sematamata hendak merayu pihak Kementerian ini supaya dapat meluaskan lagi penerangan-penerangan atau penyiaran-penyiaran di kawasan sempadan.

Saya amat mengalu-alukan kerjasama penyiaran di kawasan sempadan yang dijalankan baharu-baharu ini antara Malaysia Timur dengan Indonesia dan inisiatif yang diambil oleh Kementerian daripada Setiausaha Parlimen kepada Menteri yang berkenaan ini dan juga saya berharap supaya kerjasama yang demikian itu juga harus dibuat antara negeri jiran kita di utara Malaysia iaitu antara Malaysia Barat dengan Thailand.

Saya rasa oleh sebab berlakunya berbagai kegiatan pengganas kominis di kawasan sempadan dan ada juga di antara penduduk-penduduk di kawasan sempadan sebelah Thai yang tertarik hati dengan gerakan kominis di kawasan sempadan itu dan ada yang terpengaruh langsung dengan kegiatan kominis, maka yang demikian, saya berharaplah supaya gerakan-gerakan penerangan di kawasan sempadan itu dilebihkan lagi.

Di samping itu, saya juga berharap supaya Jabatan ini atau Kementerian ini mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh supaya dapat berunding dengan pihak-pihak yang berkuasa dan Kementerian yang bertanggungjawab soal letrik supaya dibekalkan dengan lebih cepat lagi di kawasan sebelah sempadan itu supaya pesiaran talivisyen dapat dilengkapi dengan bersungguh-sungguh.

Apa yang harus saya sebutkan di sini bahawa bekalan letrik di negeri Perlis agak berjalan dengan begitu perlahan disebabkan oleh ketiadaan wang oleh Kerajaan negeri Perlis sendiri. Jadi oleh sebab untuk meluaskan penerangan di kawasan sempadan maka pihak-pihak yang bertanggungjawab atas soal letrik ini haruslah menanggung perbelanjaan sepenuh-penuhnya supaya dapat tiap-tiap rumah, tiap-tiap daerah di kawasan pedalaman itu bukan sahaja akan membayangkan kemajuan negeri kita sebagai muka depan dengan negeri jiran tetapi juga

akan memberi faedah dengan sepenuh-penuhnya kepada rakyat-rakyat di kawasan sempadan.

Berkaitan dengan penerangan juga saya amatlah terhutang budi kepada Jabatan Penerangan Negeri Perlis khasnya yang sentiasa mengadakan penerangan sempadan, boleh dikatakan pada setiap bulan dan perbelanjaan ditanggung dengan sepenuh-penuhnya oleh Jabatan Penerangan. Hanya saya syorkan supaya siaran-siaran penerangan yang merupakan risalah hendaklah dilipatgandakan di kawasan sempadan dengan ditulis dalam berbagai-bagai bahasa, Cina, Tamil dan dalam tulisan bahasa kebangsaan saya syorkan supaya dapat disiarkan lebih banyak lagi dalam tulisan Jawi kerana orang-orang kampung yang tidak belajar dalam bahasa kebangsaan dalam Kelas Dewasa dan sebagainya banyak juga gemar membaca di dalam tulisan jawi.

Selain daripada itu, saya amat tertarik hati dengan ucapan yang dikeluarkan oleh sahabat saya dari Muar Dalam tadi supaya penyiaran-penyiaran talivisyen itu disiarkan dari seluruh dunia.

Saya amat tertarik hati dengan syor seperti itu, tetapi saya suka menambah supaya pihak Kementerian ini mengambil inisiatif terlebih dahulu menyiarkan berita-berita terus-menerus iaitu berita-berita negara ASEAN yang mana sekarang ini kita sedang berpakat dalam berbagai-bagai bidang, dari segi kemajuan perusahaan, ekonomi kebudayaan dan sebagainya supaya dapat negeri kita ini mendapat gambaran yang sebenarnya berhubung dengan kegiatan ASEAN sekarang ini.

Perlis amatlah bertuah kerana negeri itu keseluruhannya dapat melihat secara langsung siaran daripada negeri Thai, tetapi bagi negeri lain tiadalah dapat melihat siaran-siaran itu dengan cara terangnya. Kalau sekiranya Kementerian ini mengambil inisiatif untuk menyiarkan berita itu mendapat kerjasama dengan negeri-negeri yang berkenaan itu supaya dapat menyiarkan secara langsung daripada negeri-negeri ASEAN, iaitu bukan sahaja kita siarkan pada masa-masa tertentu iaitu hanya dunia di sana sini sahaja. Saya rasa tentu sekali berfaedah yang lebih besar lagi bagi negara dan rakyat kita amnya.

Tuan T. S. Gabriel (Pulau Pinang Selatan):

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kepala Bekalan B. 36—Jabatan Penyiaran. Tuan Pengerusi, saya suka bawa satu perkara iaitu apabila Parlimen sedang bersidang di sini selalunya publicity diberi kepada rakyat berkenaan dengan perkara-perkara yang dibawa dalam Dewan ini tidak mencukupi atau tidak memuaskan. Saya bukan gila dengan menengok gambar ataupun nama saya tersiar dalam suratkhbar atau Talivisyen, tetapi pengundi-pengundi dan juga penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing Yang Berhormat yang menghadiri Mesyuarat Parlimen ini mesti berhak hendak tahu apa yang kita buat di sini, adakah Ahli Yang Berhormat Parlimen datang di sini tidur atau menjalankan tugas-tugas yang patut kita jalankan. Saya harap Kementerian ini akan menambahkan publicity and information yang kita bawa kepada Dewan ini, sebab penduduk-penduduk dalam kawasan masing-masing itu boleh tahu tiap-tiap Wakil Rakyat menjalankan tugasnya. Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya tidak ada apa-apa yang hendak dicakapkan hanya menyokong anggaran perbekalan ini.

Tuan Sharif bin Ahmad: Tuan Pengerusi, lebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas pandangan dan teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Ada beberapa perkara yang suka saya hendak sebutkan tetapi terlebih dahulu daripada apa yang saya dapati beberapa Ahli Yang Berhormat seolah-olahnya berpendapat Radio dan Talivisyen dan Filem Negara itu bergerak secara berasingan. Sukalah saya hendak sebutkan di sini bahawa tahun ini kita mula buat cara baharu supaya ketiga-tiga department ini Radio, Talivisyen, Filem Negara dan Jabatan Penerangan berjalan selaras dan programnya juga diselaraskan, begitu juga supaya perkara-perkara yang kita patut siarkan melalui Talivisyen kita, siarkan melalui Talivisyen dan perkara-perkara yang patut melalui Radio kita keluarkan di Radio ataupun kalau patut kita siapkan dengan documentary filem, kita siapkan dengan filem dan kalau patut melalui Jabatan Penerangan, melalui Jabatan Penerangan. Jadi itulah sistem yang kita gunakan pada tahun ini yang kita panggil calender sistem, mula berjalan pada tahun ini supaya seluruh jentera mass media itu dapat

ditumpukan pada satu haluan untuk mendapatkan benefit yang sepenuh-penuhnya.

Dalam pada itu suka saya hendak menjawab satu dua perkara yang agak penting. Yang Berhormat dari Muar Dalam telah menyebutkan soal iklan, ada antara iklan yang keterlaluan lebih daripada barang-barangnya. Jadi, bagi pihak Kementerian ini memanglah sedar atas perkara ini dan sedang berusaha untuk mengatasinya dan satu committee telah ditubuhkan untuk mewujudkan satu badan atau yang dinamakan "Code of Advertising Conduct and Practice" supaya dapat menapis segala iklan yang dikeluarkan melalui Talivisyen dan Radio agar iklan-iklan sesuai untuk rakyat dan juga sesuai dengan Rukunegara. Beliau telah juga menyentuh tata-negara dan juga disentuh juga oleh Wakil dari Bentong. Ini memanglah usaha-usaha untuk membanyakkan lagi kursus-kursus sivik dan cara kita hendak gerakkan tahun 1973 ini dibagi kepada kawasan luar bandar dan juga kawasan sempadan seperti di Sarawak dan di Kedah serta Perlis, Perak ditumpukan kepada Psychological Warfare kerana kawasan-kawasan ini adalah di dalam kawasan-kawasan kawalan yang memerlukan kursus-kursus yang bercorak psychological warfare. Saya memang bersetuju dengan soal bahagian research ini diperbesarkan kerana pada hari ini dan tahun ini kita jadikan Research and Planning Unit di Kementerian ini sebagai satu co-ordinating unit iaitu di sinilah akan menentukan samada satu-satu publicity itu atau satu-satu publicity campaign itu patut disalurkan kepada Talivisyen ataupun kepada Filem Negara ataupun Radio. Kerana ada di masa-masa yang lalu oleh kerana setengah-setengah jabatan berkehendakkan Filem Negara misalnya, dia hendak menjalankan satu kempen dimulakan pada satu-satu tarikh dan pada tarikh itu dia minta juga Filem Negara membuat filem, tetapi pada pendapat kita filem itu tidak ada gunakannya kerana pada tarikh itu dibuat filem dan apabila kempen itu tamat filem itu belum siap lagi. Jadi itulah kita streamline hari ini tiap-tiap permintaan daripada Government department ataupun ejensi-ejensi dari mana-mana juga. Kita fikirkan dibawa research Planning Unit ini dan daripada situlah kita determine priority satu-satu publicity itu. Dalam Filem Negara ini memanglah juga seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, kita

mengadakan beberapa documentary filem dan seperti satu filem untuk pelancungan bercolour dan sekarang ini kita membuat satu filem dengan kerjasama Tabung Haji menunjukkan bagaimana orang-orang kampung kita boleh menggunakan Tabung Haji itu untuk naik ke Mekah. Dan dari satu masa ke satu masa kita akan fikirkan apakah patut filem yang kita buat tetapi filem ini untuk black and white bolehlah kita buat di tanah air kita tetapi macam filem untuk menarik pelancung "Pearl of the Orient" dalam colour terpaksa kita hantar ke Australia dan begitu juga filem Tabung Haji ini juga akan dihantar ke Australia untuk membolehkan disiapkan secara colour. Tetapi tidak dapat dibuat secara serta merta akan mengambil masa juga kerana proses itu banyak.

Beliau juga menegaskan, katanya dalam Peristiwa dan News ada antara ucapan-ucapan itu terganggu. Ini suka saya hendak kata pada sekarang kita ini sedang berusaha untuk mendapatkan satu jenis camera yang dipanggil sound of filem camera dan camera ini harganya satu \$45,000 dan kita telah menempah dua camera ini dan camera ini dijangka akan tiba dalam masa tidak lama lagi dan jika camera ini tiba dia adalah portable camera kerana boleh kita bawa interview mana-mana secara ringan dan soundnya pun boleh digunakan. Pada hari ini kita menggunakan camera yang besar, almaklumlah kadang-kadang memikul camera bukan satu perkara yang kecil, yang ringan tetapi berat. Tetapi insya Allah rasa saya apabila tiba dua sound on filem camera ini kita akan dapat memperbaiki lagi suara-suara yang ada diinterview itu. Beliau menyebut juga supaya banyakkkan lagi berita-berita di kalangan negara-negara Islam khususnya. Ini memang kita tahu kurang pada hari ini maka itulah baharu-baharu ini kita sponsor atau mempelupuri INA Conference di Kuala Lumpur di bawah ajuran Secretariat Islam dan baharu-baharu ini Yang Berhormat Menteri Penerangan berada di Jeddah telah juga menjalankan rundingan-rundingan antara beliau dengan Menteri Penerangan Jeddah untuk mengadakan regular flow berita-berita antara negara-negara Islam khususnya daripada Timur Tengah dengan negara kita Malaysia. Insya Allah usaha ini sedang kita usahakan tetapi setakat mana kita berjaya belumlah lagi tahu, tetapi bagi kita menghantar berita-berita kita dari

Malaysia ke Timur Tengah kita telah memulakan siaran luar negeri dalam bahasa Arab 2 bulan yang lalu dengan siaran kita itu bagus diterima oleh mereka di Mekah dan juga di beberapa negara di Benua Arab di sana. Insya Allah kita dapat memperbaiki siaran-siaran ini dan jika perlu kita boleh tambahkan lagi.

Rakan saya dari Besut menimbulkan sekali lagi soal kononnya Kementerian ini menganak-tirikan ataupun kasta-kastakan pegawai-pegawai di TV dianggap beliau kelas satu, radio kelas dua, information kelas tiga dan kalau tidak silap saya, beliau ini juga timbulkan perkara ini tahun lalu, tetapi saya tidak hendaklah bercakap panjang memadailah kalau saya katakan bagi pihak Kementerian ini tidaklah ada mengkasta-kastakan atau membelah-bagikan atau menganaktirikan pegawai-pegawai kita, tetapi pegawai-pegawai kita itu diberi tugas mengikut work load dia dan specialisation. Kalau macam di TV itu kerja dia complicated sedikit, kerana di samping mengeluarkan suara dia juga hendak mengeluarkan filem. Bagi Radio itu kerja dia semata-mata mengeluarkan suara sahaja tetapi bagi Jabatan Penerangan itu kita memang mengakui mereka inilah akan berhadapan dengan rakyat. Tetapi saya kata tadi bukanlah ada di Kementerian ini sikap membelah-bagikan atau menganaktirikan pegawai-pegawai itu dan saya berasa beliau itu semasa dia berada di Jabatan ini dahulu tetapi keadaan itu sekarang ini bolehlah kita kata berubah, tetapi bukanlah satu perkara yang boleh berubah seperti kunyit dengan kapur.

Beliau juga gaduh tidak ada orang yang memangku jawatan Menteri Penerangan samasa Menteri keluar negeri. Suka saya hendak kata pada beliau itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri memangku jawatan ini semasa ataupun pada tiap-tiap kali Yang Berhormat Menteri Penerangan pergi keluar negeri dan dia bimbang pula saya frust. Saya suka hendak memberi tahu pada beliau itu atau Yang Berhormat itu, saya ini dilahirkan bukan untuk frust, saya bekerja untuk memenuhi tanggungjawab saya dan soal frust itu saya tidak tahu pada saya.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan beliau berkehendakkan kita mengambil mahasiswa-mahasiswa untuk menjalankan

kerja-kerja dalam Filem Negara supaya dapat mengeluarkan banyak lagi filem-filem documentary dan juga filem feature dan mengadakan scholarship supaya ramai pemuda-pemuda kita dapat mahir dalam keluaran filem ini. Ini memanglah langkah Kementerian ini dan pada penghujung tahun lalu satu team telahpun kita hantar untuk menemui mahasiswa-mahasiswa di Penang University yang ada mengambil kursus dalam mass communication. Samada mereka itu cenderung atau tidak memasuki Jabatan Penerangan khasnya untuk berkhidmat dengan Radio, TV dan Filem Negara dan kita akan membawa mereka itu macam orientation visit ke Angkasapuri dalam masa mereka itu cuti yang akan datang ini untuk menguji samada atau tidak inclination atau jiwa untuk bekerja dengan cara kita bekerja. Malangnya suka saya menyatakan juga banyak mahasiswa-mahasiswa yang masuk bekerja di TV, Radio ini dan Filem Negara tetapi oleh kerana kerja itu odd hours, 24 jam sehari, dalam dua tiga bulan dia minta berhenti. Jadi kerja kita di sini bukanlah paper qualification satu perkara, tetapi minat dia bekerja dalam lapangan ini ialah perkara yang sangat penting. Jadi walau bagaimanapun kita tidak putus harapan dari satu masa ke satu masa kita cuba menarik mahasiswa-mahasiswa yang ada minat dalam perkara ini.

Beliau juga menyebut soal live cast. Saya tidak berapa pasti samada beliau itu tujuan kepada live cast daripada Mekah pada malam raya itu ataupun feature programme kita berhubungan dengan naik haji. Kalau ditujukan yang kepada live cast daripada Mekah itu, ini kita semata bertanggungjawab menrelaykan programme itu daripada Mekah untuk orang kita yang ramai dan satu kemegahan pada kita, kerana kali pertama kita dapat bawa live telecast daripada Mekah ke tanahair kita tetapi kalau beliau itu maksudkan feature yang kita menunjukkan orang naik haji yang beliau bergaduh menunjukkan orang mengucup Hajar Aswat, batu kata beliau, ini ada satu feature lagi derama yang berhubung dengan perkara ini yang memberi jawapan yang sangat bagus, mengapa dicitum batu itu. Barangkali dalam derama ini dapat memuaskan kerana alasan mencium batu itu dikeluarkan dalam derama itu dan adalah jawapan yang sangat baik pada pendapat kami untuk mengelakkan sebarang syak-wasangka mengapa orang

Islam mengucup batu itu. Dan beliau berkehendakkan, kata beliau, lapuran Parlimen ini livekan dalam TV Mengikut di Australia, Question Time ada live cast. Ini barangkali waktu ini oleh kerana keadaan kita di sini berlainan susahlah sedikit hendak buat dan beliau juga kata pendek sangat masa untuk TV. Memanglah lapuran Parlimen untuk TV itu kita khaskan 10 minit sahaja kerana time factor hendak berkejar-kejar buat itu tidak sempat, tetapi kita memberi lapuran sepenuh-penuhnya ataupun seadil-adilnya kepada persidangan ini dalam siaran radio. Radio kita bagi 20 minit, ini dapat diulangi pada tiap-tiap pagi siaran kita pada malam itu. Bagi kita soal radio dan TV ini serupa effectiveness dari segi menyampaikan message atau perutusan-perutusan kita kepada orang-ramai. Jadi kalau perkara yang tidak masuk ke dalam TV kerana air timenya pendek kita masukkan melalui radio kerana kita di sana bolehlah memberi air time yang banyak.

Yang Berhormat dari Bandar Melaka beliau gaduh Peristiwa dan News itu dipaksakan kepada kedua channel. Beliau ada berkata ini deprive the opportunity penengok-penengok TV kerana mereka itu berkehendakkan programme mereka masing-masing. Saya telahpun menjawab perkara ini baru-baru ini dan saya tidak hendak menambah lagi, memadai kalau saya katakan kedua-dua programme ini Peristiwa dan News bukanlah merupakan propaganda Kerajaan tetapi kedua-dua programme ini terlalu popular dan kita taruhkan ke dalam kedua-dua channel itu atas popular demand.

Suka saya hendak menyebut kepada Ahli dari Bandar Melaka, kita tidak akan mengubah system Radio dan TV kerana saya hendak tegur sekali lagi Radio dan TV Kementerian Penerangan ini adalah Government owned radio-TV dan pada hari ini Parti Perikatan memerintah dengan campuran-campurannya, maka prerogative itu adalah di tangan Kerajaan kita dan saya tidak akan mengubah system itu atau Kementerian ini tidak akan mengubah system itu melainkan satu-satu yang diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Malim berkehendakkan ada mobile unit dan bangunan di situ sudah rusak, ini bolehlah kita tengokkan dalam program kita yang akan datang ini. Ahli Yang Berhormat dari Damansara berkehendakkan sistem radio TV kita ini mengikut cultural heritage

masing-masing. Dengan lain-lain perkataan yang saya dapati kalau program orang Cina, Cina sahaja; orang India, India sahaja; orang Melayu, Melayu sahaja.

Suka saya hendak beritahu kepada beliau Kerajaan hari ini tidaklah mahu menggalakkan sistem mengeluarkan rancangan-rancangan radio dan TV berdasarkan kepada cultural heritage. Kita membuat program kita, radio atau TV, itu dengan satu tujuan untuk merapatkan lagi rakyat orang Melayu, orang Cina dan India dan ini program-program kita itu tidak boleh diakui samada program orang Melayu, program orang Cina atau program orang India tetapi adalah program untuk sesuai kepada rakyat Malaysia dan segala program yang kita keluarkan itu adalah berasas kepada Rukunegara ataupun dengan falsafah kita gunakan di TV radio sana ialah tugas yang pertama ialah "the survival of National Unity in the context of Rukunegara". Jadi soal kita hendak mengeluarkan siaran samada pada orang Cina, orang Tamil tidaklah timbul sama sekali kerana tujuan kita yang asal ataupun sekarang ini dan terus dijalankan ialah untuk menyatukan cara rakyat berfikir dan cara rakyat memerlukan program-program kita. Jadi tidaklah dapat kita mengadakan special at time kepada orang India sahaja, atau special at time kepada orang Cina, atau special at time kepada orang Melayu sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Bentong membawa satu perkara yang baharu iaitu soal F.M. Beliau berkata di Singapura menggunakan sistem FM dan kita di sini kalau dapat menggunakan FM untuk mengelakkan gangguan-gangguan di merata-rata tempat seperti di Bentong dan di merata-rata tempat. Kita mengakui setengah-tengah tempat belum dapat siaran medium wave kita dengan terang dan itulah usaha-usaha kita pada hari ini mengadakan transmitter kecil di bawah program "Pocket Fillings" tetapi soal F.M. ini memang ada dalam timbangan kita, hatta 3 hari yang lalu saya sendiri diarah oleh Yang Berhormat Menteri untuk membincangkan perkara ini dengan Kementerian Talikom. Soal sistem FM ini di negara-negara yang maju juga digunakan tetapi FM ini digunakan dengan AM. Singapura lain, Singapura ini sesuai untuk FM kerana di Singapura tidak ada gunung-ganang.

Bagi negara kita ini FM ini boleh jadi sesuai dalam bandar-bandar ataupun kawasan-kawasan yang tidak ada gunung, tetapi di kawasan-kawasan yang diliputi oleh bukit, kita dapati dari segi teknik, engineering AM perlu diadakan kerana FM ini dia berjalan land offside, terus sahaja. AM ini dia jalan turun naik. Turun bukit dia boleh sampai kepada radio kita. Kalau FM ini dia terus sahaja. Itulah ada advantage dan disadvantage menggunakan FM ini, tetapi bagi musik memang bagus receiver stereo kerana kita dengar musik itu dengan lazat, kalau violin, violinlah keluar secara violin, tetapi dari segi musik sahaja memang baik. Inilah yang sedang kita fikirkan hari ini tetapi sistem kita sedang fikir integratekan FM dengan AM iaitu menggunakan sistem FM bagi "national network" dan mengadakan "Pocket Filling" di kawasan-kawasan lurah atau valley dengan transmitter AM tetapi tidak boleh saya beri pasti perkara ini kerana sedang membincangkan dengan Kementerian Talikom dan saya harap satu-satu perkara akan dapat diwujudkan tambahan pula hendak mengintroducekan satu sistem lain berjalan setara dengan sistem ini menimbulkan kesukaran juga dari segi kewangan, tetapi saya berani mengatakan apabila Jawatankuasa ini siap bersidang nanti, kita akan memberitahu samada sesuai atau tidak tetapi setakat ini memadai kalau saya katakan formula yang hendak kita jalankan ialah integration of FM dan AM supaya sesuai, musik bagus pada orang yang suka musik, tetapi orang-orang yang tinggal di Ulu Kelantan, atau di Gunung Tahan, kalau FM tidak sampai di sana, kena pakai AM.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah, dia soal harga barang turun naik. Itu kita memang buat dari segi slogan kita tiap-tiap malam di radio dan TV dan juga perkara-perkara lain yang kita fikir patut untuk menerangkan kepada rakyat. Soal beliau berkehendakkan perang urat saraf di Sarawak dikuatkan lagi memanglah ini usaha kita dan dengan siangnya station atau transmitter kita di Sibul, transmitter itu dijangka siap dalam bulan Julai ini dan bangunan itu sendiri akan siap pada hujung tahun ini, maka dapatlah kita memperhebatkan lagi psychological warfare menerusi radio di kawasan RASCOM area. Memang saya sendiri telahpun diarah oleh Yang Berhormat Menteri pergi ke situ baharu-baharu ini melihat dengan sendirinya apakah

program-program yang patut kita keluarkan menerusi radio supaya program-program itu disesuaikan dengan kawasan RASCOM atau kawasan yang sedang menjalankan psychological warfare terhadap komunis-komunis di kawasan sempadan dan saya juga telah pergi ke Pontianak dalam lawatan itu untuk mendapatkan kerjasama antara Radio Pontianak dengan Radio Sarawak bagi kepentingan kita bersama khususnya dalam menghebatkan lagi soal psychological warfare menerusi radio dalam kawasan sempadan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara berkehendakkan juga kerjasama antara TV Thai dengan TV kita seperti dijalankan sekarang ini antara TV kita dengan TV Indonesia atau Radio kita dengan Radio Indonesia. Insya Allah kita akan usahakan perkara ini, tetapi untuk membolehkan siaran TV Negeri Thai itu diberi keseluruhan rakyat kita barangkali ini berlawanan sedikit dengan dasar kita, kerana tidak ada negara di dalam dunia ini yang saya tahu merelaykan terus-menerus program itu pada tiap-tiap masa dari TV negara lain ke negara kita, kerana tiap-tiap buah negara itu ada polisinya masing-masing, tetapi dari segi kerjasama exchange of programme antara kita dengan negeri Thai itu bolehlah kita timbangkan. Suka saya hendak katakan antara kita dengan Indonesia itu adalah berjalan baik pada hari ini.

Saya fikir, Tuan Pengerusi, yang lain itu tidak payahlah saya jawab, memadamkan kalau saya katakan teguran-teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu berguna belaka dan sungguhpun saya tidak jawab perkara itu saya akan jalankan beberapa usaha dengan Kementerian, almalhum Kementerian ini macam kalau kita boleh ibaratkan main bola, kita ini goal-keeper, orang semua tendang kita belaka dan adalah mustahil bagi kita dapat memenuhi kehendak-kehendak seluruh rakyat terutama sekali rakyat yang berbilang bangsa di tanah air kita, tetapi target kita ialah memberikan seberapa yang boleh kepuasan kepada sebahagian besar daripada rakyat jelata kita.

Masalah dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,620,500 untuk Kepala B. 35; \$43,460,800 untuk Kepala B. 36; dan

\$12,943,600 untuk Kepala B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$1,144,093 untuk Kepala P. 35; \$24,885,433 untuk Kepala P. 36 dan \$1,857,050 untuk Kepala P. 37 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1973.

Kepala-kepala B. 61 dan P. 61—

Menteri Kebajikan Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu satu peruntukan sejumlah \$12,620,654 yang terbahagi kepada \$9,900,000 untuk perbelanjaan mengurus yang ditunjukkan di bawah Kepala B. 61 dan \$2,720,654 untuk perbelanjaan pembangunan yang ditunjukkan di bawah Kepala P. 61 diluluskan.

Jika Ahli-ahli Yang Berhormat mengingat kembali, Kementerian Kebajikan Am telah disusun semula mulai daripada bulan Januari 1972 kepada lima Aktiviti-aktiviti/Perkhidmatan-perkhidmatan iaitu (i) Pencegahan, (ii) Keluarga dan Jagaan Kanak-kanak, (iii) Pemulihan Am, (iv) Pemulihan Akhlak, dan (v) Pentadbiran. Ini telah dilaksanakan supaya Kementerian ini dapat memberi sumbangan yang lebih berkesan terhadap kejayaan Rancangan Malaysia Kedua, dan untuk membolehkan Kementerian ini menepati dengan lebih sepenuhnya lagi objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dalam segala aspek kebajikan masyarakat.

Saya dengan sukacitanya dapat memperhatikan kejayaan penyusunan semula itu, kemajuan yang telah tercapai dan kedudukan dayatengah dari mana Perkhidmatan-perkhidmatan Kebajikan dapat menyumbangkan buat masa yang akan datang.

Kementerian ini telah memberikan perhatian kepada mengujudkan perpaduan negara dan persefahaman yang lebih di antara berbagai kaum, terutama sekali di antara anggota-anggota masyarakat yang tidak bernasib baik. Yayasan-yayasan Kebajikan Masyarakat untuk jagaan, pemulihan, dan pemulihan akhlak mereka-mereka yang berkeperluan, menerusi satu dasar yang ditentukan bagi menggalakkan sikap "satu bangsa, satu bahasa", telah banyak menghasilkan saling persefahaman di antara berbagai-bagai kaum yang tinggal di dalam yayasan-yayasan itu.

Kementerian ini juga berusaha ke arah menambahkan daya pengeluaran mereka-mereka yang tidak bernasib baik menerusi pelajaran, kesihatan, latihan dan lain-lain kemudahan. Dalam pencapaian objektif ini, Kementerian ini telah mengadakan berbagai-bagai rancangan latihan vokesyenal bagi mereka-mereka yang cacat anggota dan mereka yang tidak bernasib baik untuk menambahkan daya pengeluaran mereka supaya dapat menjadi anggota-anggota masyarakat yang berdikari dan berguna, dan dengan yang demikian dapat pula memperbaiki kehormatan diri mereka sendiri.

Kementerian ini juga memberi perhatian tentang langkah-langkah untuk memastikan pembahagian pendapatan yang lebih saksama di kalangan rakyat. Kementerian ini telah dapat menawarkan bantuan kewangan dan juga lain-lain jenis bantuan dan perkhidmatan kepada mereka yang sangat-sangat berkeperluan, dan dengan yang demikian mengurangkan ketiadaan perseimbangan ekonomi dan sosial dan meringankan desakan-desakan yang sebaliknya boleh membawa kepada masyarakat yang tidak teratur dan mendatangkan rintangan-rintangan kepada pembangunan.

Sementara meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan bagi anggota-anggota masyarakat yang tidak bernasib baik, Kementerian ini semakin bertambah terlibat dalam kerja-kerja sokongan dalam perancangan sosial bagi usaha-usaha pembangunan negara. Untuk menjamin percepatan perkembangan ekonomi dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang mencukupi, Perkhidmatan-perkhidmatan Kebajikan telah menjadi satu peserta yang aktif bersaing dengan Kementerian-kementerian lain dalam strategi pembangunan keseluruhannya. Khususnya, Kementerian ini adalah mengambil berat tentang (i) memperkukuhkan Perkhidmatan-perkhidmatan Pencegahan bagi kelompok-kelompok penduduk yang mudah ditimpa oleh desakan hidup; (ii) meramal dan mengurangkan masalah-masalah kemasyarakatan yang boleh menghalang gerak maju atau mengubah bentuk pertumbuhan ekonomi yang telah dirancang; dan (iii) berkerjasama dengan Kementerian-Kementerian dan Jabatan-jabatan lain yang berkenaan serta pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan dan pencapaian objektif-objektif yang sama.

Maka dalam rangkabentuk yang tersebut-lah Anggaran 1973 Kementerian ini diulangkaji. Ianya bukan sahaja untuk menyelenggara dan memperkuat perkhidmatan-perkhidmatan yang ada, bahkan juga untuk perkembangan yang segera bagi perkhidmatan-perkhidmatan masyarakat yang diwujudkan baru-baru ini untuk kelompok-kelompok yang mudah ditimpa oleh desakan hidup. Kementerian-kementerian ini juga ingin untuk terus memperkuat lagi kebolehan untuk memberi sumbangan yang positif terhadap usaha-usaha pembangunan negara.

Dengan keizinan Dewan yang berbahagia ini, saya sekarang suka hendak menjelaskan dengan lebih lanjut lagi anggaran-anggaran perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian ini mengikut aktiviti-aktiviti yang lima itu.

Perkhidmatan Pentadbiran ialah untuk memajukan penyelidikan, perancangan, dan penilaian dalam lapangan kemajuan masyarakat, dan untuk menggalakkan penye-larasan perkhidmatan-perkhidmatan kebajikan Kerajaan atau sebaliknya. Ini akan diperluaskan dengan penubuhan Perkhidmatan Penyelidikan, Perancangan, dan Penilaian dalam tahun 1973, yang akan mengadakan kenyataan-kenyataan yang sangat diperlukan untuk operasi-operasi, rancangan-rancangan, dan program-program kebajikan. Perkhidmatan Analisa Pengurusan akan meneruskan pengajian-pengajiannya atas kecekapan perjalanan tugas. Dan Perkhidmatan Latihan akan memperluaskan usaha-usahanya untuk melatih dan mengarahkan semula pegawai-pegawai kebajikan supaya menjamin satu badan kakitangan yang berpengetahuan dan progresif untuk melaksanakan dasar-dasar. Bersama-sama dengan perkhidmatan-perkhidmatan pentadbiran yang lain, Aktiviti ini berkehendakkan peruntukan mengurus sebanyak \$1,100,000 dan peruntukan pembangunan sebanyak \$500.

Perkhidmatan Pencegahan adalah untuk memajukan dengan giatnya usaha-usaha pembangunan negara dengan menghapuskan rintangan-rintangan sosial; dan untuk mencegah kejadian-kejadian atau mengurangkan akibat-akibat buruk terbit dari masalah sosial dengan menentang faktor-faktor yang menimbulkan masalah-masalah tersebut. Untuk mencapai tujuan ini Aktiviti ini

akan terus mengadakan bantuan—berupa kewangan atau selainnya—di bawah berbagai-bagai sekim bantuan. Yang akan diperluaskan ialah Bantuan kepada Kanak-kanak Yang Berkeperluan untuk membolehkan keluarga-keluarga yang miskin menyenggarakan anak-anak mereka. Dalam tahun 1973 Kementerian ini akan memulakan satu sekim untuk menumpangkan orang-orang tua dengan individu-individu yang sanggup dan sesuai, dan dengan yang demikian mengadakan satu jalan yang lain daripada, dan mengurangkan desakan untuk, mereka dimasukkan ke yayasan-yayasan Kementerian. Satu sekim yang sama adalah dicadangkan bagi orang-orang cacat supaya keluarga-keluarga digalakkan menjaga tanggungan-tanggungan mereka yang cacat anggota sendiri. Perkhidmatan-perkhidmatan Pencegahan juga bertujuan untuk menambahkan kebolehan untuk memberi bantuan, nasihat dan perkhidmatan-perkhidmatan kerja kes melalui pegawai-pegawai luar tambahannya, termasuk Timbalan-timbalan Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri di mana tanggungjawab-tanggungjawab dan bebanan kerja Persekutuan memerlukan. Untuk menyelenggarakan perkhidmatan-perkhidmatannya, Aktiviti ini memerlukan peruntukan mengurus sebanyak \$2,070,000.

Perkhidmatan Keluarga dan Jagaan Kanak-kanak memberikan jagaan gantian yang menggalakkan perkembangan semula jadi dan keselamatan bagi lapisan masyarakat yang berkekurangan. Ianya mentadbirkan tujuh buah Rumah Kanak-kanak, dan dalam tahun 1973 akan menampung pada sesuatu masa kira-kira 638 kanak-kanak yang di dalam jagaan, iaitu lebih 107 orang daripada tahun 1972. Lapan buah Rumah Orang-orang Tua akan memuatkan seramai 2,315 penghuni. Dan kebolehan Kementerian untuk menjaga pesakit-pesakit melarat akan menjadi dua kali ganda, dengan adanya tempat bagi sejumlah 640 penghuni, apabila Rumah Pesakit-pesakit Melarat yang kedua dibuka di Kuala Kubu Bharu, Selangor dalam beberapa bulan lagi. Rumah yang ketiganya yang terletak di Johor akan mulai dibina dalam tahun 1973. Aktiviti ini berkehendakkan peruntukan mengurus sejumlah \$3,980,000 dan peruntukan pembangunan sejumlah \$914,154.

Perkhidmatan Pemulihan Am berusaha untuk mengurangkan bebanan ekonomi Negara dengan membolehkan ahli-ahli

masyarakat yang cacat berdikari, dan supaya mereka akan menjadi lebih berguna sejajar dengan potensi mereka. Dalam tahun 1973 Perkhidmatan ini akan terus memberi jagaan kepada 154 kanak-kanak cacat otak di Rumah Kanak-kanak Jubli, Johor. Dalam tahun 1973 juga sebuah Rumah yang kedua akan mulai dibina di Johor dan dijangka akan siap dalam tahun 1974. Orang-orang cacat anggota adalah diberi pemulihan di Pusat Pemulihan Orang-orang Cacat, Ceras yang mana menyediakan rancangan pemulihan yang lengkap. Bagi pekerja-pekerja cacat yang terlatih, Kementerian ini telah mengambil langkah untuk mengadakan pekerjaan dalam keadaan yang terlindung. Sebuah Bengkel Perlindungan yang pertama pada masa ini sedang di dalam perancangan permulaan dan pembinaannya dimulakan pada hujung tahun 1973. Bengkel ini akan ditempatkan di Kelang, Selangor. Untuk menyelenggarakan perkhidmatan-perkhidmatannya dengan berkesan, Aktiviti ini memerlukan peruntukan mengurus sebanyak \$755,000 dan peruntukan pembangunan sebanyak \$400,000.

Perkhidmatan Pemulihan Akhlak menyediakan kemudahan-kemudahan supaya ahli-ahli masyarakat yang terpicang dapat menyesuaikan diri semula ke dalam masyarakat. Lima buah Sekolah-sekolah Akhlak Kementerian ini dan sembilan buah Rumah-rumah Tahanan Sementara/Asrama-asrama Akhlak untuk pesalah-pesalah muda memberi jagaan kepada tambahan seramai 50 orang budak-budak dalam tahun 1973 dan juga akan mempergiatkan lagi rancangan rancangan latihannya untuk pemulihan semula pesalah-pesalah dengan lebih berkesan. Di samping itu, pembinaan sebuah Sekolah Akhlak untuk menggantikan sebuah Sekolah Akhlak di Perak dan sebuah lagi yang baru di Pahang akan mula dibina dalam tahun 1973. Dua buah Rumah untuk perlindungan wanita dan gadis yang ada sekarang adalah dijangka akan menjadi penuh sepanjang tahun 1973. Untuk memenuhi keperluan memulihkan semula wanita dan gadis yang sedemikian yang telah menjadi bertambah, Kementerian ini akan mempunyai dua buah Rumah tambahan yang akan dibina dalam tahun 1973 dan dijangka akan siap dalam tahun 1974; sebuah bertempat di Perak dan sebuah lagi di Negri Sembilan. Pusat Pemulihan Pengemis dan

Kuturayau, Mersing, Johor akan mempergiatkan lagi rancangan-rancangan latihannya supaya menyenangkan lagi penghuni-penghuninya memperolehi pekerjaan, dan seterusnya memberikan pemulihan semula yang lebih berkesan. Untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan yang tersebut di atas, Aktiviti ini memerlukan peruntukan mengurus sebanyak \$1,995,000 dan peruntukan pembangunan sebanyak \$1,406,000.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan iaitu anggaran sebanyak \$12,620,654 diluluskan.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap sedikit dalam Kementerian ini, pertama sekali setelah saya mendengar penerangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan, jelaslah kepada kita bahawa telah banyak perubahan-perubahan baharu di dalam Kementerian ini, bukan setakat memberikan bantuan kewangan kepada fakir miskin atau kanak-kanak cacat itu pada tiap-tiap bulan tetapi telahpun diubah kepada rancangan jangka panjang yang boleh mendatangkan faedah bagi orang-orang miskin dan orang cacat dan juga memberi nafas dan harapan baharu kepada kanak-kanak yang cacat yang tidak bernasib baik di dalam tanah air kita ini.

Satu perkara sahaja yang saya suka menarik perhatian pihak Kementerian berkenaan iaitu berkenaan dengan rumah orang-orang miskin di negeri Perlis. Sungguhpun ada sebuah rumah orang miskin di negeri Perlis, rumah musafir, di Kaki Bukit, tetapi ini bukanlah dibiayai oleh atau dibelanjakan oleh pihak Kementerian ini, tetapi dengan pungutan derma orang-orang Cina dan orang-orang ramai di Kaki Bukit. Jadi bolehlah dikatakan semua sekali orang miskin yang ditempatkan di situ adalah daripada orang Cina sahaja, bukan orang Melayu. Jadi, bukanlah disebabkan tidak ada orang Melayu yang miskin, tetapi oleh sebab diletakkan tempat itu di dalam masyarakat orang Cina sahaja, jadi tidaklah sesuai dengan orang Melayu tinggal bersama-sama di situ. Jadi saya berseru supaya pihak Kementerian ini mengadakan satu sekim dan sebuah bangunan untuk ditempatkan orang-orang Melayu atau Islam yang tidak bernasib baik iaitu orang miskin yang tidak mempunyai keluarga itu tinggal di rumah yang saya sebutkan tadi. Mudah-mudahan dengan

adanya rumah seperti itu dapatlah juga bersama-sama kita mengadakan satu projek baru, bukan saja bagi bantuan makanan pada tiap hari, tetapi mengadakan berbagai rancangan mengikut kebolehan mereka itu sendiri. Umampunya di tempat saya banyak orang-orang miskin yang ada kebolehan iaitu berusaha sendiri untuk mencucuk tanam, memelihara ayam-itek, membuat atap rumbia, dengan kita beri bantuan segala-gus kepada mereka itu dan diberi pimpinan kepada mereka itu sendiri.

Mudah-mudahan mereka itu dapat menambahkan pendapatan mereka itu dengan tidak payah kita beri sebulan \$10 atau \$5 dengan merugikan masa dan wang sahaja. Jadi dengan adanya suatu rumah yang saya katakan tadi, dengan satu bengkel perusahaan, latihan kemahiran bagi mereka itu, maka dapatlah mereka itu hidup dengan cara yang lebih teratur lagi pada masa hadapan.

Lagi satu yang saya suka menarik perhatian berhubung dengan rumah pemulihan akhlak yang disebutkan oleh Menteri yang berkenaan tadi. Jadi saya tertarik hati dengan rumah ini kerana dengan adanya rumah ini, maka akan dapat akhlak mereka itu dipulihkan semula.

Satu perkara yang saya suka hendak sebutkan di sini iaitu Kementerian ini haruslah juga berkerjasama dengan ibubapa yang kehilangan anak, kerana dicolek oleh pihak-pihak yang tertentu. Saya tidak sempat bercakap di dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, tetapi eloklah Kementerian ini juga bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, sebab saya dapat tahu beberapa banyak gadis-gadis di kampung-kampung telah dicolek yang dibawa lari ke Singapura untuk dijadikan pelacuran. Dengan sebab itu menjadi kesusahan bagi ibubapa, walaupun mereka tahu gadis-gadis itu dibawa ke Singapura, tetapi tidak dapat diambil apa-apa langkah. Kalau ibubapanya pergi sendiri

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Beliau bercakap atas tajuk kuturayau. Sila dipanjangkan kuturayau.

Tuan Pengerusi: Kuturayau?

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Kuturayau! Pelacuran itu tidak ada kena-mengena.

Tuan Othman bin Abdullah: Berkenaan dengan akhlak ataupun dalam tanggungjawab bagaimana Kementerian ini bagi memberikan kerjasama dengan ibubapa yang kehilangan anak tadi. Dengan adanya kerjasama daripada pegawai-pegawai Kementerian dengan pihak polis, imigresyen dan sebagainya, maka usaha-usaha mencari anak-anak gadis mereka itu akan dapat dikesan pada masa ke hadapan.

Iniilah sahaja yang saya suka berseru supaya pihak Kementerian mengambil langkah supaya gadis-gadis yang dicolek dan dijadikan pelacur akan dibela sebelum dihantar balik ke kampung mereka itu akan dilatih untuk mereka itu menjalankan perusahaan-perusahaan kemahiran bagi mereka itu sendiri.

Tuan Loh Jee Mee (Batang Padang): *(Dengan izin)* Tuan Pengerusi, I wish to refer to Head B. 61 muka 437 Sub-head 1100, Gaji dan Upahan.

Sir, there appears to be a shortage of trained social welfare personnel in the country. This has been to a great extent caused by frequent resignations of Social Welfare Officers to join the private sector at home or abroad because of the poor salary structure of Kementerian Perkhidmatan Kebajikan Am. Most of them complain of needing welfare aid themselves. It is appreciated that social welfare work does not end at paying a deserving case, say \$10 or \$20 a month—it does not end there. Officers are also required to help solve the problem of such people besides finding employment for some and looking into juvenile cases which are growing gravely each day. They have also to look after the cases of orphans and the handicapped. The nature of their job is such that these Social Welfare Officers are often hard pressed for time, and the situation now has worsened because there are insufficient personnel to cope with the heavy load of work. The net result is a neglected and an unhappy society which will turn and lead to an unhappy nation.

Tuan Pengerusi, if a rot is not to be allowed to set in, I would strongly suggest that the top brass in the Ministry sit up and take stock of the deteriorating state of affairs particularly in small towns and districts where the need for such officers is most great. Let us heed to the proverb, "Prevention is better than cure", for once the rot set in, it

would take four times or even more of the efforts needed now to put things in their proper perspective. There is also a threat that if prompt action is not taken now, both the economic and community development will be hampered. Sir, we have time and again said before in this House and outside this House that we are doubtful of the success of the Second Malaysia Plan, not without any reasons; and one of the reasons is that economic development must go hand in hand with social development, which is not the case. That is where we failed miserably in the First Malaysia Plan and will follow suit in the Second Malaysia Plan if it is not remedied in time. Terima kasih.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Tuan Pengerusi, saya ingin bersama-sama mengambil bahagian mengenai dengan B. 61—Kementerian Kebajikan Am.

Yang pertama sekali, Tuan Pengerusi, di dalam Dewan yang mulia ini, saya ingin melahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan yang telah berusaha menyusun semula Kementerian ini sejak bulan Februari, tahun 1972. Kerana dari apa yang saya dapat faham sejak penyusunan semula dibuat mulai bulan Februari, 1972 sangat nampak dan sangat-sangatlah jelas bahawa Kementerian ini pada masa ini sedang mengorak langkah untuk menyesuaikan dengan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Dan dari apa yang dibentangkan kepada kita sekalian di dalam Dewan ini mulai tahun ini Kementerian ini akan lebih melipatgandakan lagi usahanya untuk menjalankan segala apa yang menjadi hasrat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan di dalam penyusunan yang telah dibuat di dalam tahun 1972. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, apa yang telah disusun, apa yang telah dirancang, saya nampak Yang Berhormat sendiri tidak dapat hendak melaksanakan pada tahun 1973 ini kerana beliau dengan sukarelanya akan mengundurkan diri daripada Jemaah Menteri menjelang akhir bulan Februari tahun ini. Dengan sebab itulah, saya rasa, Tuan Pengerusi, sudah sampai masanya di dalam Dewan yang mulia ini, saya melahirkan ucapan setinggi-tinggi tahniah di atas pengurbanan yang telah diberi oleh seorang wanita yang telah dapat menunjukkan kerja-kerjanya dengan sangat-sangat cemerlang selama beliau memegang jawatan ini.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sentuh ialah mengenai dengan Perkhidmatan Pencegahan. Pada pendapat saya dalam Kementerian ini, inilah satu bahagian yang agak terpenting sekali. Tetapi dari apa yang saya baca di dalam repot ini dan dari penunjukkan jumlah pegawai-pegawai yang dijangka untuk tahun 1973, saya dapat faham, Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian ini adalah salah satu daripada Kementerian yang amat kurang tenaga dan kalau tidak keterlaluan saya katakan boleh jadi Kementerian ini walaupun di dalam penyusunannya sangat-sangat berhemah untuk menjalankan kerja tetapi perhatian daripada pihak Kerajaan amatlah kurang kepada Kementerian ini.

Bukti yang saya berani mengatakan demikian, Tuan Pengerusi, kerana kalau tidak salah di dalam kajian saya, inilah Kementerian yang paling kurang sekali dibekalkan dengan pegawai-pegawai dan kakitangannya. Sedangkan tanggungjawab yang akan diberi kepada Kementerian ini amatlah besar dari segi social. Sebab kalau dikaji daripada apa maksud mengenai dengan perkhidmatan pencegahan yang di dalamnya akan terbahagi kepada perkhidmatan pembangunan nasihat dan kerja kes, bantuan bencana alam, bantuan kebajikan dan pengurusan aktibiti maka saya rasa dengan peruntukan pegawai yang disediakan sudah tentu tidak mencukupi.

Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya merayu dengan bersungguh-sungguh supaya apa yang dirangka di dalam buku ini dapat dijalankan dengan baik pada masa akan datang. Perhatian Kerajaan untuk menambahkan pegawai-pegawai kepada Kementerian ini hendaklah dilipatgandakan dari masa yang sudah-sudah. Kalau tidak akan jadilah Kementerian ini hanyalah merupakan Kementerian tempat orang mencari bantuan sekadar hidup, sekadar makan pagi untuk hidup pagi, makan petang untuk hidup petang sedangkan maksud Kementerian ini bukanlah itu tujuannya.

Jadi sekianlah, sahaja, Tuan Pengerusi, dan sekali lagi saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri yang berkenaan.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya menyokong anggaran yang dipohonkan oleh Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am. Saya suka menyentasi atas

ucapan yang dibuat oleh rakan sejawat saya Yang Berhormat dari Besut berhubung dengan perjawatan Yang Berhormat ini.

Bagi pihak saya dan juga rakyat adalah memuji Kementerian ini kerana sentiasa memberi khidmat kebajikan kepada rakyat dalam negeri ini khasnya kepada rakyat yang mengalami kesusahan. Saya rasa Kementerian inilah yang banyak buat pahala. Selain dari Menteri termasuk pegawai-pegawainya tidak menolak ataupun enggan bekerja dalam waktu kemalangan yang cemas seperti malapetaka alam waktu banjir dan juga waktu kebakaran. Jadi usaha ini saya harap dapat diteruskan bila mana malapetaka menimpa rakyat dalam negeri ini.

Satu masaalah yang saya hendak bangkitkan, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berhubung dengan bengkel. Saya harap bengkel yang dibuat itu dan akan melatih orang-orang cacat dan juga belia-belia kita. Satu perkara yang patut diberikan perhatian alat-alat bagi bengkel ini patut disempurnakan sebab kalau kita adakan bengkel dengan tidak ada alat-alat untuk mereka ini membuat latihan, maka latihan yang kita dapati daripada bengkel yang kita buat itu tidak akan sempurna. Jadi walau macam mana peruntukan yang ada ini hendaklah kita penuhi menurut kehendak penyelia-penyelia dalam bengkel itu.

Satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berhubung dengan perlindungan wanita dan gadis. Perkara yang macam ini kita berikan pemulihan dan berikan pengajaran dan latihan setelah akhlak mereka itu baik. Saya mengharap supaya Kementerian ini menganjurkan mereka bekerja di perkilangan ataupun kerja-kerja yang sesuai dengan mereka itu. Dengan keadaan mereka dapat kerja ini, mudah-mudahan mereka akan jadi seorang rakyat yang baik dan meninggalkan pekerjaan-pekerjaan yang menyebabkan dia dimasukkan di rumah akhlak ini.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, berhubung dengan rumah pengemis dan kuturayau. Ini dibuat di Johor Bahru. Yang betul pengemis ini ialah peminta sedekah menurut fahaman saya. Peminta sedekah ini ada puncanya, Tuan Pengerusi. Satu daripada sebabnya dengan sebab mereka betul-betul susah, miskin dan melarat. Satu sebab lagi puncanya memang diarahkan oleh sekumpulan menyuruh manusia-manusia ini meminta sedekah. Jadi, kalau sekiranya didapati

keterangan mereka ini meminta sedekah diarahkan oleh satu kumpulan, mereka itu juga selain daripada itu kita akan bertindak, kumpulan itu juga patut kita ambil tindakan bawa ke mahkamah. Jadi satu perkara yang saya harap, Tuan Pengerusi, manusia-manusia yang mengemis ini manusia yang sihat badan, yang baik, jadi di mana ada rancangan tanah kita, samada Rancangan FELDA, FELCRA dan sebagainya berikan peluang kepada mereka memasuki rancangan itu dengan pemberian istimewa, mudah-mudahan dengan keadaan ini mengurangkan tugas tanggungjawab Kementerian ini pada masa yang akan datang. Sekianlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Mohd. Tahir bin Haji Abdul Manan (Kapar): Tuan Pengerusi, saya tidak mengambil masa yang panjang, cuma menyentuh berkenaan dengan B. 61, Kementerian Kebajikan Am, muka 437, Pecahan-kepala 1100 iaitu gaji dan upahan.

Di sini sukalah saya menarik perhatian Kementerian ini iaitu Sekolah Laki-laki Sungai Besi ada terdapat jawatan guru yang masih kosong lagi yang tidak dapat diisi. Di sini bukanlah kesalahan Kementerian bahkan sebab-sebab yang pekerjaan yang kosong ini tidak dapat diisi ialah oleh kerana gaji bagi guru-guru di Sekolah Laki-laki yang seperti ini ialah serupa tangga-gajinya seperti guru-guru yang ada di sekolah lain. Dalam Sekolah Laki-laki seperti ini mereka terpaksa bertugas kadang-kadang sampai lewat tengah malam dan boleh dikatakan 24 jam satu hari, wal hal kalau mereka ini bekerja di sekolah-sekolah yang lain iaitu sekolah-sekolah biasa mereka ini dapat cuti dan sebagainya. Inilah satu, rasa saya, kalau dapat hendak menggalakkan mereka masuk ke sekolah-sekolah seperti ini, mereka ini mestilah diberi seperti elaun ataupun incentive lain supaya dapat mereka ini bekerja dan memberi tugas mereka dengan baik dan mereka ini juga mesti ada didikasi supaya dapat menjalankan tugas-tugas dan khidmat mereka yang sangat-sangat diperlukan, kerana di Sekolah Laki-laki ataupun seperti macam ini dan di tempat-tempat lain juga ialah berkehendakan guru-guru yang sangat penting. Kita fahamlah pada masa ini iaitu banyak kita dapati budak-budak yang sudah rosak, jadi mereka ini berkehendakkan guru-guru dan juga pegawai-pegawai yang menjaga mereka ini supaya mereka ini boleh pulih semula.

Jadi saya berharaplah kepada Kerajaan supaya dapat ditenggokkan perkara ini iaitu berkenaan dengan gaji-gaji guru-guru yang ada di Sekolah Laki-laki di Sungai Besi.

Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan ucapan-ucapan pandangan dan ucapan-ucapan yang sungguh mengembirakan saya dan pegawai-pegawai saya, juga ucapan-ucapan yang menegur sebanyak-sedikit berhubung dengan Kementerian saya ini.

Wakil dari kawasan Perlis Utara berucap berkenaan dengan sebuah rumah orang miskin yang ada di Perlis, di Kaki Bukit. Saya sedar di Perlis ada sebuah rumah orang tua-tua miskin yang mana rumah itu adalah anjuran Badan Sukarela. Sungguh rumah itu ditempatkan sahaja untuk orang-orang tua kaum Cina sahaja. Di sini suka saya menyatakan dalam ucapan saya pun ada menyebutkan berhubung dengan sekim ataupun rancangan-rancangan dalam tahun 1973 berhubung dengan hendak membantu orang-orang tua miskin ini. Walau macam manapun, saya suka menerangkan bahawa Kementerian Kebajikan Am ini tidak mengadakan yayasan itu berdasarkan kepada negeri-negeri, melainkan mengadakan sebuah yayasan itu kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat dalam negeri itu dan mengukur kepada senangnya untuk kita mengadakan tempat ataupun yayasan itu. Misalnya, rumah orang tua-tua ada kita tempatkan di sebelah utara yang mana kita tempatkan di Bidong, Kedah. Pada hari ini. Kalau kita tambah dua wad lagi, boleh muat 330 orang yang mana masih banyak lagi kosong dan rumah itu bukan ditempatkan orang tua-tua yang datang daripada seluruh negeri Kedah bahkan yang datang daripada Perlis juga dan juga daripada Pulau Pinang.

Selain daripada itu, Kementerian ini sebagaimana dalam ucapan saya tadi memanglah bekerjasama erat yang amat sangat dengan badan-badan sukarela. Ada kita dapati badan-badan sukarela yang mengadakan rumah orang tua-tua seperti yang ada di Perlis itu. Kementerian saya ada memberi kerjasama dengan badan sukarela yang menganjurkan rumah orang tua-tua itu dan pernah Kementerian saya memberi peruntukan wang untuk membaiki keadaan bangunan di rumah itu.

Kementerian Kebajikan Am buat masa ini tidak bercadang hendak mengadakan suatu yayasan atau apa sahaja yayasan yang ada ditempatkan berasingan, misalnya diuntukkan untuk orang Melayu atau Islam ataupun untuk orang Cina dan sebagainya bahkan bagaimana saya katakan tadi, Kementerian ini dahulu telah mengamalkan berhubungan dengan Rukunegara yang mana yayasan itu kami tempatkan penghuni-penghuni terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

Kementerian Kebajikan Am sebagaimana yang saya sebutkan tadi pada masa ini ada mempunyai 8 buah Rumah Orang Tua-tua yang mana penghuni-penghuninya terdiri daripada berbagai kaum ditempatkan di situ. Makanan kami sediakan dengan cara makanan yang halal iaitu dari segi Islam. Kami adakan sebuah surau yang berupa masjid juga kemudahan-kemudahan perubatan dan sebagainya. Jadi tidaklah menjadikan masalah atau menjadikan alasan bahawa orang-orang tua Islam tidak mahu tinggal atau boleh ditempatkan di yayasan-yayasan orang tua-tua di bawah Kementerian ini.

Apa yang saya tahu ialah kebanyakan daripada orang-orang tua kita—orang Melayu khasnya orang Islam tidak begitu suka untuk tinggal dan juga ada keluarga-keluarga mereka itu walau macammana miskin sekali pun tidak membenarkan orang tuanya tinggal di yayasan-yayasan Kementerian. Maka itulah dalam ucapan saya tadi ada sekim baharu pada tahun 1973 ini ataupun rancangan baharu, Rancangan Malaysia Yang Kedua ini tidak ada rancangan untuk mengadakan Rumah Orang Tua-tua bahkan kita mengadakan rancangan baharu pada tahun 1973 ini mengadakan peruntukan wang untuk memberi bantuan kepada orang tua-tua yang suka tinggal di luar yayasan Kementerian, samada tinggal dengan saudara atau dengan keluarga mereka supaya dapat mereka itu sama-sama tinggal dengan keluarganya.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis pula menyatakan kerja-kerja mencegah penculikan. Ini adalah menjadi tanggungjawab pihak polis. Saya suka menerangkan bahawa Kementerian saya hanya bertanggungjawab pemulihan kepada gadis-gadis yang rosak akhlaknya, iaitu setelah pihak polis, mahkamah atau majistret telah menjatuhkan hukuman yang mengatakan gadis yang

sekian-sekian umur ini diletakkan di bawah pemulihan akhlak di bawah Kementerian ini maka itulah sebabnya Kementerian saya mengambil mereka dan menempatkan di yayasan pemulihan akhlak wanita dan gadis.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang merungut berkenaan dengan Pegawai Kebajikan memikul beban kerja yang sangat berat. Saya ucapkan terima kasih kerana beliau itu sedar yang mana pegawai-pegawai saya itu memanglah mereka tidak kira gaji dan sebagainya, kerja mereka itu adalah kadangkadangkang 24 jam dalam musim-musim kecemasan, samada kebakaran, banjir dan sebagainya.

Pegawai-pegawai saya, saya dapati adalah begitu bertanggungjawab dalam tugas-tugas yang diberikan kepada mereka itu di atas kesedaran beliau, saya ucapkan terima kasih dan bagaimanapun apa yang dikatakan bahawa pegawai tidak mencukupi maka oleh sebab itu bebanan adalah berat—kerja berat ditanggung oleh pegawai-pegawai. Di sini sukalah saya menerangkan bahawa Kementerian ini ada mempunyai 11 orang Pegawai Luar dan 236 orang pegawai yang telah dimasukkan di dalam belanjawan tahun ini. Ini akan menambahkan dan memperbaiki lagi kerja-kerja kemasyarakatan di Jabatan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Besut dalam ucapannya adalah mengalu-alukan atas kebolehan dan kesanggupan Kementerian Kebajikan Am. Saya bagi pihak pegawai-pegawai saya mengucapkan ribuan terima kasih atas ucapan dan aluan-aluan yang telah diberikan oleh beliau dan juga ucapan beliau memuji pada saya itu dan segala pujian itu, saya ucapkan terima kasih.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara membangkitkan berkenaan dengan bengkil untuk menempatkan orang-orang cacat supaya dilengkapi dengan segala kemudahan. Ini memanglah tujuan kita hendak mengadakan bengkil ini, kerana hendak menempatkan orang-orang cacat telah dapat pemulihan supaya duduk di bengkil itu membuat kerja-kerja supaya dia boleh mendapatkan sara hidup dirinya dan keluarganya yang membolehkan dia nanti berdikari sendiri.

Berhubung dengan Pelindungan Wanita dan Gadis. Beliau telah mengesyorkan supaya Kementerian ini setelah berjaya memberi pemulihan akhlak kepada kesalahan

wanita-wanita yang rusak akhlak itu ataupun gadis-gadis yang rusak akhlak itu supaya dianjurkan memberi kerja. Ini memanglah tujuan Kementerian ini dalam memberikan pemulihan kepada mereka yang mana kami menempatkan mereka di pusat itu selain daripada memberi pemulihan dengan memberi pelajaran-pelajaran ugama, syarahan-syarahan sivik dan sebagainya juga kami memberikan latihan kerja yang mana kerja itu akan menjamin supaya setelah mereka keluar daripada yaysan itu akan menjamin mereka atau memudahkan mereka itu mendapat pekerjaan dan juga menjamin mereka itu akan menjadi seorang isteri yang baik.

Pelajaran-pelajaran yang kami berikan adalah kerja-kerja seperti belajar mendobi, dry cleaning membuat rambut, make-up, mengunting—jahit-menjahit, memasak yang mana setelah sampai tempohnya mereka boleh keluar maka dengan ini adalah menjamin mereka itu mudah mendapat pekerjaan.

Berhubung dengan rayuan tadi, kami mengadakan satu yaysan menempatkan kutu-rayau yang ada di Mersing yang mana juga pemulihan diberi kepada mereka ialah berhubung dengan kerja-kerja seperti dalam lapangan pertanian dan kerja-kerja tangan seperti membuat bakul, tong-ikan dan sebagainya yang mana selain diberikan syarahan-syarahan sivik dan sebagainya sekiranya setelah mereka pulih nanti untuk keluar akan menjadi seorang ahli masyarakat yang begitu berguna kepada masyarakat, negara dan juga kepada keluarga mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Kapar, beliau menegur berkenaan dengan rendahnya bayaran gaji guru-guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah akhlak, dan hingga hari ini di sekolah akhlak ada di antaranya tidak ada mempunyai guru ataupun guru-guru yang ditempatkan di situ. Ini adalah kerana payah hendak mendapatkan guru. Ini juga saya sedar selama ini dan telahpun kami berikhtiar dan di dalam perundingan dengan Kementerian dan insya Allah tidak lama lagi nanti dapat kami isikan yang mana telahpun dibuat keputusan terlambat. Ini ialah oleh kerana kita menunggu Skim Lapuran Aziz. Itulah sebabnya jadi lambat dan hari ini kita menempatkan guru di situ adalah berpandu kepada Skim Lapuran Aziz. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$9,900,000 untuk Kepala B. 61; diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; \$280,886,055 untuk Kepala P. 61 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1973.

Kepala-kepala B. 38, B. 39 dan B. 40—

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya perbelanjaan berjumlah \$2,459,400 di bawah Kepala B. 38—Peguam Negara di muka 319, perbelanjaan Pemegang Amanah Raya berjumlah \$1,149,500 di bawah Kepala B. 39 muka 322 dan perbelanjaan Jabatan Kebankrapan berjumlah \$579,200 di bawah Kepala B. 40 muka 324 diluluskan.

Tuan Pengerusi, 1 jawatan Pegawai Kerja telah diwujudkan untuk membantu Ketua Pegawai Pentadbir dalam menguruskan kewangan jabatan satu jawatan tambahan Kerani adalah dikehendaki bagi bahagian penggubalan untuk membaca peruf bagi draf perundangan dan menyimpan rekod-rekod perundangan. Satu jawatan Pembantu Kedua Undang-undang dikehendaki di Jabatan Hasil Dalam Negeri yang pada ketika ini mempunyai 4 Pegawai Undang-undang. Pembantu Kedua Undang-undang ini adalah dikehendaki membantu Pegawai-pegawai Undang-undang menyediakan rekod-rekod dan perkara-perkara lain berjenis teknikal.

Dengan bertambahnya bilangan tuntutan-tuntutan yang difailkan terhadap Kerajaan, 1 jawatan tambahan Peguam Persekutuan adalah dikehendaki di Bahagian Sivil untuk menampung kerja-kerja yang kian bertambah daripada setahun ke setahun.

Pada tahun 1973 Perkhidmatan Bantuan Guaman akan diperluaskan di negeri Johor dan adalah dijangka bertambahnya bilangan orangramai yang akan menggunakan perkhidmatan ini manakala pejabat cawangan-nya itu dibuka kelak. Pejabat cawangan di Johor akan mengandungi 2 orang Penolong Pengarah Bantuan Guaman, 3 Jurubahasa, 1 Kerani, 1 Jurutaip dan seorang Budak Pejabat.

Satu lagi kegiatan telah dimasukkan ke bawah portfolio saya dan ini ialah Biro Pencegah Nakotik. Tugas utama Biro ini ada-

lah untuk menyelesaikan masalaah dengan kian bertambahnya kejadian-kejadian penjaan madat, dadah, ketagihan, penyeludupan dan pembahagian madat. Biro ini telah mula menjalankan tugas dengan keanggotaan "skeleton" atau permulaan mulai daripada bulan Oktober, 1972, bilamana seorang Pegawai Kanan Polis dan seorang Pegawai Kanan Kastam telah dipinjamkan untuk berkhidmat di dalam Biro ini. Adalah diharapkan Biro ini dapat menyelesaikan dengan berkesan dan mengawal kecelakaan madat di negeri ini. Dalam tahun 1973 jumlah permulaan sebanyak \$86,200 telah dianggarkan untuk kegiatan ini yang dewasa ini berdasarkan kepada keanggotaan "skeleton" sahaja. Biro ini akan diperluaskan untuk meliputi keseluruhan negara dan kakitangan-kakitangan yang berpengalaman daripada Jabatan-jabatan Polis dan Kastam akan dipinjamkan kepada Biro ini.

Tujuan-tujuan Biro ini ialah seperti berikut:

- (1) Penguatkuasa Undang-undang;
- (2) Pemulihan orang-orang ketagih dadah;
- (3) Langkah-langkah pencegahan;
- (4) Penyelidikan dan penilaian;
- (5) Latihan dan maklumat;
- (6) Penyelarasan antarabangsa; dan
- (7) Bahagian Perisik.

Tambahan pada keseluruhannya bagi tahun 1973 adalah Jabatan Peguam Negara ialah sebanyak \$132,690.

Tuan Pengerusi, saya sekarang merujuk kepada Kepala Bekalan B. 39 mengenai Jabatan Pemegang Amanah Raya, Pentadbir Pesaka dan Penyimpan Harta Musuh. Ahli-ahli Yang Berhormat, sedia maklum bahawa Jabatan ini sudah pun berjalan di atas dasar Seluruh Malaysia semenjak tahun 1966 dengan mengadakan Pejabat Cawangan-cawangan di tiap-tiap buah negeri dalam Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Untuk menyelenggarakan kerja-kerja yang bertambah-tambah banyak dalam perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan ini, di mana kian bertambah ramai orang-orang terpaksa dilayani terutama rakyat-rakyat di kawasan luar bandar dan juga oleh kerana Pemegang Amanah Raya telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi sambilan Amanah

Saham (Unit Trusts) dan oleh kerana satu seksi Odit dalam Jabatan (Internal Audit) akan ditubuhkan maka tujuh jawatan tambahan (seorang Pegawai Kerja Kira-kira, seorang Pegawai Kuasa Wasiat, dua orang Pegawai Kerani Tingkatan III, dan dua orang Penyimpan Kira-kira Tingkatan III dan seorang Jurutaip) telah diujudkan bagi tahun 1973 untuk Malaysia Barat. Tambahan pada keseluruhannya kenaikan perbelanjaan mengenai gaji (Personal Emoluments) telah melebihi Anggaran bagi tahun 1972 sebanyak \$75,200.

Mengenai Pecahan-kepala Perabut, Alat-alatan dan ternakan ada terdapat kekurangan sebanyak \$1,610. Wang sebanyak \$5,300 telah diperuntukkan di bawah Pecahan-kepala Pembinaan untuk menemui perbelanjaan pembinaan dan memperbaiki ruangan pejabat yang telah diambil alih daripada Pejabat Kebankrapan.

Saya sekarang merujuk kepada Kepala B. 40—Jabatan Kebankrapan, Malaysia.

Pada tahun 1973 jumlah jawatan di Jabatan ini ialah seramai 91 dengan 84 jawatan pada tahun 1972. Ini adalah dianggap perlu memandangkan kepada banyaknya bilangan kes-kes kebangkrapan dan bubarannya syarikat-syarikat yang diterima pada masa tahun yang lalu.

Satu jawatan baharu iaitu Timbalan Pegawai Pemegang Harta dari Perkhidmatan Kehakiman dan Undang-undang akan ditempatkan di Ibu Pejabat sebagai Timbalan Pegawai Pemegang Harta untuk membantu Pegawai Pemegang Harta dari segi undang-undang. Dua Pegawai Kebankrapan baharu dan dua Jurubahasa baharu akan dihantar ke cawangan-cawangan bagi membantu Ketua Pejabat di situ.

Gaji bagi tahun 1973 ialah \$540,000 berbandingkan dengan \$508,500 bagi tahun 1972 iaitu bertambah sebanyak \$31,500.

Peruntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan pula adalah dikurangkan sebanyak \$1,700.

Peruntukan sebanyak \$2,000 sahaja adalah diberi di bawah Pecahan-kepala Pembelian Barang-barang dan Harta Tetap. Bagi tahun 1972 sebanyak \$6,400 telah diperuntukkan.

Demikianlah penerangan saya, Tuan Pengerusi.

Tuan Othman bin Abdullah (Pertis Utara): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan mengalu-alukan peruntukan yang dikemukakan oleh Jabatan ini yang mana telah banyak perubahan-perubahan yang telah dibuat yang akan memberi faedah dan keuntungan kepada negara terutama sekali Jabatan baharu Pencegah Dadah dan juga kegiatan-kegiatan lain yang merbahaya kepada negara.

Ini satu perubahan yang sangat dialu-alukan. Hanya satu perkara sahaja yang saya suka hendak sebutkan di sini iaitu berhubung dengan Perkhidmatan Perundangan. Pihak Jabatan ini haruslah mengkaji semula undang-undang Harta Pesaka yang dibahagikan kepada anak-anak atau waris-warisnya yang difikirkan tiada begitu adil dalam masa hidupnya.

Misalnya satu perkara yang saya telahpun berjumpa dengan Yang Berhormat Peguam Negara sendiri berhubung dengan satu perkara seorang ayah yang berumur lebih daripada 80 tahun yang mana sebelum dia meninggal dunia dahulu telah membahagikan semua harta pesakanya hampir-hampir 40 relog luasnya kepada isteri dan anak-anak daripada isteri yang keduanya. Pada hal semua harta pesaka itu adalah hasil daripada kerjasama allahyarhaman isterinya yang pertama dahulu.

Setelah dia meninggal dunia maka anak-anaknya dari isteri yang pertama menyemak kembali harta pesaka dan tanah, maka didapati semua harta telah habis diberi kepada mereka daripada isteri yang kedua.

Di dalam hubungan ini, saya telahpun bertanya kepada Yang Berhormat Peguam Negara sendiri dan beliau telah berkata bahawa perkara ini tidaklah dapat dibuat apa-apa lagi, kerana perkara itu dilakukan dalam masa hayatnya, kecuali perkara ini diambil loyar untuk dibawa ke mahkamah keadilan sahaja. Pada hal keluarga yang saya katakan setelah hartanya telah dibahagikan kepada keluarga-keluarga daripada isteri yang kedua itu telah jatuh miskin, hanya menunggu harinya untuk dihalau keluar daripada tanah harta pesaka ayahandanya itu. Oleh yang demikian, patutlah undang-undang itu disemak semula dan kalau perlu hendaklah dipinda ke perkara yang tertentu supaya keluarga-keluarga seperti itu terbela pada masa yang ke hadapan.

Yang kedua, berkaitan dengan harta amanah, harta pesaka daripada seorang ayah yang sudah tua tetapi anaknya masih lagi muda yang belum lagi cukup umur, hartanya itu, gerannya itu telah diamanahkan kepada seorang sahabatnya yang lain tetapi malangnya setelah anaknya itu besar dan cukup umur maka didapati harta pesaka atau geran itu telah dipindahkan kepada nama orang yang diberi amanah tadi semuanya sekali. Tetapi perkara ini patutlah disemak oleh undang-undang kalau belum ada tegahan-tegahan yang begitu patutlah diadakan segera.

Sekianlah ucapan saya dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya mengambil kesempatan menyokong sepenuhnya peruntukan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya bercakap berhubung dengan Biro Pencegah Nakotik. Ini satu perkara yang baharu. Saya memandang bahawa ini adalah satu usaha yang sangat baik, sebab penyakit ini telah berat sangat kepada masyarakat negara kita ini.

Saya fikir hendak mencegah usaha ini kita tidak boleh melihat hanya dalam negeri sahaja bahawa bahan-bahan ini didatangi oleh kumpulan ahli perniagaan yang bijak, yang pandai, yang mempunyai latihan-latihan yang cukup untuk mengedarkan bahan-bahan ini.

Perniagaan ini satu perniagaan yang mendatangkan keuntungan yang besar. Oleh itu saya mengharapkan oleh sebab kita ini ada mempunyai negara ASEAN barang-barang ini juga diedarkan daripada negara-negara ASEAN itu. Tempat yang paling besar pejabat yang mengedarkan ini ialah di Hong Kong dan barang ini menurut apa yang saya difahamkan bahawa didatangi daripada negara Cina Komunis. Jadi usaha yang semacam ini, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau kita hanya memperhatikan dalam negeri sahaja, maka bahan-bahan ini tidak akan dapat dibasmikan.

Sekarang kita dapat melihat bahawa madat dan dadah ini telah menjadi satu makanan yang digemar oleh rakyat ini atau disukai oleh setengah-tengah rakyat ini dan siapa yang tidak dapat memakan madat dan dadah ini ada apa hubungannya ini menjadi ketagih.

Bila makna mereka ketagih, mereka berusaha mencari satu jalan siapa dia pengedar dalam negeri supaya dapat mereka menerima bahan-bahan ini.

Yang kedua, perkara ini telah melarat bukan sahaja kepada orang dewasa termasuk kepada anak-anak kita dan sedikit-sedikit kakitangan Kerajaan. Ada pula satu kumpulan daripada orang yang atasan menganjurkan masalah-masalah ini. Jadi perkara yang macam ini Yang Berhormat Tuan Pengerusi walaupun saya cakap dengan am tetapi inilah satu yang menyebabkan bahawa pengedaran ini berjalan dengan baik dalam negeri kita. Kepada manusia yang telah kena ketagih madat ini patutlah kita pulihkan dengan dimasuk ke hospital, mudah-mudahan kesihatan mereka itu tidak akan terganggu.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Pengerusi, mula-mula saya suka menjawab ulasan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara.

Perkara undang-undang pesaka bagi orang-orang Islam adalah satu perkara mengikut undang-undang Islam yang telah ada mengikut hukum syara' dan tiada siapa-siapa pun boleh memindanya, tetapi masaalah yang timbul itu sememang saya tahu berlaku dan banyak juga berlaku, misalnya timbulnya perkara itu betul-betul berlaku di Perlis dan telahpun ditulis kepada saya di mana seorang tua lebih kurang umurnya 82 tahun berkahwin pula dengan isteri muda. Dengan tidak tahu anak-anaknya dan isteri tuanya apakala dia meninggal, kebunnya yang ada 40 ekar atau relong semuanya setelah dia meninggal, pada nama isteri muda. Inilah satu perkara yang selalu berlaku, kalau sudah tua sangat, isteri muda pula memujuk habis semuanya pergi kepada isteri muda.

Sepatutnya anak-anaknya hendaklah sedar atas perkara ini. Ia sudah berumur 80 tahun dan dengan ada isteri yang muda hendaklah ia selalu memandangkan keadaan di mana kebun akan jatuh. Perkara yang timbul macam ini tiada siapa yang boleh berbuat apa-apa, kerana undang-undang menyatakan masa hidupnya dia telah memberi dan menukar nama kepada isteri muda dan masa itu akalanya sempurna dan dengan rela hatinya. Saya telah menjawabkan bahawa saya tidak boleh berbuat apa-apa dalam perkara ini, melainkan kalau boleh, diambil seorang

loyar dari luar bagi kenyataan yang semasa hidupnya orang tua itu kepalanya tidak betul semasa dia menukarkan nama itu baharu boleh dapat dipinda balik, tetapi saya fikir mustahil dapat dijalankan atas perkara ini. Perkara ini ialah perkara sosial bukanlah disalahkan undang-undang.

Berkenaan dengan seorang tua yang ada anak yang sangat kecil, memberikan amanah hartanya kepada seorang lain sementara membesarkan anaknya dan akhirnya harta itu atau kebun itu ditukarkan kepada nama orang yang memegang amanah itu dan kalau ini ada berlaku, hendaklah direpot kepada pihak Polis bahawa ini adalah terang dan nyata satu perkara pecah amanah dan adalah satu kesalahan di bawah undang-undang dan perkara ini boleh diambil tindakan.

Berkenaan dengan Narkotik, Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah bercakap berkenaan dengan penyeludupan dan pengedaran madat dan dadah. Saya menyatakan di sini iaitu Biro Narkotik negeri kita memang ada bekerjasama dengan negeri-negeri jiran dan negara Asian dan masa ini sekali pun wakil kita tengah mensyuarat di Australia di mana ada satu cadangan hendak menubuhkan satu pusat di Asia-Tenggara ini supaya semua negeri-negeri di Asia-Tenggara bekerjasama bagi membasmi penye-ludupan dan pengedaran madat ini.

Dalam masa tiga bulan yang lalu negeri-negeri Asean sudahpun bermesyuarat di Manila di mana saya telah menghantar Pengarah saya bermesyuarat di sana dan juga bersetuju untuk mengadakan kerjasama antara negeri-negeri Asean lima buah negeri bekerjasama dalam perkara mengumpulkan bahan-bahan dan lain-lain maklumat berkenaan dengan pengedaran dan penye-ludupan madat, sebab kita tahu madat-madat yang merbahaya datang daripada negara luar terutamanya daripada utara ke negeri ini dan kita sememang ada kerjasama dengan negeri jiran dan negeri-negeri lain untuk mencegah penyeludupan ke negeri ini.

Berkenaan dengan cadangan mesti diadakan pusat-pusat untuk pemulihan, itu adalah dalam rancangan jabatan saya, apakala siap ditubuhkan jabatan ini diseluruh negeri dalam Malaysia ini, langkah yang kedua ialah bagi pemulihan khasnya pemuda-pemuda yang telah menjadi pengidap penyakit menghisap madat kita adakan pusat

untuk pemulihan mereka itu. Itulah yang dapat saya jawabkan, Tuan Pengerusi.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,459,400 untuk Kepala B. 38; \$1,149,500 untuk Kepala B. 39; dan \$579,200 untuk Kepala B. 40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Kepala-kepala B. 41 dan P. 41—

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengusulkan supaya Dewan ini meluluskan perbelanjaan berjumlah sebanyak \$12,880,661 yang ditunjukkan di bawah Kepala Bekalan B. 41 bagi Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dijadikan sebahagian daripada Jadual.

Perbekalan ini diminta bagi perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan untuk memaju dan memperkembangkan rancangan-rancangan buruh dan tenaga rakyat. Segala usaha akan ditumpukan bagi mencapai perkara-perkara berikut:

- (i) Melindungi dan memajukan kesejahteraan, kebaikan dan keselamatan pekerja-pekerja.
- (ii) bagi memajukan perhubungan baik majikan pekerja.
- (iii) melengkapkan penganggur-penganggur dengan kemahiran asas bagi perusahaan dan memajukan taraf kemahiran tenaga-tenaga kerja.
- (iv) membantu supaya punca-punca tenaga rakyat negara dapat dipergunakan dengan sepenuhnya.

Di samping itu, Kementerian juga akan memberikan sumbangan-sumbangan kepada institusi dan badan-badan berkanun yang secara langsung berkaitan dengan tugas-tugas Kementerian dan juga sumbangan kepada Pertubuhan Buruh Antarabangsa dalam mana Malaysia adalah sebagai ahli.

Di samping rancangan tenaga rakyat dan usaha-usaha latihan perusahaan diperluaskan dalam tahun 1973, di masa yang sama juga penekanan akan diberikan oleh Kementerian ini di dalam membentuk perseimbangan kaum di dalam tenaga kerja di tempat-tempat pekerjaan. Dalam bidang keselamatan sosial

tahun 1973 akan menyaksikan perkembangan Sekim Insuran Bencana Pekerjaan bagi meliputi lebih banyak lagi kawasan dan memperkenalkan Sekim Pencen Ilat buat pertama kalinya di negeri ini.

Pertubuhan ini juga merancang untuk memperluaskan gerakannya ke Malaysia Timur. Satu kajian telahpun dijalankan baru-baru ini di Kota Kinabalu dan Kuching mengenai kemungkinan mengadakan Sekim Insuran Bencana Pekerjaan di kedua bandar di Malaysia Timur itu dengan cara "Pilot Project". Saya berharap bahawa pertubuhan itu dapat memberikan faedah keselamatan sosial kepada Malaysia Timur seberapa segera dan juga mungkin pada tahun ini.

Dengan penubuhan lebih banyak lagi perusahaan-perusahaan, maka penguatkuasaan dan memajukan keselamatan perusahaan akan juga bertambah lagi. Walau bagaimanapun tumpuan akan dibuat terhadap "Anti Pollution" oleh kilang-kilang.

Kerja-kerja Perhubungan Perusahaan bagi Kementerian saya bertambah dengan lebih banyak pada tahun 1972 disebabkan oleh perkembangan-perkembangan perusahaan pesat di seluruh negara dan kegiatan-kegiatan pertubuhan kesatuan sekerja lebih-lebih lagi di kalangan sektor perdagangan dan pembuatan. Penambahan ini akan berterusan dalam tahun 1973 dengan perkembangan perusahaan yang lebih lagi dalam tahun-tahun hadapan dan undang-undang yang ada sekarang adalah sedang dikaji untuk menyesuaikan dengan keadaan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang telah saya nyatakan di awal tadi, tekanan akan terus diberikan terhadap perancangan tenaga manusia dan usaha-usaha latihan perusahaan. Projeksi tenaga manusia dalam berbagai-bagai jenis pekerjaan dalam sektor pertanian telahpun disiapkan oleh Kementerian saya. Kementerian ini akan bekerjasama rapat dengan badan-badan Kerajaan yang lain yang berkaitan, menjalankan projeksi di dalam ini akan menentukan supaya penawaran akan diperbanyakkan bagi memenuhi supaya penawaran akan diperbanyakkan bagi memenuhi kehendak-kehendak bagi pasar buruh dan dengan itu kemajuan dan perkembangan ekonomi tidak akan tergendala oleh kekurangan tenaga manusia. Rancangan-rancangan latihan dan pelajaran akan ditumpukan bagi memenuhi kehendak-kehendak berbagai kategori buruh.

Maklumat pendaftar-pendaftar buruh secara lengkap di Pejabat-pejabat Pekerjaan secara komputer telahpun diperolehi dan dianalisa. Maklumat-maklumat ini akan berguna bagi penempatan kerja dan pemindahan pekerjaan.

Latihan Perusahaan di berbagai-bagai peringkat dan kemahiran akan terus diberikan di Pusat Latihan Perusahaan Kuala Lumpur. Rancangan perintisan telahpun diperluaskan ke negeri-negeri Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak. Penggunaan sepenuhnya adalah dijalankan terhadap kemudahan-kemudahan yang ada di Pusat Latihan Perusahaan Kuala Lumpur dengan mengadakan kursus sambilan pada sebelah petang.

Latihan perusahaan akan diperkembang dan dipercepatkan lagi dengan pembukaan Pusat Latihan Perusahaan di Prai di dalam bulan Mac 1973. Pada permulaannya adalah dijangka seramai 300 pelatih-pelatih akan diambil dan ini akan ditambah lagi dari semasa ke semasa.

Perkhidmatan Pekerjaan akan terus dimajukan dan di masa yang sama juga memperkembangkan perkhidmatan di dalam menempatkan pencari-pencari kerja di dalam pekerjaan yang sesuai.

Tuan Pengerusi, saya pernah menyatakan di Dewan ini bahawa Kementerian saya akan selalu mengawasi perubahan-perubahan dan tidak ragu-ragu untuk mengadakan pindaan-pindaan, jika sekiranya perlu, terhadap sebarang undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya bagi menyesuaikan dengan keadaan dan pembangunan ini dalam negara ini. Memandangkan perkembangan perusahaan yang pesat, sudah tentu tidak dapat dielakkan membawa kepada keadaan yang baru bagi masalah-masalah buruh dan perhubungan perusahaan, dengan ini sudah tentu memerlukan satu kajian dibuat terhadap undang-undang buruh yang ada sekarang dan juga perhubungan perusahaan dan undang-undang Kesatuan Sekerja. Saya sukacita memberi tahu bahawa Pertubuhan-pertubuhan majikan dan pekerja-pekerja akan diberi, peluang menerusi Majlis

Penasihat Buruh Bersama Kebangsaan untuk berunding di dalam mengulang kaji undang-undang ini. Tidakkah menjadi tujuan saya bagi menyebelah kepentingan satu pihak di samping satu pihak yang lain, tetapi adalah bagi menjaga kepentingan kedua-dua pihak menerusi persefahaman dan muhibbah. Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji undang-undang buruh dengan tujuan menyesaikannya dengan keadaan perusahaan-perusahaan dan tenaga buruh yang telah ada. Pertimbangan juga adalah diberikan bagi memperluaskan undang-undang ini ke Sabah dan Sarawak dengan tujuan mengadakan penyelarasan di dalam undang-undang buruh di seluruh Malaysia.

Pindaan-pindaan kepada Akta Perhubungan Perusahaan 1967 yang ada sekarang akan membawa satu bentuk yang baru di dalam perbekalan-perbekalan yang tertentu bagi mengadakan sistem perhubungan perusahaan yang lebih baik di negeri ini untuk menjaga dan memajukan keharmonian dan kedamaian perusahaan. Pindaan-pindaan terhadap Ordinan Kesatuan Sekerja bagi membenarkan Tabung Kewangan Kesatuan digunakan untuk penanaman modal di dalam perniagaan, perusahaan dan pertanian adalah merupakan satu lagi tangga kemajuan yang besar terhadap pergerakan kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja serta ekonomi pada amnya di seluruh negara ini. Ini merupakan satu lagi tambahan terhadap peranan Kesatuan bagi membolehkan mereka mengambil bahagian secara positif dan secara terus di dalam perkembangan dan kesejahteraan negara ini.

Tuan Pengerusi, saya momohan mengesyorkan supaya Dewan ini meluluskan perbekalan sebanyak \$12,880,661 di bawah Kepala Bekalan B. 41 bagi Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan (Timbalan) Yang di Pertua: Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok, hari Jumaat, 26hb Januari, 1973.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.